Jilid IV
No. 45

Hari Selasa
27hb Februari, 1968

# PERBAHATHAN PARLIMEN

## DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA

### PENGGAL KEEMPAT

### PENYATA RASMI

KANDONGAN-NYA

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN² [Ruangan 6601]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1968—

Jawatan-kuasa—

Kepala 123 [Ruangan 6622]

Kepala 124 [Ruangan 6642]

Kepala 125 [Ruangan 6645]

Kepala² 133 hingga 137 [Ruangan 6652]

Kepala² 138 hingga 144 [Ruangan 6696]

DI-CHETAK DI-JABATAN CHETAK KERAJAAN
OLEH THOR BENG CHONG, A.M.N., PENCHETAK KERAJAAN
KUALA LUMPUR
1969

MALAYSIA

# DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA

## PENGGAL YANG KEEMPAT

*Penyata Rasmi*

---

Hari Selasa, 27hb Februari, 1968

---

*Persidangan bermula pada pukul 10.00 pagi*

YANG HADHIR:

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Y.B. DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara, Perak.

" Timbalan Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Y.A.B. TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).

" Menteri Kewangan, Y.A.B. TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).

" Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom, Y.A.B. TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungai Siput).

" Menteri Pengangkutan, Yang Berbahagia, TAN SRI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara)

" Menteri Perdagangan dan Perusahaan, DR LIM SWEE AUN, J.P. (Larut Selatan).

" Menteri Kebajikan 'Am, TUAN HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang Padang).

" Menteri Hal Ehwal Sarawak, Yang Berbahagia TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K. (Sarawak).

" Menteri Buroh, TUAN V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Kelang).

" Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama, TUAN HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI (Ulu Perak).

" Menteri Muda Kewangan, DR NG KAM POH, J.P. (Teluk Anson).

" Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH (Raub).

" Setia-usaha Parlimen kapada Menteri Kesihatan, TUAN IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN, J.M.N. (Seberang Tengah).

" Setia-usaha Parlimen kapada Menteri Buroh, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).

" Setia-usaha Parlimen kapada Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).

" Setia-usaha Parlimen kapada Timbalan Perdana Menteri, TUAN CHEN WING SUM (Damansara).

" NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT (Kelantan Hilir).

" TUAN HAJI ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).

Yang Berhormat TUAN ABDUL KARIM BIN ABU, A.M.N. (Melaka Selatan).

" WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).

" DATO' ABDULLAH BIN ABDUL-RAHMAN, S.M.T., Dato' Bijaya di-Raja (Kuala Trengganu Selatan).

" Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI AL-MARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).

" TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., S.M.J., P.I.S. (Segamat Utara).

" TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Bachok).

" TUAN AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).

" TUAN HAJI AHMAD BIN SAAID, J.P. (Seberang Utara).

" PUAN AJIBAH BINTI ABOL (Sarawak).

" TUAN RAFAEL ANCHETA, A.M.N. (Sabah).

" DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).

" TUAN AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).

" PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, P.B.S. (Sarawak).

" TUAN CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).

" TUAN CHAN SIANG SUN, P.J.K. (Bentong).

" TUAN CHEW BIOW CHUON, J.P. (Bruas).

" TUAN CHIN FOON (Ulu Kinta).

" TUAN D. A. DAGO ANAK RANDAN *alias* DAGOK ANAK RANDEN, A.M.N. (Sarawak).

" TUAN EDWIN ANAK TANGKUN (Sarawak).

" TUAN SYED ESA BIN ALWEE, J.M.N., S.M.J., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).

" DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID (Johor Bahru Timor).

Yang Berbahagia TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).

Yang Berhormat TUAN GANING BIN JANGKAT (Sabah).

" TUAN GEH CHONG KEAT, K.M.N. (Pulau Pinang Utara).

" TUAN HAJI HAMZAH BIN ALANG, A.M.N., P.J.K. (Kapar).

" TUAN HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N., J.P. (Kulim Utara).

" TUAN HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Baling).

" WAN HASSAN BIN WAN DAUD (Tumpat).

" TUAN STANLEY HO NGUN KHIU, A.D.K. (Sabah).

" DATO' HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, D.P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Parit).

" TUAN HUSSEIN BIN SULAIMAN (Ulu Kelantan).

" TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN, S.M.K., J.P. (Kota Bharu Hulu).

Yang Amat Berbahagia TUN DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N. (Johor Timor).

Yang Berhormat TUAN ISMAIL BIN IDRIS (Pulau Pinang Selatan).

" PENGHULU JINGGUT ANAK ATTAN, K.M.N., Q.M.C., A.B.S. (Sarawak).

Yang Berhormat TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Sitiawan).

„ TUAN THOMAS KANA, K.M.N. (Sarawak).

„ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).

„ DR LIM CHONG EU (Tanjong).

„ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).

„ DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kota Star Selatan).

„ TUAN T. MAHIMA SINGH, J.M.N., J.P. (Port Dickson).

„ DATO' DR HAJI MEGAT KHAS, D.P.M.P., J.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).

„ DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Pasir Puteh).

„ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Besut).

„ TUAN MOHAMED IDRIS BIN MATSIL, J.M.N., P.J.K., J.P. (Jelebu-Jempol).

„ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).

„ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).

„ TUAN MOHD. ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, J.M.N. (Sungai Patani).

„ WAN MOKHTAR BIN AHMAD (Kemaman).

„ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).

„ TUAN HAJI MUHAMMAD SU'AUT BIN HAJI MUHD. TAHIR, A.B.S. (Sarawak).

„ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).

„ TUAN MUSTAPHA BIN AHMAD (Tanah Merah).

Yang Berbahagia TAN SRI NIK AHMAD KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N., P.Y.G.P., Dato' Sri Setia Raja (Kota Bharu Hilir).

Yang Berhormat TUAN NG FAH YAM (Batu Gajah).

„ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH (Hilir Perak).

„ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).

„ TUAN QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Timor).

„ TUAN RAMLI BIN OMAR (Krian Darat).

„ TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID, P.J.K., J.P. (Rembau-Tampin).

„ RAJA ROME BIN RAJA MA'AMOR, P.J.K., J.P. (Kuala Selangor).

„ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).

„ TUAN SIM BOON LIANG, A.B.S. (Sarawak).

„ TUAN SIOW LOONG HIN, P.J.K. (Seremban Barat).

„ TUAN SENAWI BIN ISMAIL, P.J.K. (Seberang Selatan).

„ TUAN SOH AH TECK (Batu Pahat).

„ TUAN HAJI SULEIMAN BIN ALI (Dungun).

„ TUAN SULEIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).

„ TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).

„ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N. (Kulim Bandar Bharu).

„ TUAN TAMA WENG TINGGANG WAN (Sarawak).

„ DR TAN CHEE KHOON (Batu).

Yang Berhormat TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
„ TUAN TAN TOH HONG (Bukit Bintang).
„ TUAN TIAH ENG BEE (Kluang Utara).
„ TUAN TOH THEAM HOCK (Kampar).
„ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD (Pasir Mas Hulu).

YANG TIADA HADHIR:

Yang Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M. (Kuala Kedah).
„ Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
„ Menteri Kesihatan, TUAN BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).
„ Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, TUAN KHAW KAI-BOH, P.J.K. (Ulu Selangor).
„ Menteri Penerangan dan Penyiaran dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan, TUAN SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kubang Pasu Barat).
„ Menteri Hal Ehwal Tanah dan Galian dan Menteri Ke'adilan, DATO' HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB (Sarawak).
„ Menteri Muda Ta' Berjabatan, TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN, (Kota Star Utara).
„ Menteri Muda Kebudayaan, Belia dan Sokan, ENGKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, J.M.N., D.P.M.T., P.J.K. (Trengganu Tengah).
„ Menteri Muda Pelajaran, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
„ TUAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI TALIB, P.J.K. (Kuantan).
„ WAN ABDUL RAHMAN BIN DATU TUANKU BUJANG, A.B.S. (Sarawak).
„ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS (Sabah).
„ TUAN ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).
„ TUAN ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Sarawak).
„ WAN ALWI BIN TUANKU IBRAHIM (Sarawak).
„ TUAN JONATHAN BANGAU ANAK RENANG, A.B.S. (Sarawak).
„ TUAN CHAN SEONG YOON (Setapak).
„ TUAN CHIA CHIN SHIN, A.B.S. (Sarawak).
„ TUAN FRANCIS CHIA NYUK TONG (Sabah).
„ TUAN C. V. DEVAN NAIR (Bungsar).
„ TUAN S. FAZUL RAHMAN, A.D.K. (Sabah).
„ DATU GANIE GILONG, P.D.K., J.P. (Sabah).
„ TUAN HANAFIAH BIN HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).

Yang Berbahagia TAN SRI SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).

Yang Berhormat TUAN KADAM ANAK KIAI (Sarawak).
„ TUAN KHOO PENG LOONG (Sarawak).
„ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA (Sarawak).

Yang Berhormat TUAN AMADEUS MATHEW LEONG, A.D.K., J.P. (Sabah).
„ TUAN LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).
„ DATO' LING BENG SIEW, P.N.B.S. (Sarawak).
„ TUAN PETER LO SU YIN (Sabah).
„ TUAN C. JOHN ONDU MAJAKIL (Sabah).
„ TUAN JOSEPH DAVID MANJAJI (Sabah).
„ TUAN MOHD. ARIF SALLEH, A.D.K. (Sabah).
„ ORANG TUA MOHAMMAD DARA BIN LANGPAD (Sabah).
„ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Mas Hilir).

Yang Amat Berbahagia TUN DATU MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K. (Sabah).

Yang Berhormat TUAN ONG KEE HUI (Sarawak).
„ TUAN HAJI RAHMAT BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Johor Bahru Barat).
„ TUAN D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).
„ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
„ TUAN SNG CHIN JOO (Sarawak).
„ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
„ PENGIRAN TAHIR PETRA (Sabah).
„ TUAN TAN KEE GAK (Bandar Melaka).
„ TUAN TAN TSAK YU (Sarawak).
„ TUAN YEH PAO TZE, A.M.N. (Sarawak).
„ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Sarawak).
„ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB, P.J.K. (Langat).

## DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

## JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN²

### THAIPUSAM DI-JADIKAN SA-BAGAI HARI KELEPASAN AWAM

**1. Dr Tan Chee Khoon (Batu)** bertanya kapada Perdana Menteri ada-kah beliau sedar akan hasrat beribu² orang Hindu di-Malaysia supaya THAIPUSAM di-ishtiharkan sa-bagai satu hari kelepasan awam dan jika sedar, ada-kah dia akan menimbang mengishtiharkan hari itu sa-bagai satu hari kelepasan awam.

**Timbalan Perdana Menteri (Tun Haji Abdul Razak):** Tuan Yang di-Pertua, sa-tahu saya tidak ada-lah permintaan rasmi berkehendakkan Thaipusam itu di-jadikan hari kelepasan umum. Sunggoh pun bagitu pehak pegawai² Kerajaan boleh-lah mendapat kelepasan pada hari yang sa-macham ini kerana mereka itu boleh dapat *unrecorded leave* dan kapada orang² yang berugama Hindu, Deepavali telah pun di-jadikan hari kelepasan 'am atau *holiday*, dan pada fikiran Kerajaan bilangan² hari kelepasan yang ada sekarang ini ada-lah adil kapada semua pehak dan kapada semua ugama² di-negara kita.

**Dr Tan Chee Khoon:** Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Timbalan Perdana Menteri sedar sunggoh pun tidak ada permohonan rasmi daripada orang² yang berugama Hindu, beribu² pendudok² atau ra'ayat Malaysia hendak-lah hari Thaipusam menjadi hari kelepasan 'am? Yang kedua, ada-kah Timbalan Perdana Menteri sedar bahawa Menteri Besar negeri Selangor

telah menchadangkan untok mengishtiharkan hari Thaipusam menjadi hari kelepasan 'am di-negeri Selangor?

**Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada dengar sa-tengah[2] pehak ada membuat permintaan, tetapi tidak dengan chara rasmi pada pehak Kerajaan saperti saya kata tadi bagi orang[2] yang berugama Hindu Deepavali telah di-jadikan hari kelepasan 'am atau *holiday*. Jadi Kerajaan fikir ada-lah adil sekarang ini tiap[2] bahagian ugama ada-lah di-beri hari kelepasan 'am pada hari besar mereka itu.

**Dr Tan Chee Khoon:** Tuan Yang di-Pertua, kalau sa-kira-nya pendudok[2] yang berugama Hindu memohon hari Thaipusam menjadi kelepasan 'am dengan rasmi-nya, boleh-kah Kerajaan Perikatan menimbangkan perkara ini sa-mula lagi?

**Tun Haji Abdul Razak:** Saperti saya katakan, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan boleh menimbangkan segala permintaan itu, tetapi di-pandangkan kapada *holiday*[2] yang ada pada hari ini ada-lah nampak-nya adil bagi semua pehak. Kalau ada permintaan itu untok di-timbangkan, tentu-lah Kerajaan boleh timbangkan.

## STAFF OF QUASI-GOVERNMENT BODIES IN POSITIONS OF AUTHORITY NOT TO ACCEPT DIRECTORSHIP IN FIRMS—DIRECTIVE

2. **Dr. Tan Chee Khoon** (*dengan izin*) asks the Prime Minister if he will consider issuing a directive to quasi-government bodies, e.g., N.E.B., F.L.D.A., F.I.D.A., etc. that those in positions of authority, e.g., Chairman, Deputy Chairman, Secretary, etc. should not accept directorship in firms where there is a likelihood of a conflict of interests arising.

**Tun Haji Abdul Razak** (*dengan izin*): Sir, the terms and conditions of service of officers and servants of quasi-government bodies are fixed by the Boards and Authorities concerned.

Now, with regard to members of these Boards or Authorities, which include the Chairman and the Deputy Chairman and others, there are no regulations restricting them from accepting director-ship in firms. I consider that there are already sufficient safeguards in the respective Acts or Ordinances creating these bodies, which require that members of the Boards or Authorities shall disclose to the Board or Authority if they have any interest in any company, or undertaking with which the Board proposes to make any contract or dealing; and unless specifically authorised thereto by the Chairman, a member is not allowed to take part in the deliberations or decision of the Board or Authority relating to such contract. In view of this, I consider it unnecessary to issue any further directive because there are adequate safeguards in the Ordinance or Act.

**Dr Tan Chee Khoon** (*dengan izin*): Mr Speaker, Sir, is the Honourable Deputy Prime Minister aware—he stated that when people became members of these various statutory bodies originally they had to disclose their interests in the various firms which have dealing with such Boards—that the trouble is, do the rules provide "to disclose their interests" after becoming members of such Boards? They are presumably invited to be members of the Boards of Directors of the various firms having dealing with such quasi-governmental bodies. If so, will the Honourable Deputy Prime Minister look into this question of making provisions in the constitution of such bodies to provide for people who after becoming members of the Boards are then invited to become directors of various companies?

**Tun Haji Abdul Razak:** Sir, these are already provided by the various Ordinances, and members of Boards, if they have any interest, whether they acquired them before or after becoming members of the Board, they have to declare their interests, if the Board is to have any dealing with that particular firm. So, this is already covered.

**Dr Tan Chee Khoon:** Mr Speaker, Sir, is the Honourable Deputy Prime Minister aware that at least in two instances, that the Chairman of two Boards have become members of the

Boards of Directors of various firms that have dealings with such Boards? If so, will he not agree that the existing rules are not sufficient in so far as at least these two Chairmen of the various quasi-Government bodies that I have mentioned?

**Tun Haji Abdul Razak:** I do not think the Honourable Member understand this clearly. What I said is that there is no prohibition for members of the Board, Chairmen of the Authorities or Boards, to have any interest or to become Directors of a firm. What is prohibited is, if the Board has any dealing with that particular firm, then the member of the Board or Chairman, whatever it is, must disclose his interests and he cannot take part in the proceedings or decisions dealing with that firm of which he is a Director.

**Dr Tan Chee Khoon:** Is the Honourable Deputy Prime Minister aware that elsewhere, and certainly in the United States of America, successive Secretaries of Defence, namely Wilson, McNamara and now Clifford, have all on assuming office sold their interests in the various companies in which they had holdings so as to evade this question of conflict of interests. Should we not demand the same standard of morality of our members of the various Boards, in particular, the Chairmen of such Boards?

**Tun Haji Abdul Razak:** These instances quoted by the Honourable Member are appointments of high standing. They are Ministerial appointments, not Chairmen of Boards. Chairmen of Boards are sometimes not full time; they are being paid allowances. I do not think it is fair and I must ask the Honourable Member to be fair to these Chairmen of our various Authorities, all of whom have rendered distinguished and valuable service to the country, and not to make any generalised allegations. As far as I know, they have strictly followed the rules and the provision of the Enactment. If there are any instances of any irregularities, I hope that the Honourable Member will bring them to the notice of the Anti-Corruption Agency, but certainly this House is not the place for making such allegations, Sir.

## BILANGAN RANCHANGAN TANAH LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN DI-MALAYSIA

**3. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid (Johor Bharu Timor)** bertanya kapada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar berapa banyak ranchangan tanah L.K.T.P. yang telah di-buka di-seluroh Malaysia dan berapa ekar jumlah semua-nya.

**Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, sa-hingga akhir tahun 1967 pehak Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan telah membuka 67 ranchangan² tanah; ini tidak-lah termasok Ranchangan Jengka Tiga Segi; dan luas kawasan-nya ia-lah 184,836 ekar yang telah di-buka.

## JUMLAH BILANGAN RA'AYAT YANG MENIKMATI RANCHANGAN TANAH

**4. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid** bertanya kapada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar berapa jumlah bilangan ra'ayat yang telah menikmati ranchangan tanah beramai².

**Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, Ranchangan² Kemajuan Tanah yang bukan di-majukan oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, ada juga di-selenggarakan oleh Kerajaan² Negeri di-Malaysia ini. Bilangan ra'ayat telah menikmat Ranchangan² Kemajuan Tanah Persekutuan berjumlah sa-ramai 78,000 orang atau 12,035 keluarga.

## BENEFITS FROM NEW EXCHANGE CONTROL PROCEDURE EFFECTIVE ON 1-6-68

**5. Tuan Tan Toh Hong (Bukit Bintang)** (*dengan izin*) asks the Minister of Finance to state the beneficial effects which Malaysia can expect to derive from the new Exchange Control procedure which come into effect on June, 1st 1968.

**Menteri Kewangan (Tun Tan Siew Sin)** (*dengan izin*): Mr Speaker, Sir, to answer this question, it is necessary for me to explain that exchange control

in Malaysia is one of the most liberal in the world. There is no exchange control whatsoever in respect of the movement of funds between Malaysia and other countries in the Sterling Area. Movements of funds between Malaysia and countries outside the Sterling Area are subject to exchange control supervision in so far as capital transactions are concerned. For current transactions, only a minimum of exchange control formalities has to be complied with.

Under the existing procedure, payment for exports from Malaysia direct to countries outside the Sterling Area has to be made in foreign exchange which has to be offered for sale to a bank in Malaysia. In other words, exchange control supervision ensures that such payment is made in foreign exchange for goods exported.

Under the existing arrangement also, where goods are sold through an intermediary in the United Kingdom for export from Malaysia to countries outside the Sterling Area, the requirment that the exporter must sell the foreign exchange proceeds to a bank in Malaysia is not enforced. Under this arrangement, it is possible for some of the funds derived from such exports to be retained overseas if the funds are not required in Malaysia. When the new procedure comes into effect on 1st June, 1968, exporters will have to account for the receipt of foreign exchange proceeds arising out of such exports through the sale of the foreign exchange to a bank in Malaysia. The amount of trade carried out under this arrangement in respect of rubber and tin amounted to slightly more than $380 million in 1966. As there has been no supervision of these transactions, it is not possible to estimate how much of such funds were retained overseas. However, under the new procedure all the proceeds of such exports will have to be accounted for through the sale of the foreign exchange to banks in Malaysia.

Under the present arrangements, too, banks in Singapore are allowed to approve exchange control forms in respect of exports from Malaysia to countries outside the Sterling Area and to certify the receipt of the foreign exchange proceeds arising from such exports. While the Malaysian producers or sellers would have received payment in Malaysian dollars, the foreign exchange arising from such exports is not credited to Malaysian banks. In other words, the profits derived from these foreign exchange transactions now accrue to Singapore banks. Under the new procedure which will come into force on 1st June, 1968, banks in Singapore will no longer be empowered to approve exchange control forms or to certify receipt of foreign exchange proceeds and all export proceeds arising from exports from Malaysia to non-Sterling Area countries will have to be sold to banks in Malaysia. The effect of this is that the Malaysian banking system will have an increased volume of foreign exchange transactions resulting thereby in an increase in the earnings of Malaysian banks. The volume of rubber and tin exports to non Sterling Area countries from Malaysia passing through the banking system in Singapore amounted to $544 million in 1966, which is an indication of the increase of foreign exchange business which Malaysian banks can expect with the introduction of the new procedure.

I must emphasise that the new procedure is intended to ensure that foreign exchange proceeds from Malaysian exports to non-Sterling Area countries are accounted to the banking system in Malaysia and not to a banking system outside this country. This change is, in fact, overdue as it is clearly a product of the colonial system under which we lived in the past. It is palpably ridiculous that other countries should keep the foreign exchange which we earn. We have been extremely generous to others in respect of our foreign exchange earnings but this generosity has been interpreted as weakness. We have, however, to ensure that the foreign exchange which our exports earn are properly accounted for, since obviously a country cannot afford to allow its export earnings to be held outside its banking system.

## EJAAN BAHASA KEBANGSAAN

**6. Dr Lim Chong Eu (Tanjong)** bertanya kapada Menteri Pelajaran mengikut sukatan apa-kah Lembaga Pepereksaan menentukan betul atau tidak-nya ejaan dalam Bahasa Kebangsaan sedangkan kamus[2] rasmi dalam Bahasa Kebangsaan tidak ada.

**Menteri Buroh (Enche' V. Manickavasagam):** Tuan Yang di-Pertua, sahingga ini Lembaga Pepereksaan Kementerian Pelajaran menggunakan sistem ejaan Za'ba atau pun ejaan sekolah sa-bagai dasar sistem ejaan yang standard di-dalam urusan saharian dan juga pepereksaan.

**Dr Lim Chong Eu** (*dengan izin*): Sir, may I ask the Honourable Minister whether there will be any substantial difference between the standard system and the proposed system of the National Dictionary?

**Tuan V. Manickavasagam** (*dengan izin*): Mr Speaker, Sir, I do not think there will be any substantial change.

**Dr Tan Chee Khoon:** Is the Honourable Minister acting for the Minister of Education aware that this wretched question of standard spelling is a thing that is of vital interest to the students in the schools today? One looks at various standard textbooks that are being used in the various schools and one to one's horror finds that the spellings are very different. If so, will the Honourable Minister acting for the Minister of Education give an assurance in this House that the students will not be penalised for the confusion that exists in the minds of the adults?

**Tuan V. Manickavasagam:** There is no confusion, and I can assure this House that the Ministry of Education will take not only the students welfare but the interest of the nation as a whole in considering this issue.

**Dr Lim Chong Eu:** Is the Honourable Minister aware that there is a variability in the standard system? For example, the word "bicycle" is spelt slightly differently in the North, say in Penang, from how it is spelt in the South, say in Johore. So which extreme, North and South of the standard, does the Ministry accept?

**Tuan V. Manickavasagam:** That is why this uniformity. (*Laughter*).

**Tuan Mustapha bin Ahmad (Tanah Merah):** Tuan Yang di-Pertua, apa-kah benar kebanyakan daripada murid[2] yang tidak lulus pepereksaan Sijil Rendah Pelajaran Persekutuan baharu[2] ini akibat daripada tidak ada-nya satu ejaan yang standard yang boleh di-ikut oleh murid[2] kita, walau pun di-dalam chara tulisan itu mereka dapat menjawab dengan betul apa yang di-soal.

**Tuan V. Manickavasagam:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang kita ikut sistem yang mana saya kata tadi. Jadi tidak apa[2] susah pada masa sekarang.

**Tan Sri Nik Ahmad Kamil (Kota Bharu Hilir):** Tuan Yang di-Pertua, pada beberapa malam yang telah lepas satu badan bernama Institute of Public Relation dalam mana ada Ahli[2] Pegawai Tinggi daripada Jabatan Penerangan telah menggunakan ejaan bagi perkataan "Enche" yang lazim-nya kita eja dengan Rumi "Enche" dengan ejaan "Encik", bunyi-nya "Ensik". Jadi, ada-kah boleh di-fahamkan bahawa Kerajaan telah terima ejaan ini, atau pun tidak? Sebab jika di-bacha daripada surat khabar "C" di-gunakan ganti pada "CH" itu ia-lah satu daripada perubahan yang di-chadangkan oleh Jawatan-kuasa ejaan di-antara Indonesia dan Malaysia.

**Tuan V. Manickavasagam:** Tuan Yang di-Pertua, kita pun tahu ada juga orang modenais spelling ini dengan nama pun. Jadi, pada masa sekarang ini, transitional period, ada susah sadikit; tetapi macham mana pun kita akan timbangkan perkara ini.

**Dato' Haji Mohamed Asri bin Haji Muda (Pasir Puteh):** Tuan Yang di-Pertua, dapat-kah pehak Kementerian ini memberikan target masa, tentang penggunaan ejaan MALINDO yang telah di-ranchangkan itu?

**Tuan V. Manickavasagam:** Tiada target date, Tuan Yang di-Pertua.

### EJAAN BAHASA KEBANGSAAN—PEMBERIAN MASA YANG CHUKUP KAPADA MURID²

7. **Dr Lim Chong Eu** bertanya kapada Menteri Pelajaran memandang kapada pengumuman bahawa mulaï tahun ini pepereksaan masok Sijil Persekolahan Tinggi akan di-hapuskan dan pepereksaan Cambridge pula akan di-gunakan bagi maksud masok ka-Sijil Persekolahan Tinggi, maka ada-lah Lembaga Pepereksaan Cambridge akan menggunakan kamus rasmi Bahasa Kebangsaan, jika ada pada masa itu, sa-bagai neracha ejaan yang betul dalam Bahasa Kebangsaan, dan jika ya, boleh-kah dia memberi jaminan kapada Dewan ini bahawa murid² yang mengambil pepereksaan ini akan di-beri masa yang sa-chukup-nya bagi mereka membiasakan dengan ejaan² yang baharu² ini.

**Tuan V. Manickavasagam:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran akan menasihatkan pehak Cambridge supaya menggunakan sistem ejaan Za'ba atau ejaan sekolah itu di-dalam pepereksaan untok beberapa lama lagi, kerana memberi masa kapada chalun² dan murid² sekolah memahirkan diri dengan sistem ejaan baharu yang akan di-gunakan nanti apabila kedua² buah negara Malaysia dan Indonesia bersetuju melaksanakan-nya.

**Dr Lim Chong Eu** (*dengan izin*): Sir, may I ask the Honourable Minister, in view of the very realistic attitude taken in regard to examinations, how will the Ministry advise the Cambridge Examinations Syndicate what is the standard spelling which is accepted, by virtue of the fact that the Ministry itself accepts that there are variances?

**Tuan V. Manickavasagam** (*dengan izin*): Mr Speaker, Sir, with your permission, as I have stated Sir, we have advised the Cambridge authorities to use the present system.

**Dr Lim Chong Eu:** Sir, quite apart from advising them about the present system, namely the standard system of spelling, there must be some books which spell out what the standard system is. Will the Ministry then list out the accepted current dictionaries that are being used for the standard system?

**Tuan V. Manickavasagam:** Sir, they already have the books that we are using at the moment.

**Dr Tan Chee Khoon** (*dengan izin*): Sir, can the Honourable Minister tell us that the examiners really have all the books that are currently in use by the students today, in particular those students who have to appear for the Form Five examination?

**Tuan V. Manickavasagam:** Sir, they must be having most of the books.

**Dr Lim Chong Eu:** The Honourable Minister did say that the Government will give some time. Will the Honourable Minister tell this House approximately how long in term of years? The official National Language Dictionary will come out at the end of this year—how long does the Ministry anticipate will it take to enforce the use of this National Language Dictionary as the criteria for spelling?

**Tuan V. Manickavasagam:** Mr Speaker, Sir, I think it is difficult for us to give a target date right now.

**Dr Lim Chong Eu:** Mr Speaker, Sir, will the Honourable Minister inform this House whether the Government will consider it reasonable that the first class entering the secondary school, Form I, which will start using the National Language Dictionary, will be examined in the L.C.E. examination three years later. Will the Government consider that sufficient time?

**Tuan V. Manickavasagam:** Mr Speaker, Sir, why should we rush to that now. I have already assured that the matter is being considered by the Government and, as soon as it is possible, it will be brought into force.

**Dr Lim Chong Eu:** In view of the fact that the Minister has assured this House very kindly that he will not rush, which is well completely within our understanding, will the Minister then consider it really reasonable then to

give a period of six years, say from the date on which a child first begins to learn the National Language on entering school?

**Tuan Yang di-Pertua:** These are hypothetical questions that you are trying to put to the Minister (*Laughter*).

## PENJUALAN GETAH KAPADA RUSSIA DAN CHINA SEMENJAK JATOH-NYA HARGA, SEPTEMBER, 1967

**8. Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail** bertanya kapada Menteri Perdagangan dan Perusahaan:

(*a*) sa-lepas jatoh-nya harga getah, berapa banyak getah yang telah di-jual ka-negara Russia dan China jika di-bandingkan dengan negara² Barat;

(*b*) jika jumlah-nya amat sadikit, apa-kah langkah yang sedang di-ambil oleh Kerajaan untok membaiki keadaan ini, dan jika lebeh dari-pada memuaskan, tidak-kah Kerajaan berchadang untok menghenti atau pun menghadkan penjualan² getah ka-negara² Barat.

**Menteri Perdagangan dan Perusahaan (Dr Lim Swee Aun):** Tuan Yang di-Pertua, semenjak harga getah jatoh dalam bulan September, 1967, negeri kita telah mengekspot getah ka-luar negeri dari bulan September hingga bulan Disember tahun 1967, saperti berikut:

ka-Negeri Russia 70,286 tan, ia-itu 15 peratus dari jumlah ekspot; ka-negeri China 10,025 tan, 2.2 peratus dari jumlah ekspot; ka-negeri² Barat 251,600 tan atau 55.6 peratus dari jumlah ekspot; ka-lain² negeri 120,770 tan atau 27.2 peratus dari jumlah ekspot.

Ada-lah di-perhatikan ia-itu jumlah getah yang di-ekspot ka-negeri Russia dan ka-negeri China dari bulan September hingga Disember, 1967, tidak sadikit. Kerajaan dan juga mereka di-dalam perusahaan getah chukup sedar akan kehendak menggalakkan penjualan getah kita dengan melaluï rombongan² perdagangan dan teknik.

Ada-lah juga dasar kita mengadakan perdagangan dengan tiap² negeri di-dalam dunia ini tanpa mengira fahaman² ideologi mereka dan oleh yang demikian soalan hendak memberhentikan atau di-hadkan penjualan getah pada satu² negeri, kerana ini tidak-lah memberi keuntongan atau kepentingan kapada negeri kita. Sa-mesti-nya apa yang kita mesti buat ia-lah untok menambahkan lagi ekspot² ka-semua negeri.

**Tuan Mustapha bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, ada-kah benar negara² yang mengeluarkan getah, sa-lain dari-pada Malaysia, maka harga pasaran getah mereka di-luar negeri terjamin, hanya Malaysia sahaja pengeluaran getah-nya yang di-jual di-luar negeri tidak terjamin yang menyebabkan kita berpuloh juta ringgit rugi dalam masa-alah itu.

**Dr Lim Swee Aun:** Tuan Yang di-Pertua, pada pengetahuan saya ada chuma satu negeri ia-itu Ceylon yang telah menjualkan getah-nya kapada negeri China dengan harga yang tetap kapada satu atau dua tahun hadapan.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, ada-kah benar bahawa Menteri Yang Berhormat ada berunding dengan Ceylon untok meng-adakan satu chara atau pun sistem buffer stock berkenaan dengan rubber atau pun getah ini?

**Dr Lim Swee Aun:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan kita ada berunding dengan Kerajaan Ceylon bagi memanggil Kerajaan Ceylon menolongkan Kerajaan kita untok membeli getah apabila harga² getah sangat rendah.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Kementerian terpaksa meminta advice dari-pada Ceylon sebab Kementerian Perdagangan Ceylon lebeh pandai daripada Kementerian kita. Tetapi, apa hasil yang di-dapati daripada rundingan itu?

**Dr Lim Swee Aun:** Tuan Yang di-Pertua, sunggoh pun Kerajaan Ceylon ada sokong atas pembelian getah oleh Kerajaan pada masa harga getah ren-dah, tetapi malang-nya oleh sebab Kerajaan Ceylon tidak ada wang dia sendiri tidak dapat beli getah dalam pasaran.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, yang saya maksudkan bukan-lah Kerajaan Ceylon itu sendiri; apabila berunding, kita hendak melepaskan buffer stock atau pun hendak menjualkan getah itu tidak mesti dia membeli, kalau dia memberi nasihat mithal-nya supaya di-jual kapada mana² negeri yang dia tahu, dia sa-bagai broker, itu lebeh chepat lagi daripada menunggu Ceylon, sa-buah negeri yang kechil untok membeli rubber daripada Malaysia.

**Dr Lim Swee Aun:** Bukan bagitu, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi saya hendak bertanya, apa soalan-nya itu. Kalau hendak berchakap dan minta nasihat sahaja bukan di-sini tempat-nya; itu membuang masa sahaja.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak marah chuma berkata macham itu sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau tidak marah tanya-lah soal tambahan itu.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Kementerian kita hendak menunggu Ceylon membeli getah sa-chara langsong, maka rundingan itu baharu berjalan atau pun kita boleh meminta nasihat daripada-nya menjual kapada mana² negeri yang di-tunjok oleh Ceylon.

**Tuan Mustapha bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, sampai sekarang ini sampai sa-jauh mana-kah usaha² negara pengeluar getah di-Asia ini termasok Ceylon, kita dapat bekerjasama sahingga kita dapat membuat satu standard harga getah yang sama dan kita menentukan penjualan yang sama untok luar negeri. Apa-kah Persatuan Negara² Pengeluar Getah di-Asia ini sudah pun ada atau pun belum lagi di-bentok, dan jika belum di-bentok apa-kah usaha ini patut di-jalankan oleh Kerajaan Malaysia.

**Dr Lim Swee Aun:** Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh dapat satu standard harga getah oleh sebab *supply* dan *demand*.

**Tuan Abdul Karim bin Abu (Melaka Selatan):** Tuan Yang di-Pertua, kerana kita telah ada menghubongkan perniagaan dengan negeri Russia dan China, ada-kah Yang Berhormat Menteri berchadang mempelawa Russia dan China mengadakan *joint venture* dengan negeri ini?

**Dr Lim Swee Aun:** Tuan Yang di-Pertua, apa *joint venture* saya hendak tahu.

**Tuan Abdul Karim bin Abu:** Tuan Yang di-Pertua, perniagaan bersama.

**Dr Lim Swee Aun:** Tuan Yang di-Pertua, bagaimana *joint venture* perniagaan pula?

**Tuan Abdul Karim bin Abu:** Tuan Yang di-Pertua, saperti membuat kilang tayar.

**Dr Lim Swee Aun:** Tuan Yang di-Pertua, jika Russia dan China ada chadangan, kita akan timbangkan.

**Tuan Mustapha bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, berhubong dengan masaalah tidak dapat menentukan harga kerana *supply* dan *demand* itu, maksud saya ia-lah satu harga yang standard bagi seluroh negara Asia yang mengeluarkan getah, bukan erti-nya menentukan harga dia tetap terus-menerus, kerana perkara itu di-tentukan oleh permintaan dunia, tetapi bagi negara² Kumpulan Asia yang menghasilkan pengeluaran getah itu, kita tentukan harga kita biar sama. Kalau kita sendiri kekurangan, lain negara pun mesti ada bertimbang rasa sahingga kedudokan harga getah dunia bagi Asia ini tetap dan tidak merugikan satu sama lain. Ada-kah Kerajaan berchadang hendak bekerjasama untok pemasaran getah itu bagi Asia?

**Dr Lim Swee Aun:** Tuan Yang di-Pertua, sunggoh pun tujuan hendak mengadakan satu harga standard ada baik, tetapi bagaimana hendak dapat standard harga getah jika sa-kira-nya, umpama-nya di-dalam negeri ini Ahli dari Tanah Merah kalau dia ada kebun getah, dia hendak jual dengan harga yang lebeh baik dan yang di-jual oleh Ahli Bachok?

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana harga getah itu bergantong kapada *supply* dan *demand*, berapa banyak-kah demand yang sampai ka-sini tetapi tidak di-supplykan. Saya tahu rahsia ini, Tuan Yang di-Pertua.

**Dr Lim Swee Aun:** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada chukup demand, kalau ada kita tentu jual.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, pada theory-nya betul ada demand belum tentu ada supply, dan bila ada supply belum tentu ada demand, sebab itu harga dia tidak boleh tetap. Kalau dia sudah fix erti-nya ada demand, ada supply, harga itu mesti standard. Jadi Menteri ini hendak tipu saya, Tuan Yang di-Pertua, saya tahu dalam perkara ini (*Ketawa*). Jadi yang saya tanya berapa kali-kah demand datang ka-Tanah Melayu ini yang kita tidak supply oleh satu² sebab yang tertentu.

**Dr Lim Swee Aun:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bachok kata saya hendak tipukan dia, barangkali dia hendak tipukan saya. Sa-benar-nya di-dalam negeri ini ada banyak getah, demand tidak chukup, sebab itu supply lebeh, harga turun. Siapa kata kita tidak jual getah pula? (*Ketawa*).

**Dr Lim Chong Eu** (*dengan izin*): May I ask the Honourable Minister what actually were the calculations that were made in the estimate of our Government that the future prospects of the rubber industry is bright? If I may recall the Honourable Minister's speech made by him in December he said that the future of rubber was bright; the calculations were that if the use of rubber were to increase in Russia and particularly in Mainland China, then the possibilities of maintaining prices in rubber would be better. To what extent would this increased sale be made? How much more have we got to sell?

**Dr Lim Swee Aun:** From the statistics that we have seen over the last ten to fifteen years, the annual growth in the demand for rubber or the annual consumption rate of natural rubber expands by 2.6 per cent. per annum, and we are optimistic that the price of rubber has passed its lowest stage this year, rather in the last few months, and we expect the price to steadily increase.

**Dr Lim Chong Eu:** To what extent would this increase of sale particularly to Russia and China the Government anticipates in order to see a quick uplift in the price of rubber?

**Dr Lim Swee Aun:** The increase in demand does not depend only upon Russia and China it depend on all consuming countries.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, boleh-kah Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perusahaan memberi petua kapada saya, sebab saya kurang tahu, ia-itu Yang Berhormat Menteri mengatakan Malaysia kita telah pun lepas zaman harga yang paling rendah atau we have passed the lowest price, apa-kah criterion atau kaedah yang menentukan harga yang paling rendah sa-kali, maka negeri kita boleh optimistic dalam perkara ini?

**Dr Lim Swee Aun:** Tuan Yang di-Pertua oleh kerana sekarang ini kita ada bukti yang factory² daripada luar negeri yang menggunakan getah asli telah menambahkan pembelian-nya atau menambahkan *demand* getah asli.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, saya bukan bertanya memberi lebeh-nya, tetapi yang saya bertanya criterion mepentukan harga yang paling rendah itu, dia mesti ada satu neracha baharu supaya kita dapat tahu harga yang sa-rendah²-nya.

**Dr Lim Swee Aun:** Tuan Yang di-Pertua, membandingkan dengan harga yang dahulu-lah, baharu kita tahu berapa rendah-nya harga itu hari ini.

**Dr Tan Chee Khoon** (*dengan izin*): Can the Honourable Minister of Commerce and Industry tell us that his Ministry, or the Alliance Government,

has honestly explored every avenue to sell rubber to People's Republic of China?

**Dr Lim Swee Aun:** We are exploring every avenue possible.

**Dr Tan Chee Khoon:** Can the Honourable Minister tell us whether in the course of this exploration of new markets, which is of vital interest to us—it means our very survival is at stake—that he will consider sending a rubber mission to the People's Republic of China in order to boost up trade in rubber to Communist China, because he knows very well that sales of rubber to Communist China has slacked, if not tailed off completely?

**Dr Lim Swee Aun:** As I have said in this House, if a private trade mission to sell rubber in China is welcome, the Government will consider it.

**Dr Tan Chee Khoon:** Why a private and not an official one? With the consent through third parties, why should not this Government send an official rubber trade mission in the same way that we have sent to the Eastern European Communist countries and to Russia itself?

**Dr Lim Swee Aun:** To be correct, we have not sent any official rubber trade mission anywhere, for that matter. All the trade missions that have gone around selling rubber are unofficial.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, ada-kah benar dan ada-kah sampai kapada pengetahuan Yang Berhormat Menteri ini, bahawa Mainland China atau pun Tanah Besar China ada berhubong dengan Ahli Yang Berhormat dari Batu berkenaan dengan soal getah ini (*Ketawa*).

**Dr Lim Swee Aun:** Sebab itu-lah dia hendak tekankan supaya Kerajaan menghantar rombongan pergi ka-negeri China. (*Ketawa*).

**Dr Lim Chong Eu:** I would like to ask the Honourable Minister to tell this House to what extent the projections for the possible upliftment in the prices of rubber due to increased demand from all countries, particularly from Russia and China, are based on actual Government knowledge of the industrial requirements of Russia and of China, or are these figures which are used both by the Ministry of Commerce and Industry as well as the Ministry of Finance, made purely on the trade figures that we ourselves are in control of and not on actual development in the countries?

**Dr Lim Swee Aun:** To gaze at any projections of demand and supply—there is the International Rubber Study Group. These are the people who study figures of possible consumption in the different countries and actual consumption in the different countries. That is how they have arrived at a figure of annual growth rate of total demand of rubber, that is synthetic and natural, at the rate of 8.4 per annum and that for natural rubber about 2.6 per cent per annum. But these, of course, depend upon the economic growth in the world as a whole. Whenever there is a depression, naturally the demand and the growth rate recedes and the price falls and sometimes there is an accelerated economic activity which boosts up the demand.

**Dr Lim Chong Eu:** May I ask the Honourable Minister whether the Government has any knowledge of whether both in Russia as well as in China there are any plans for the construction of synthetic rubber plants?

**Dr Lim Swee Aun:** Yes, the Government does know that there is a synthetic rubber plant in Russia.

**Tuan Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Yang Berhormat Menteri ini sedar atau pun benar bahawa Kerajaan China Kominis telah membuat satu tawaran hendak membeli getah di-Malaysia kita ini sa-lama 15 tahun dengan harga 80 sen satu pound, tetapi dengan sharat barang$^2$ daripada negeri China itu boleh di-jual dalam negeri ini, dan ada-kah benar juga bahawa Kementerian ini menolak tawaran yang di-buat oleh China Kominis itu?

**Dr Lim Swee Aun:** Tuan Yang di-Pertua, ranchangan ini saya tidak menerima lagi dan saya hendak tahu,

dari mana Yang Berhormat itu dapat rahsia ini.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan ini nampak-nya ka-sana pula, nanti dahulu? (*Ketawa*).

**Tuan Ahmad bin Arshad:** Sa-kira-nya kalau ada tawaran saperti yang saya kemukakan ini ada-kah Kementerian ini sedia menimbangkan?

**Dr Lim Swee Aun:** Tawaran ini betul-kah atau tidak, atau khabar angin sahaja?

**Tuan Ahmad bin Arshad:** Kalau sa-kira-nya betul, ada-kah Kementerian ini . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu tidak boleh—kira-nya (*Ketawa*).

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, saya maseh ingat lagi pada 20hb Februari, Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa hendak menaikkan harga getah ini, Kerajaan kita sedang hendak menchari satu fair marketing, dan untok maksud itu, sa-belum daripada itu, sudah di-adakan International Conference di-dalam hal itu. Jadi, dalam bagitu bersunggoh² berusaha harga getah tidak naik, macham mana Yang Berhormat Menteri kata optimistic.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa soalan-nya?

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:** Kenyataan Yang Berhormat Menteri kita mengatakan Malaysia opitimist dalam menjual getah, sedangkan fair marketing pun sudah di-lakukan, International Conference pun sudah di-lakukan tidak juga berhasil sa-suatu.

**Dr Lim Swee Aun:** Tidak ada fair marketing lagi, oleh sebab getah tiruan di-jualkan dengan harga yang paling rendah; sunggoh pun bagitu pada masa ini harga getah asli telah di-naikkan oleh sebab demand dari factory² yang menggunakan getah asli telah bertambah.

**Dr Lim Chong Eu:** In his reply to me the Honourable Minister said that to his knowledge there is one synthetic rubber plant in Russia. Are we to take it, therefore, that the Government's knowledge is that there are no synthetic rubber plants in China, or does the Government not have the actual knowledge of whether there are any synthetic plants or plans for synthetic plants in China?

**Dr Lim Swee Aun:** I do not think there are any synthetic rubber plants in China.

## CHADANGAN MENAMAKAN SA-MULA SA-TENGAH² BANDAR DI-MALAYSIA

**9. Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail** bertanya kapada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan ada-kah Kerajaan berchadang hendak menamakan sa-mula sa-tengah² bandar dalam negeri ini atau bandar² baharu, dengan nama pemimpin² kita yang terkenal atau nama Yang di-Pertuan Agong Yang Pertama, saperti apa yang di-lakukan di-Amerika Sharikat dan di-Filipina, jika tidak, kenapa.

**Dr Lim Swee Aun:** Tuan Yang di-Pertua, soal menukarkan nama bandar² atau memberi nama kapada bandar² yang baharu bagi mengambil sempena nama² pemimpin yang terkenal ada-lah suatu perkara sa-mata² di-bawah urusan sa-sabuah Kerajaan Negeri itu sendiri.

## ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1968

Atoran Urusan Meshuarat di-bacha bagi menyambong sa-mula Perbahathan berhubong dengan Anggaran Pembangunan, 1968, dalam Jawatan-kuasa sa-buah² Majlis. (26hb Februari, 1968)

*Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa.*

## ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1968

### Jawatan-kuasa

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa*)

*Kepala 123—*

**Setia-usaha Parlimen kapada Menteri Kesihatan (Tuan Ibrahim bin Abdul Rahman):** Tuan Pengerusi, saya bangun

untok membentangkan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan bagi Kementerian Kesihatan di-bawah Kepala 123—Perubatan dan Kesihatan, Malaysia,

Anggaran Perbelanjaan bagi tahun 1968 berjumlah $40,373,014. Dari jumlah ini $28,962,107 ia-lah untok Malaysia Barat, $3,589,917 untok negeri Sabah dan $7,820,990 untok negeri Sarawak.

Peruntokan sa-banyak $40.3 juta untok Perubatan dan Kesihatan, menunjokkan hanya 4.7 peratus daripada jumlah peruntokan Anggaran Pembangunan Negara bagi tahun 1968. Dengan peruntokan ini Kementerian saya akan berusaha sa-daya upaya dan meneruskan pembenaan satu perkhidmatan yang lebeh luas bagi keselurohan-nya dengan mengingatkan peri mustahak-nya berjimat dalam perbelanjaan dan menggunakan dengan berkesan segala sumber² yang ada pada masa ini. Saya suka menarek perhatian Ahli² Yang Berhormat kapada uchapan saya yang lengkap yang telah saya buat di-sini tidak berapa lama dahulu masa saya membentangkan Anggaran Perbelanjaan bagi Kementerian Kesihatan, dengan menunjokkan kemajuan² yang telah di-chapai mengenaï kesihatan ra'ayat pada 'am-nya bagi seluroh negara. Keadaan yang baik yang kita dapat itu ia-lah sa-bahagian besar-nya kerana perlaksanaan ranchangan² kemajuan yang di-buat dengan terator pada masa yang telah lalu.

KEMAJUAN DALAM PERLAKSANAAN RANCHANGAN

Jumlah perbelanjaan Pembangunan dalam tahun 1966-1967 ada-lah dianggarkan sa-banyak $76.9 juta dan ini menunjokkan kira² 41.6 peratus daripada kesemua peruntokan ranchangan Malaysia Pertama untok Kementerian saya. Kemajuan terchapai dalam masa dua tahun ini ada-lah memuaskan, miski pun dasar umum kewangan terhad. Manakala soal kekurangan kaki-tangan, khas-nya Ahli² yang terlateh, dapat di-atasi dengan beransor², ini juga terus mengendalakan kemajuan pada 'am-nya perkembangan Ranchangan Kesihatan Luar Bandar dan Ranchangan memperbaiki Rumah Sakit. Akibat-nya sa-paroh daripada projek² itu malang-nya telah terlambat manakala yang lain-nya terpaksa ditanggohkan apabila di-semak sa-mula mengikut keadaan yang terhad masa itu. Sunggoh pun bagitu saya perchaya dengan menggunakan semua kemudahan² yang ada serta ada-nya Ranchangan Pembangunan tahun 1968, kesihatan umum bagi Negara ini keselurohan-nya akan bertambah baik lagi.

MALAYSIA BARAT

Jumlah peruntokan dalam tahun 1968 bagi Malaysia Barat di-bawah Kepala 123, Pechahan-kepala 1 sampai 15 ia-lah $28,962,107. Ini kurang sa-banyak $2.8 juta daripada tahun lalu. Apa boleh buat ini-lah sahaja yang kita dapat daripada Perbendaharaan.

KEMUDAHAN² LATEHAN

Perbelanjaan bagi kemudahan² ranchangan latehan di-bawah Pechahan-kepala 2 di-anggarkan sa-banyak $514,622 di-bandingkan dengan sa-banyak $112,602 bagi tahun lalu. Tambahan yang besar ini di-sebabkan bertambah banyak lagi kaki-tangan² Perubatan di-kehendaki untok di-lateh. Ini termasok satu peruntokan $10 tanda ada ranchangan untok Jabatan Fakulti Pergigian yang telah di-chadangkan bagi Pusat Perubatan di-Universiti Malaya. Chadangan ini ia-lah untok memberi kemudahan² latehan pergigian kapada lebeh kurang 45 orang pelajar di-Pusat Perubatan itu. Kita sedang mengkaji kemungkinan mendapatkan bantuan dari luar negeri untok melaksanakan projek ini.

PERKHIDMATAN KESIHATAN LUAR BANDAR

Perbelanjaan bagi perkhidmatan kesihatan Luar Bandar di-bawah Pechahan-kepala 3 di-anggarkan $5,117,010 di-bandingkan dengan peruntokan $1,512,890 bagi tahun 1967 menunjokkan tambahan sa-banyak $3,604,120. Ini ia-lah untok meneruskan dengan langkah² positib bagi mengadakan satu keadaan kesihatan perkelilingan yang baik dalam kawasan Luar Bandar, melaluï Ranchangan

Luar Bandar kita yang ada sekarang ini, sa-imbang dengan dasar kita memberi keutamaan kapada Pembangunan Luar Bandar. Ada 18 buah lagi Pusat Kesihatan Kechil dan 114 buah Kelinik Bidan sedang di-dalam Pembenaan. Tambahan sa-banyak 20 buah Pusat Kesihatan Kechil dan 105 buah Kelinik Bidan di-jadualkan untok di-laksanakan dalam tahun 1968. Ranchangan itu juga termasok chadangan mengadakan satu bilek Orang Sakit berkembar (sick bay) dengan tiap² Pusat Kesihatan Besar di-Pasir Mas, Machang dan Tumpat. Ini ia-lah untok mengadakan kemudahan² yang lebeh baik bagi ra'ayat di-kawasan ini supaya dapat layanan dan rawatan perubatan yang lebeh baik dan chepat.

PERBAIKI RUMAH² SAKIT

Dengan ada-nya ranchangan mengembangkan perkhidmatan Kesihatan ka-kawasan Luar Bandar dengan chara besar²an, maka ranchangan bagi memperbaiki rumah² sakit yang ada sekarang ada-lah tertahan sadikit. Oleh itu pembangunan dalam bahagian ini malang-nya tidak-lah dapat di-jalankan sa-bagitu chepat sa-bagaimana yang saya harapkan. Beberapa ranchangan² telah di-tanggohkan sambil menunggu kajian sa-mula dan nilaian atas mutu dan chontoh² pelan yang di-buat dengan tujuan menjimatkan perbelanjaan dan menjalankan kerja yang sempurna dalam chara menggunakan wang orang ramai. Meski pun bagitu, kemudahan² bagi merawat orang sakit sentiasa bertambah baik dengan kesiapan projek² saperti blok wad baharu di-Ipoh, Jabatan X-Ray baharu di-Rumah Sakit Umum, Kota Bharu, satu Unit Rumah Sakit Bersalin baru, di-Rumah Sakit Daerah, Langkawi, Jabatan Orang Sakit Luar baru di-Segamat, meluaskan Jabatan Orang Sakit Luar di-Kajang, sa-buah dapor baru di-Pekan dan banyak lagi yang lain². Satu peruntokan sa-banyak $2,000,000 di-bawah Pechahan-kepala 4 ada-lah khas-nya untok meneruskan perlaksanaan ranchangan² yang ada pada masa ini.

RUMAH² SAKIT BAHARU

Wang peruntokan sa-banyak $19,931,671 di-bawah Pechahan-kepala 5 ia-lah bagi meneruskan ranchangan² rumah² sakit baharu yang ada pada masa ini. Rumah Sakit Latehan di-Petaling Jaya sekarang ini memberi perkhidmatan kapada orang ramai dan juga memberi latehan Klinikal kapada pelajar² Perubatan. Di-Rumah Sakit Umum, Kuala Lumpur, Jabatan Radio-therapy baru dengan Wad-nya mengandongi 100 katil sedang di-sediakan, manakala kerja untok mengadakan blok wad Utara dengan 516 katil akan bermula tidak lama lagi. Kerja bagi perengkat yang satu lagi untok Rumah Sakit Umum Baru, Kuala Lumpur, terus berjalan dengan maju-nya dari perengkat ka-perengkat mengikut ranchangan.

Rumah Sakit Umum Baru, Seremban, di-jangka akan siap sa-belom akhir tahun ini. Rumah Sakit Luar Bandar, Changkat Melintang malang-nya telah di-tanggohkan lagi di-sebabkan pelan-nya di-semak semula untok menjimatkan perbelanjaan dan mensesuaikan dengan kehendak moden. Bagaimana pun ada-lah di-harapkan pelan-nya dapat di-sediakan sa-belom akhir tahun ini dan peruntokan sa-banyak $10,000 itu ada-lah di-buat supaya dapat di-jalankan kerja² permulaan dalam tahun ini juga. Satu bilek Orang Sakit ada-lah di-chadangkan untok di-bena berkembar dengan Pusat Kesihatan, Pasir Mas. Ini akan di-laksanakan dengan peruntokan yang ada di-bawah Pechahan-kepala 3, yang demikian tidak ada peruntokan sekarang yang di-beri di-bawah item kechil (ix) Pechahan-kepala 5.

PERKHIDMATAN² YANG LAIN

Dalam baki ranchangan² bagi Malaysia Barat di-bawah Pechahan-kepala 6 sampai 15, tidak ada perubahan² besar dalam peruntokan bagi ranchangan² dan projek² yang ada sekarang ini. Sa-bahagian besar daripada peruntokan yang di-beri ia-lah untok menyiapkan projek² mustahak yang ada, baki-nya ia-lah untok menyambong ranchangan². Walau bagaimana pun, ada-lah perlu di-nyatakan dengan rengkas-nya item baru yang di-chadangkan untok Malaysia, Neuro-Psychiatric Institute, Kuala Lumpur, di-bawah Pechahan-kepala 15

dalam mana satu peruntokan $10 ada di-buat ia-lah tanda menunjokkan ranchangan itu ada berjalan. Projek ini ada harapan baik bagi mendapatkan bantuan kewangan dari luar Negeri. Ranchangan sedang di-buat sekarang ini dan akan di-laksanakan apabila sahaja bantuan kewangan luar di-perolehi.

SABAH

Jumlah perbelanjaan pembangunan Negeri Sabah bagi tahun 1968, di-bawah Kepala 123, Pechahan-kepala 31 sampai 39 ia-lah $3,589,917. Jumlah ini di-beri bagi meneruskan ranchangan² yang ada.

PERKHIDMATAN KESIHATAN LUAR BANDAR

Pechahan-kepala 31 ada di-sediakan $30,000 untok membeli kenderaan bagi ranchangan mengawal tibi. Perkhid-matan Kesihatan Luar Bandar di-bawah Pechahan-kepala 32 terus menerima bahagian yang paling besar daripada peruntokan itu dan perbelanjaan dalam tahun 1968 ada-lah di-anggarkan sa-banyak $1,300,000 bagi ranchangan² saperti berikut:

(i) Pusat Pergigian bagi Unit² ka-wasan kesihatan di-Kudat dan Keningau.

(ii) Pusat² Kesihatan Daerah di-Kudat, Beufort dan Daerah² Tenam.

(iii) Sa-kumpulan 20 buah Pusat Kesihatan Kechil Kampong.

(iv) Gedong² Ubat Luar Bandar di-Sungai², Kuamat, Kunak dan Paginatan.

RUMAH² SAKIT KECHIL BAHARU

Kemajuan dalam pembenaan rumah² sakit kechil baharu di-Semporna ada-lah memuaskan dan kerja² di-jangka akan siap dalam tahun ini.

Perlaksanaan Rumah Sakit Ranau telah bermula pada tahun lepas dengan rumah² kediaman bagi membolehkan Pegawai² Perubatan dan kaki-tangan pembantu di-hantar dahulu, sambil menunggu siap-nya kerja mendirikan Rumah Sakit itu yang akan bermula tahun ini. Pembenaan Rumah Sakit Kechil Papar juga di-jangka akan ber-mula tahun ini. Jumlah anggaran per-belanjaan dalam tahun 1968 di-bawah Pechahan-kepala 33 ini bagi ketiga² Rumah Sakit itu ada-lah di-anggarkan sa-banyak $1,000,000.

PENAMBAHAN² RUMAH² SAKIT

Rumah Sakit Baharu di-Tawau telah siap dan hanya tinggal lagi kerja untok menyiapkan tempat² kediaman yang perlu bagi kaki-tangan. Jabatan Orang Sakit Luar dengan Ma'amal baharu dan Pusat Pergigian baharu di-Kota Kinabalu telah juga siap. Tambahan chara berperingkat kapada Rumah Sakit Besar di-Kota Kinabalu dan Sandakan telah juga di-ranchangkan. Bantuan dari Luar Negeri dalam aspek pembangunan ini sedang di-selidiki.

RUMAH SAKIT OTAK KOTA KINABALU

Oleh kerana kedudokan kewangan Negeri Sabah telah jauh bertambah baik Kerajaan Negeri Sabah sekarang ini akan membiayaï daripada sumber²-nya sendiri Rumah Sakit Otak di-Kota Kinabalu yang mana dahulu-nya hendak di-biayaï oleh Kerajaan Per-sekutuan sa-bagai wang bantuan sa-chara langsong yang kena di-bayar balek. Oleh yang demikian tidak ada peruntokan di-tunjokkan di-bawah Pechahan-kepala 35.

PERKHIDMATAN² YANG LAIN

Bahagian² yang tertinggal di-bawah Pechahan²-kepala 36 sampai 39 ia-lah untok sa-buah Asrama Jururawat di-Kota Kinabalu, Wad² tambahan di-Tambunan, Lahad. Datu, Tenam dan Keningau, kerja² menyediakan tapak bagi sa-buah Setor Pusat Perubatan dan wang untok membeli ambulan², Dispen-sari² berkereta dan Bot² untok kerja Kesihatan Luar Bandar.

SARAWAK

Jumlah perbelanjaan pembangunan bagi Negeri Sarawak untok tahun 1968 di-bawah Pechahan-kepala 51 sampai 66 ia-lah $7,820,990. Peruntokan yang lebeh besar ia-lah kapada perbelanjaan pembangunan berikut dengan per-untokan² untok keperluan kesihatan Luar Bandar dan ranchangan² yang lain yang maseh di-jalankan. Projek

Menchegah Malaria dan Projek Meng-awal tibi ada-lah di-kekalkan dan sekarang ini di-satukan sa-bagai ranchangan tetap di-bawah Anggaran Perbelanjaan biasa.

RANCHANGAN MEMPERBAIKI KESIHATAN LUAR BANDAR

Kenyataan rengkas telah di-buat berkaitan dengan kemajuan dalam ranchangan ini apabila Anggaran Per-belanjaan biasa bagi tahun 1968 di-bentangkan. Sa-jumlah 5 buah Pusat Kesihatan Kechil telah siap di-bena manakala 15 buah lagi sedang dalam pembenaan dalam tempoh ranchangan dua tahun. Dalam tahun 1968, 10 buah Pusat Kesihatan Kechil baharu telah di-ranchangkan untok di-bena dan jumlah perbelanjaan bagi maksud ini di-anggarkan bagi 1968 di-bawah Pe-chahan-kepala 53 sa-banyak $212,388.

PERKHIDMATAN PERGIGIAN DI-SEKOLAH

Sa-buah Pusat Pergigian baharu di-Sibu telah di-buka dalam tahun 1967. Sa-bagai tambahan kapada 21 buah Kelinik² sekolah yang ada dalam sekolah² rendah, 19 buah kelinik baharu sudah di-ranchangan bagi tahun 1968 dengan Anggaran Perbelanjaan sa-banyak $120,211 di-bawah Pecha-han-kepala 54.

PUSAT RAWATAN BAHARU

Rumah² Sakit baharu di-Lundu dan Marudi sekarang ini telah memberi perkhidmatan manakala yang satu lagi di-Bintulu hampir² siap. Rumah Sakit baharu di-Lawas maseh dalam pem-benaan dan dalam tahun 1968 kerja akan juga bermula dengan Rumah Sakit Mukah.

Untok menambah perkhidmatan² yang di-beri oleh Rumah² Sakit per-khidmatan² juga di-beri oleh dispen-sari² tetap, dan dispensari² berkereta yang mana 4 telah pun siap di-bena dalam tahun 1967 dan 4 buah lagi sedang di-bena. Satu Dispensari kechil di-Naga Jagau akan juga di-laksanakan dalam tahun 1968. Jumlah perbelan-jaan di-anggarkan bagi tahun 1968 di-bawah Pechahan-kepala 55 untok projek² tersebut ia-lah $358,469.

RUMAH SAKIT BAHARU SARAWAK

Peruntokan $6,884,684 di-bawah Pechahan-kepala 57 ia-lah untok menyiapkan perengkat pertama rumah sakit umum baharu, Sarawak. Satu ulangkaji mengenaï keselurohan ran-changan itu akan di-jalankan pertenga-han tahun ini untok memereksa beberapa aspek mengenaï masaalah² pembangunan yang perlu di-jalankan dengan tujuan untok menchari wang tambahan bagi menyiapkan Rumah Sakit Umum ini dalam tempoh 1969/70.

PERKHIDMATAN² LAIN

Pechahan-kepala yang tertinggal lagi itu ia-lah bagi projek² pokok bagi memperbaiki kedudokan kesihatan 'am. Ini semua termasok meluaskan Unit Rumah Sakit Bersalin di-Sibu, Kilang Iodisation Garam di-Sibu dan bantuan² di-beri kapada Kelinik Kesihatan Kanak² dan Ibu² Mengandong yang di-kuasaï oleh Majlis² Tempatan dalam Negeri itu.

PENUTUP

Ahli² Yang Berhormat, jumlah per-belanjaan pembangunan dalam tahun 1968 bagi Kementerian saya di-anggarkan sa-banyak $40.3 juta ada-lah sangat sederhana, tetapi walau bagai-mana pun ada-lah menasabah dan bersesuaian dengan dasar Kerajaan untok menyalorkan penanaman modal ka-dalam sektor² yang di-utamakan dan di-fikirkan sangat penting. Saya suka memberitahu Ahli² Yang Berhormat sakalian bahawa semua peruntokan ini telah di-dapati sa-lepas di-adakan rundingan yang panjang dengan Per-bendaharaan dan Bahagian Peranchang Ekonomi. Saya ada-lah sedar kehendak² Ahli² Yang Berhormat sakalian bagi kawasan masing², tetapi Ahli² Yang Berhormat terpaksa-lah sabar dan menunggu sa-hingga di-dapati wang lagi tahun hadapan untok perbelanjaan ranchangan² yang di-kehendaki itu.

Tuan saya mengshorkan, ia-itu per-untokan sa-banyak $40,573,014 di-bawah Kepala 123 Anggaran Pemba-ngunan 1968, di-jadikan sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1968.

**Tan Sri Nik Ahmad Kamil (Kota Bharu Hilir):** Tuan Pengerusi, apabila kita perhatikan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan bagi Kementerian Kesihatan, maka boleh-lah kita katakan yang perkembangan khidmat² perubatan dan kesihatan telah makin bertambah dari sa-tahun ka-sa-tahun. Walau pun kita boleh katakan belum lagi chukup, tetapi sa-bagaimana kata Setia-usaha Parlimen kapada Menteri Kesihatan, tadi semua-nya bergantong kapada kewangan. Jadi, kata pepatah: tentu-lah kita potong baju ikut kapada kain. Bagi pehak saya sendiri, sangat²-lah menguchapkan tahniah pada Kementerian Kesihatan kerana telah mengambil berat terutama sa-kali kapada masaalah² kesihatan dalam kawasan² luar bandar. Itu dia tegoran saya dalam 'am-nya, tetapi dalam khas-nya, saya suka hendak menyentoh dan hendak mengalu²kan ada-nya termasok dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan ini di-bawah Pechahan-kepala 15 peruntokan sa-banyak $10 ia-itu untok menandakan sikap kerajaan pada membantu mendirikan sa-buah Pusat Neuro-Psychiatric Institute. Saya ini bukan-nya sa-orang ahli doktor, hendak menyebutkan perkataan pun tidak betul, minta ma'af kapada Ahli² Yang Berhormat sahabat² saya dari kalangan doktor². Pada fahaman saya, kita di-Malaysia, dalam Malaysia Barat sa-kurang²-nya ada masaalah daripada tahun 1963 ia-itu baharu ada satu chawangan yang kechil sahaja di-Rumah Sakit Umum yang boleh membicharakan penyakit nervous atau pun mental disorders, baharu kita ada sa-orang pakar (specialist) ia-itu Neuro-Surgeon, orang yang di-lateh khas membicharakan penyakit berkenaan dengan nervous system, yang membelah orang² yang berpenyakit otak. Jadi, dengan ada-nya kesanggupan Kerajaan hendak membantukan supaya boleh didirikan sa-buah Institute sa-umpama ini saya perchaya ini-lah satu langkah yang chukup bijak. Jikalau mengikut fahaman saya saperti di-negeri Amerika tidak kurang daripada 5% atau 10% daripada pendudok-nya ada mengidapi penyakit nervous system atau penyakit mental disorders dan sa-hingga membawa kapada wajib di-adakan belah-membelah.

Untok mendirikan Institute ini sudah-lah di-adakan baharu² ini satu yayasan yang di-namakan dalam bahasa Inggeris *Neuro-Surgical Foundation,* dan satu daripada tugas² Foundation ini ia-lah kerana hendak memungut derma, terutama sa-kali untok hendak mendirikan sa-buah rumah atau bangunan bagi Institute ini dan tapak-nya saya faham telah di-adakan oleh Kerajaan dan juga untok membuat rayuan kapada negara² sahabat kita kerana membekalkan Institute ini dengan alat² perkakas. Saya faham pada masa ini sudah ada tidak kurang 26 orang daripada warganegara Malaysia yang sedang berada dalam latehan di-luar² negeri kerana hendak menjadi kaki-tangan dalam sa-buah Institute yang sa-umpama ini, maka saya sendiri ada masok champor juga dalam Foundation atau Neuro-Surgical Foundation ini, dan saya berharap-lah menerusi Dewan ini dengan jalan saya sebutkan masaalah ini pada hari ini, warganegara di-Malaysia khas-nya akan memberi sokongan dan bantuan yang sa-penoh-nya apabila pehak kami daripada Foundation membuat rayuan² untok mendapatkan bantuan² kelak.

Saya mengambil berat dalam perkara ini, Tuan Pengerusi, daripada beberapa sebab. Satu daripada sebab-nya saya telah perhatikan sendiri ada dalam pengetahuan saya sendiri berkenaan dengan sa-orang daripada anak saya; anak sulong saya meninggal dunia waktu dia berumor 29 tahun, telah ada anak 3 orang. Dia meninggal dunia dalam tahun 1961. Mati atau hidup itu tidak-lah dalam tangan kita, tetapi sekurang²-nya kita orang yang hidup patut-lah menchari apa² jalan dan ikhtiar sekurang²-nya mendapat tahu dahulu, apa-kah penyakit-nya yang di-hidapi oleh sa-saorang, sa-lepas kita tahu itu, chuba-lah ikhtiar mengubati penyakit itu.

Anak perempuan saya ini sudah berakhir sangat baharu dapat tahu sa-hingga di-bawa ka-Australia—tidak ada tempat yang boleh di-buat apa² pepereksaan, atau pembelahan perkara

ini dalam tahun 1960. Tuan Pengerusi, di-bawa pergi ka-Australia Neuro-Surgeon, pereksa, tengok, buka di-dapati benda itu sudah terlewat sangat. Jadi, saya tidak suka-lah jikalau kita ada dengan wang-nya, dengan kepandaian-nya, dengan pakar²-nya maka mari-lah kita gunakan segala ikhtiar menolong mereka yang sakit terutama sa-kali daripada sakit urat saraf yang bersangkutan dengan nervous system dan otak². Jadi, bukan ma'ana-nya saya sebutkan perkara ini ia-lah saya telah berjanji dengan diri saya dengan mudah²an dengan petunjok Allah subhanu wata'ala, saya akan sedaya upaya saya memberi apa² sokongan dan bantuan saya pada apa jua langkah yang akan di-buat oleh apa² badan dalam negeri ini supaya menjayakan sa-buah institute untok menolong warganegara kita yang mengidapi penyakit yang bersangutan dengan nervous system atau pun mental. Itulah sebab saya mengalu²kan dengan ada-nya chadangan $10 di-dalam Anggaran Perbelanjaan ini yang menunjokkan bantuan dan sokongan Kerajaan kapada ranchangan yang demikian itu. Terima kaseh.

**Tuan Haji Othman bin Abdullah (Hilir Perak):** Tuan Pengerusi, saya menguchapkan banyak terima kaseh kapada Setia-usaha Parlimen kapada Menteri Kesihatan ini yang telah mengemukakan anggaran yang menarek hati. Di-dalam uchapan-nya yang panjang lebar itu telah pun menyatakan beberapa banyak hospital² dan klinik² akan di-bena, tempat yang tidak ada akan di-buat, yang rosak akan di-perbaiki, yang kurang akan di-tambah dan berbagai² lagi, tetapi saya boleh-lah, Tuan Pengerusi, menudoh Kementerian ini melakukan satu dasar discriminasi di-dalam melayani orang² di-dalam bandar dan di-luar bandar. Sa-bagai chontoh, saya suka sangat mendengar tadi, kalau ranchangan Rumah Sakit Changkat Melintang, ia-itu kalau rumah sakit ini di-buat yang kebetulan di-tempat sempadan di-antara Ahli² Yang Berhormat dari Parit dan dari Hilir Perak, kawasan itu boleh di-gunakan oleh kedua² kawasan dengan pendudok²-nya lebeh daripada 100,000 orang, tetapi Kementerian ini telah pun menyatakan di-dalam Dewan ini, sabar-lah bahawa rumah sakit ini tidak dapat di-buat pada tahun ini. Di-tulis di-dalam buku Anggaran ini bukan-lah perkara yang baharu; saya rasa telah tiga tahun di-masokkan di-dalam anggaran ini, tetapi tidak lebeh daripada $10,000 yang tidak di-belanjakan dan kemudian pada hari ini, saya dengar lagi bahawa wang $10,000 itu hendak di-betulkan plan dia, bagitu dan bagini, sa-hingga papan tanda yang ada dekat Changkat Melintang hendak membuat hospital itu sudah lapok di-makan oleh anai² dan, barangkali hendak di-ganti baharu pula entah bila masa-nya, tetapi hospital tidak juga di-dirikan. Oleh kerana itu saya sa-kali lagi, Tuan Pengerusi, menudoh Kementerian ini telah melakukan discriminasi kapada kami yang dudok di-Sungai Perak dan tindakan yang di-buat oleh Kementerian ini saya bagi pehak kawasan saya sendiri berasa dukachita dan amat berasa kesal di-atas kenyataan bahawa rumah sakit ini tidak akan di-buat bagi tahun ini.

**Tuan Sulaiman bin Haji Taib (Krian Laut):** Tuan Pengerusi, dalam perbahathan mengenaï Kepala 123 peruntokan pembangunan bagi Kementerian Kesihatan ini saya akan menyentoh dengan chara rengkas di-atas satu dua perkara. Pertama sa-kali, Tuan Pengerusi, berhubong dengan Pechahan-kepala 3—Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar, ia-itu peruntokan yang telah di-tetapkan di-sini mengikut cheraian kechil (i)—Ranchangan² Kesihatan Luar Bandar sa-banyak $5 juta. Tuan Pengerusi, saya menguchapkan tahniah kapada pehak Kementerian Kesihatan ini yang telah memberikan peruntokan yang agak besar terhadap usaha-nya hendak memperbaiki kesihatan di-luar bandar ini, tetapi di-samping itu saya suka-lah juga hendak melahirkan perasaan kesal dan rasa tidak puas hati saya terhadap chara pehak Kementerian ini melaksanakan projek² yang telah di-tetapkan oleh Kementerian ini sendiri, terutama sa-kali di-dalam kawasan saya, atau dalam Daerah Krian. Pada tahun 1967

yang lalu pehak Kementerian telah pun meluluskan untok hendak membena empat buah rumah bidan berkembar klinik, ia-itu di-tempat² atau pun di-empat buah kampong: satu di-Bagan Tiang, yang kedua di-Kampong Kedah, yang ketiga di-Sungai Baharu, dan yang keempat di-Kampong Selinsing. Tetapi, malang-nya sa-hingga habis tahun 1967 projek tersebut maseh belum di-laksanakan lagi.

Mengikut apa yang di-jawab oleh pehak Kementerian di-atas Pertanyaan Bertulis yang saya hantarkan kapada Pehak Kementerian, jawab-nya ia-lah di-sebabkan masaalah mendapatkan tanah yang sesuai baharu sahaja dapat di-atasi. Tuan Pengerusi, saya rasa pehak Kementerian ini patut-lah menyelideki, menyelideki atau pun menyiasat dan mengubat penyakit² yang ada di-dalam Kementerian ini sendiri supaya di-dalam melaksanakan ranchangan² pembangunan di-luar bandar ini akan dapat di-laksanakan mengikut apa yang di-kehendaki oleh Pehak Kementerian ini sendiri.

Tuan Pengerusi, mengikut apa yang saya ketahuï sa-bagai Wakil Ra'ayat yang dudok di-dalam Jawatan-kuasa Pembangunan Negara dan Luar Bandar Daerah, tempat² atau pun tanah yang di-chadangkan oleh pehak Jawatan-kuasa Pembangunan Luar Bandar Daerah kapada pehak Jabatan Kesihatan untok hendak mendapatkan kelulusan di-atas satu tanah atau pun tapak yang di-chadangkan itu, kadang² memakan masa sa-hingga enam ka-tujoh bulan baharu mendapat ketentuan sama ada tapak itu di-terima atau tidak oleh pehak Jabatan Kesihatan. Kadang² pula bila di-chadangkan satu tapak tidak di-persetujuï dan hendak menunggu pula tapak yang kedua hingga berlarut² memakan masa satu tahun lebeh baharu dapat persetujuan. Jadi, dengan sebab itu-lah saya ingin tahu daripada pehak Kementerian Kesihatan ini, ia-itu sama ada empat buah projek rumah bidan berkembar klinik yang di-chadangkan pada tahun yang lalu itu akan di-laksanakan pada tahun ini atau pun tidak, kerana apa yang saya ketahuï munurut Meshuarat Jawatan-kuasa Pembangunan Luar Bandar Negeri Perak yang di-adakan baharu² ini konon-nya keempat² projek yang di-sebutkan, yang telah di-luluskan pada tahun 1967 yang lalu telah hilang dan tenggelam bagitu sahaja, tidak timbul apa cherita-nya.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, di-atas Kepala-kechil ini juga ia-itu atas Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar, saya ingin-lah tahu bahawa pehak Kementerian ini berhubong dengan ranchangan pehak Kementerian untok mendirikan Pusat Kesihatan Kechil di-Kuala Kurau. Pusat Kesihatan Kechil di-Kuala Kurau ini telah di-chadang hendak di-dirikan pada tahun 1965 yang lalu dan tapak untok hendak mendirikan bangunan Kesihatan Kechil ini pun telah di-ambil dan telah di-buboh tanah untok hendak di-dirikan di-situ, tetapi malang-nya, Tuan Pengerusi, hingga hari ini tidak dengar apa² berhubong dengan ranchangan tersebut. Jadi, kapada pendudok² di-luar bandar bagi kawasan tersebut yang hampir 30,000 orang sedang tertunggu² dan tertanya² di-atas ranchangan tersebut dan saya harap-lah perkara ini juga akan dapat di-beri penjelasan oleh pehak Kementerian.

Akhir sa-kali, Tuan Pengerusi, saya akan berchakap pada Pechahan-kepala 5—Rumah² Sakit Baharu; peruntokan di-sini sa-banyak $19,931,671. Apa yang saya hendak chakapkan, Tuan Pengerusi, ia-lah mengikut senarai rumah sakit yang di-chatetkan di-sini, malang-nya tidak tersebut langsong berhubong dengan Rumah Sakit Daerah Parit Buntar, tetapi pada penghujong tahun yang lepas Yang Berhormat Menteri Kesihatan telah datang melawat ka-rumah sakit tersebut dan kalau saya tidak silap, beliau sendiri telah memberi tahu kami wakil² ra'ayat di-sana yang pehak Kementerian ada memberi peruntokan untok hendak membaharuï bangunan pejabat dan tempat mengambil ubat bagi rumah sakit tersebut.

Saya harap-lah perkara ini tidak akan di-lupaï oleh Menteri Kesihatan ini berhubong dengan perkara yang telah di-ishtiharkan-nya itu. Saya sangat berharap kapada Kementerian

ini supaya jangan hanya pandai membuat janji, tetapi hendak-nya juga pandai melaksanakan janji[2]-nya. Terima kaseh.

**Tuan Mohd. Idris bin Matsil (Jelebu-Jempol):** Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya mengambil bahagian berchakap dalam peruntokan Kementerian ini ia-itu Pechahan-kepala 3—Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, oleh sebab di-beberapa kawasan telah di-dapati pemechahan ladang[2] getah yang besar, maka timbul-lah kesulitan berkenaan dengan kesihatan bagi sa-sabuah ladang getah itu yang mengandongi beratus[2] buroh daripada segala bangsa. Dalam kawasan saya mithalnya, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, sa-buah ladang ia-itu di-Bahau, kalau tidak silap saya Yang Berhormat Menteri Buroh telah sampai ka-tempat itu pada satu masa yang lalu kerana hendak menyelesaikan pertikaian buroh[2] di-situ dengan majikan-nya yang ada pada masa sekarang, ladang itu telah di-pechah[2]kan dan sa-belum di-pechahkan memang-lah di-dalam ladang[2] yang besar sa-umpama itu mempunyaï rumah sakit-nya yang bersendirian, tetapi manakala ladang itu telah di-pechahkan dan tuan punya ladang itu telah berpindah kapada beberapa orang kerana ladang itu telah di-jual, maka rumah sakit yang ada itu telah tidak menjalankan perkhidmatan, atau pun telah tidak dapat menjalankan perkhidmatan-nya sa-bagaimana yang pernah di-jalankan sa-masa ladang itu belum di-pechahkan. Jadi, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya berharap mendapat perhatian Kementerian Kesihatan dalam perkara ini dan saya perchaya Yang Berhormat Setia-usaha Parlimen kapada Kementerian Kesihatan faham bahawa ladang itu, kalau tidak silap saya ia-lah Ladang Geddes di-dalam Daerah Kechil Bahau dan di-dalam kawasan saya sendiri.

Yang kedua, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya membawa kapada Pechahan-kepala 5—Rumah[2] Sakit. Walau pun di-sini tidak ada peruntokan-nya, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, tetapi saya suka hendak membawa perhatian Yang Berhormat Menteri atas lawatan-nya, kalau tidak silap saya dua tahun yang lalu ka-Daerah Kechil Bahau ia-itu dalam kawasan saya, dalam masa pembukaan rasmi sa-buah Pusat Kesihatan di-sana dan pendudok[2] di-sana telah merayu kalau dapat di-bena sa-buah rumah sakit yang kechil sa-kurang-nya, katalah 50 atau 100 katil. Sa-telah di-siasat, tanah di-dapati dan kesenangan[2] dan ka-utamaan[2] yang lain telah ada, tetapi nampak-nya perkara itu tidak timbul, tetapi walau pun pendudok[2] di-sana maseh berhajat akan sa-buah Rumah Sakit Kechil tetapi untok sementara ini kerana kekurang wang bagi negara kita, saya merayu kapada Kementerian yang berkenaan, sebab dalam uchapan Yang Berhormat Setia-usaha Parlimen tadi ada menyebutkan, ada projek[2] yang di-gelar bilek sakit yang berkembar dengan Pusat Kesihatan. Dengan lain[2] perkataan saya merayu kapada di-sabelah Pusat Kesihatan itu di-benalah satu bilek sakit yang barangkali mengandongi 10 atau 20 katil untok emergency atau dharurat sa-belum di-pindahkan orang[2] sakit itu ka-sabuah rumah sakit yang besar.

Jadi bagi sementara ini saya harap mendapat perhatian, kalau dapat oleh sebab Pusat Kesihatan itu telah ada, doktor-nya telah ada, doktor pergigian-nya telah ada, saya fikir tidak-lah berapa banyak belanja untok membena sa-buah bilek, sekurang[2]-nya untok 20 katil untok perkara[2] dharurat, atau pun emergency cases. Dan bagi sementara itu, kalau-lah Kementerian yang berkenaan ini akan menjawab kerana kekurangan wang, tidak dapat juga hendak membuat bilek itu, saya merayu-lah sekurang[2]-nya Pusat Kesihatan yang saya sebutkan tadi di-beri sa-buah Ambulance, kerana pada masa ini tidak ada pun perkhidmatan untok membawa orang[2] sakit yang barangkali berkehendakan di-bawa ka-hospital, sebab kawasan itu sa-jauh 18 batu daripada hospital yang berhampiran sa-kali di-bandar Kuala Pilah dan bukan sahaja untok kepentingan orang[2] yang dudok dalam Daerah Kechil Bahau itu, tetapi juga untok kepentingan orang[2] yang saya sebutkan tadi daripada ladang[2] getah

yang berhampiran di-situ dan juga daripada kawasan² tanah yang ada di-sakeliling itu yang mengandongi, kalau tidak silap saya, tidak kurang daripada 60,000 orang pendudok di-dalam kawasan dan sakeliling Daerah Kechil Bahau itu. Jadi itu-lah dua perkara, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya berharap akan mendapat perhatian Kementerian yang berkenaan.

**Tuan Pengerusi:** Persidangan ini di-tempohkan sa-lama 15 minit.

*Persidangan di-tempohkan pada pukul 11.35 pagi.*

*Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 11.50 pagi.*

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

## ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1968

### Jawatan-kuasa

*Majlis Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa.*

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa*)

*Perbahathan di-sambong sa-mula.*

**Tuan Ibrahim bin Abdul Rahman:** Tuan Pengerusi, untok menjawab tegoran Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu Hilir saya menguchapkan terima kaseh kapada Ahli Yang Berhormat itu yang telah pun merayu orang ramai ia-itu orang² dermawan untok memberi sokongan penoh kapada Neuro-Psychiatric Institute ini. Kementerian Kesihatan memang mengambil perhatian berat dan telah pun menghantar beberapa orang pegawai berlateh di-Amerika dan juga Jururawat dan pegawai² lain sedang menjalankan latehan.

Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak menudoh Kementerian ini menjalankan dasar discriminasi berkenaan dengan Perkhidmatan Perubatan di-kawasan² luar bandar dan dalam bandar. Saya suka memberitahu kapada Ahli Yang Berhormat itu ia-itu semenjak kita menchapai kemerdekaan sakurang²-nya tiga juta pendudok² yang tinggal di-luar bandar telah mendapat kemudahan. Tiga juta orang pendudok yang tinggal di-luar bandar pada masa itu tidak mempunyaï sa-orang doktor pun yang merawat orang² yang tinggal di-luar bandar itu sa-banyak tiga juta orang itu. Tetapi pada hari ini kita ada 39 buah Pusat Kesihatan Besar, 139 Pusat Kesihatan Kechil dan 674 Kelinik² Bidan, dan di-Pusat² Kesihatan Besar itu kita tempatkan sa-orang doktor. Sekarang ada 30 orang doktor sedang berkhidmat di-kawasan² luar bandar.

Berkenaan dengan Rumah Sakit Changkat Melintang itu telah saya terangkan dalam uchapan saya tadi, itu akan mengambil masa sadikit oleh sebab plan dan lain².

Ahli Yang Berhormat dari Krian Laut bertanya apa-kah telah terjadi kapada Kelinik² Bidan di-Bagan Tiang, Kampong Kedah, Sungai Bahru, Kampong Selinsing. Kelinik² ini akan di-bena pada tahun 1968. Sebab² kelambatan-nya . . . . . .

**Tuan Ramli bin Omar:** Tuan Pengerusi, soal kelinik ini hendak di-dirikan pada tahun 1968 tidak-lah menjadi hal, tetapi apa yang saya minta soal pentadbiran ini tidak beres oleh kerana di-bawa ka-meja perundingan bagi hendak mendirikan kelinik² ini terlebeh dahulu kemudian di-umumkan pada tahun 1967. Jadi apa yang menjadi masaalah-nya bagi masa yang akan datang saya harap mendapat penjelasan daripada Setia-usaha Parlimen kapada Menteri Kesihatan ia-itu hendak-lah meranchangkan dengan chekap dan hendak-lah di-bereskan di-antara Pegawai Perubatan Negeri dengan Kementerian. Tahun 1967 sudah lepas, plan² itu tidak siap atau plan² itu di-ubah dan sa-bagai-nya. Penjelasan yang di-harapkan apa-kah sebab-nya berlaku perkara yang sa-umpama ini.

**Tuan Ibrahim bin Abdul Rahman:** Saya perchaya Ahli Yang Berhormat sendiri telah mendengar keterangan yang di-buat oleh Ahli Yang Berhormat dari Krian Laut tadi. Ahli Yang Berhormat dari Krian Laut tadi sudah

pun mengatakan ia-itu soal tanah bukan-lah soal Kementerian Kesihatan tetapi soal Pegawai Daerah. Jadi, Pegawai Daerah-lah yang terpaksa memileh tempat dan dia sendiri telah mengatakan sekurang²-nya enam bulan, baharu masaalah itu siap.

**Tuan Ramli bin Omar:** Bukan masaalah tanah, Tuan Pengerusi, tetapi masaalah plan bangunan itu ada berubah². Itu masalah-nya.

**Tuan Ibrahim bin Abdul Rahman:** Plan tidak ada perubahan, kerana semua Kelinik² Bidan dan Pusat² Kesihatan, ada standard plan-nya.

Berkenaan dengan Pusat Kesihatan Kechil Kuala Kurau kata-nya semenjak tahun 1965 tanah itu telah pun sedia, tetapi sa-hingga hari ini belum di-bena. Saya suka memberitahu Ahli Yang Berhormat ia-itu keutamaan bagi Pusat² Kesihatan Kechil di-Kuala Kurau itu telah pun di-ubah keutamaan-nya oleh Jawatan-kuasa Pembangunan Luar Bandar Perengkat Negeri, tetapi walau bagaimana pun pehak Kementerian akan membena kelinik itu pada tahun ini dan di-jangka akan siap pada tahun 1969.

Rumah Sakit Parit Buntar, Kementerian ini akan mengambil perhatian untok memperbaiki di-mana² yang patut.

Ahli Yang Berhormat daripada Jelebu-Jempol berchakap berkenaan dengan Rumah Sakit di-Bahau. Kerajaan tidak-lah dapat membuat Rumah Sakit di-Bahau, tetapi walau bagaimana pun pehak Kementerian sedang berikhtiar hendak mengadakan sa-buah Rumah Sakit Berkembar ia-itu Sick-Bay di-Pusat² Kesihatan yang besar. Itu-lah sahaja Tuan Pengerusi.

**Tuan Mohd. Tahir bin Abdul Majid:** Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan sadikit berkenaan dengan sick-bay ini, ada-kah sick-bay ini di-ranchangkan dan di-peruntokkan serta di-kembarkan dengan rumah² sakit atau pun sick-bay ini di-kandongkan di-dalam Pusat Kesihatan. Jika perkara ini bagini, saya dapati perchubaan telah di-jalankan untok mengadakan sick-bay di-Kelantan dan mengapa-kah agak-nya ketiga² perchubaan ini di-tempatkan di-Kelantan sahaja, mengapa tidak di-chuba di-tempat² yang lain.

**Tuan Ibrahim bin Abdul Rahman:** Untok menjawab pertanyaan yang pertama, sick-bay tidak di-tempatkan di-rumah² sakit. Sick-bay atau pun Rumah Sakit Berkembar, ada-lah di-kembarkan dengan Kesihatan Besar.

Soalan yang kedua kenapa-kah di-tempatkan di-Kelantan sahaja, tetapi di-tempat Ahli Yang Berhomat itu pun di-satu masa yang akan datang kelak kita akan adakan sa-buah Rumah Sakit Berkembar di-Pusat Kesihatan yang ada sekarang ini. Kita sedang menyemak di-mana-kah tempat yang sesuai dan oleh sebab itu keutamaan ada-lah di-beri kapada kawasan² Tumpat, Machang dan Pasir Mas.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak $40,373,014 untok Kepala 123 di-setujukan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1968.

*Kepala 124—*

**Setia-usaha Parlimen kapada Menteri Buroh (Tuan Lee San Choon):** Tuan Pengerusi, saya menchadang bahawa jumlah wang sa-banyak $900,000 di-bawah Kepala 124 untok Kementerian Buroh menjadi sa-bahagian daripada Jadual. Dengan izin, Tuan, saya menyampaikan uchapan saya dalam bahasa Inggeris.

The provisions for my Ministry come under two headings, Office Buildings and Industrial Training. Sir, under Office Buildings, provision has been made for $130,000 in sub-head 1 to complete the Ipoh Office project for my Ministry. Construction work is already in progress and it is expected to be completed by the middle of this year. An amount of $350,000 has also been provided in sub-head 5 for the construction of the new office premises for the Port Labour Board. The total cost of this project is likely to be revised upwards slightly as a result of increased cost

of piling and foundation works. The whole sum is expected to be provided as a loan to the Port Labour Board, which is a financially autonomous body, repayable within 25 years. The amount of $350,000 for 1968 is to cover the costs of piling and part of the building cost, while the remainder will be spent next year to complete the project. Two projects have been entered under Industrial Training. An amount of $70,000 for the building unit and $350,000 for the expansion of the Industrial Training facilities at Kuala Lumpur and the proposed second Training Institute at Butterworth.

Sir, I beg to move.

**Dato' Abdullah bin Abdulrahman (Kuala Trengganu Selatan):** Tuan Pengerusi, pada masa ini kita dapati lebeh daripada 150,000 orang di-Malaysia ini yang tidak ada mempunyaï pekerjaan atau pun yang menganggor. Tiap² hari di-Pejabat² Buroh di-serata Malaysia makin bertambah banyak orang datang untok menchari pekerjaan.

**Tuan Pengerusi:** Saya menompang bertanya pada Butiran dan Pechahan-kepala berapa itu?

**Dato' Abdullah bin Abdulrahman:** Pejabat² Buroh (Labour Offices).

**Tuan Pengerusi:** Ya-lah Pejabat Buroh, tetapi dalam Butiran berapa?

**Dato' Abdullah bin Abdulrahman:** Kepala 124, Pechahan-kepala 1. Apa yang saya suka membuat shorkan, Tuan Pengerusi, ia-lah supaya Kebinet dengan segera mengadakan satu jawatan-kuasa untok menyiasat berkenaan dengan penganggoran di-negara ini dan jawatan-kuasa ini hendak-lah mengemukakan shor²-nya bagaimana hendak mengatasi penganggoran di-Malaysia ini.

**Tuan Pengerusi:** Dalam Pechahan-kepala 1—Pejabat² Buroh wang yang di-untokkan $130,000 bukan berkenaan dengan lain². Itu sahaja yang di-chakapkan dalam Pechahan-kepala 1 itu.

**Dato' Abdullah bin Abdulrahman:** Baik-lah, Tuan Pengerusi, dari itu saya berharap Kementerian Buroh ini mengemukakan shor yang sa-demikian kapada Kabinet kita.

**Tuan Mustapha bin Ahmad (Tanah Merah):** Tuan Pengerusi, saya juga ingin mengambil bahagian sadikit dalam Kementerian Buroh sa-bagaimana peruntokan yang telah di-minta $350,000 ini. Masaalah yang saya hendak berchakap ia-lah perkara Pechahan-kepala 2—Pusat Latehan Perusahaan. Jadi Pusat Latehan Perusahaan ini nampak-nya di-buat dalam bandar² besar yang mempunyaï perusahaan² besar sahaja dan patut-lah pekerjaan² untok di-lateh dalam Institute ini di-buka juga bagi orang² di-luar bandar supaya peluang untok bekerja dalam perusahaan² tidak hanya di-bolot oleh orang² yang ada dalam bandar sahaja. Jadi, perkara itu di-buka di-luar daripada bandar saperti di-jajahan luar² bandar tentu-lah juga ada peluang bagi ra'ayat yang ada di-luar bandar itu apabila mendapat training ini, mereka boleh bekerja dalam perusahaan.

**Tuan Ahmad bin Arshad (Muar Utara):** Tuan Pengerusi, saya menarek perhatian Kepala 124, Pechahan-kepala 1—Pejabat² Buroh. Bagi pehak ra'ayat memuji usaha² yang di-buat oleh pejabat ini, tetapi satu perkara yang saya minta supaya di-perhati oleh pejabat buroh ini ia-itu ada ejen menchari kerja yang di-buat oleh satu badan kadang² mengelirukan orang ramai. Orang ramai tertarek hati dengan ejen itu, ejen ini suroh mereka pergi pada suatu tempat, bila pergi pada tempat itu kerja-nya tidak ada, dan orang² ini kena bayar pula kapada ejen² ini. Jadi hal yang macham ini satu penipuan pula sa-lain daripada pejabat buroh yang ada ini, ada satu ejen menchari kerja daripada satu badan yang telah bersemarak. Jadi saya berharap dalam negeri ini pejabat buroh dapat memerhati dan mengambil tindakan kapada ejen² yang saya kata menipu orang ramai.

**Tuan Lee San Choon:** Tuan Pengerusi, berkenaan dengan chadangan Ahli

Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Selatan kita memang sedar dan saya akan ambil perhatian.

Untok menjawab Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah berkenaan Pusat Latehan ini memang melateh budak² bukan dalam bandar sahaja, tetapi dari luar bandar juga. Kita sedang jalankan perkara, jadi ini sahaja-lah saya dapat menyampaikan kapada Ahli Yang Berhormat itu.

Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara meminta Kementerian saya ambil perhatian berkenaan dengan ejensi menchari kerja. Kita memang sedar dan kita pun ambil langkah menguatkan Labour Exchange kita dan kita harap juga Ahli² Yang Berhormat boleh beri keterangan yang penoh kapada semua ra'ayat negeri ini supaya mereka tidak dapat di-tipu.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak $900,000 untok Kepala 124 di-setujukan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1968.

*Kepala 125—*

**Menteri Kebajikan 'Am (Tuan Haji Abdul Hamid Khan bin Haji Sakhawat Ali Khan):** Tuan Pengerusi, saya mohon izin menchadangkan supaya perbelanjaan di-bawah Kepala 125, Kebajikan Masharakat, berjumlah $1,900,030 di-luluskan.

Tuan Pengerusi, peruntokan yang di-minta bagi menjalankan ranchangan² tahun 1968 akan termasok baki ranchangan² tahun 1967 dan dua ranchangan baharu ia-itu Rumah Orang² Tua di-Melaka dan sa-buah Sekolah Akhlak di-Sarawak. Pelan asal sedang di-pinda supaya di-masokkan kedua² ranchangan ini ia-itu hasil dari penjelasan dan penerangan yang baharu sahaja di-terima. Sa-belum perang, Rumah Orang² Tua di-Durian Daun, Melaka sa-benar-nya sa-buah Station Jantina bagi Rumah Sakit Durian Daun. Bangunan itu telah di-jadikan Rumah Orang² Tua sa-waktu Pentadbiran Tentera British bagi mengatasi masaalah pengemis², kutu² rayau dan orang² susah² sa-lepas perang. Sa-paroh daripada bangunan² itu di-dirikan sabagai pondok² sementara lebeh kurang 20 tahun dahulu.

Jabatan Kerja Raya sekarang telah membuat akuan yang rumah itu sangat tua dan bangunan²-nya tidak selamat untok di-diami dan akan merugikan jika di-perbaiki juga. Oleh kerana itu, sangat-lah mustahak supaya keutamaan istimewa di-beri bagi mendirikan sabuah rumah baharu dengan membatalkan bengkel bertutup di-bawah Kepala-kechil (i) dan menggunakan sa-bahagian daripada peruntokan Kepala-kechil (vi). Berikut dengan wujud-nya Malaysia, Kerajaan Pusat telah mengambil tanggong-jawab mengenaï yayasan² pemulehan bagi budak² nakal, dan perchubaan akhlak bagi pensalah² termasok pensalah² budak² di-Sarawak. Sa-telah berunding dengan Kerajaan Negeri maka di-dapati bahawa kemudahan² mengenaï yayasan² pemulehan yang ada sekarang di-Sarawak tidak menchukupi dan oleh itu langkah² untok membaiki keadaan ini telah dibuat di-bawah Ranchangan Pertama Malaysia, ia-itu termasok membesarkan sekolah akhlak yang ada sekarang, Rumah Budak² Sarawak dan mendirikan sa-buah rumah tahanan sementara serta asrama akhlak di-Kuching. Walau bagaimana pun kejadian jenayah budak² sedang beransor² banyak dan chadangan asal untok membesarkan Rumah Budak² di-Sarawak itu terpaksa di-kaji sa-mula. Memandang kapada tapak tanah sekarang yang kurang luas maka persetujuan telah di-chapai untok membena sa-buah sekolah akhlak baharu dan menggunakan Rumah Budak² Sarawak sekarang sa-bagai rumah tahanan sementara serta asrama akhlak kerana ini ada-lah lebeh sesuai bagi keperluan negeri pada masa hadapan. Belanja bagi sekolah akhlak baharu ini akan di-temuï daripada jumlah wang peruntokan sa-banyak $600,000 yang telah di-khaskan bagi Rumah Kanak² Pusat Pemulehan Sekolah Akhlak Rendah dan rumah tahanan sementara serta asrama akhlak.

Kembali kapada anggaran asal mengenaï Pechahan-kepala 1 (ii)—Rumah Orang² Tua, Johor, Johor Bahru wang

sa-banyak $400,000 ada-lah di-kehendaki untok membiayaï kerja² dalam tahun 1968.

Mengenaï Pechahan-kepala 1 (iv)—Rumah Orang Sakit Melarat, Pulau Pinang, kerja peranchangan akan siap pada pertengahan tahun dan wang sa-banyak $100,000 di-kehendaki bagi kerja² dalam tahun ini.

Mengenaï Pechahan-kepala 1 (v) dan (vi) Rumah Orang² Sakit Melarat, Selangor dan Rumah Orang² Tua, Melaka, wang sa-banyak $25,000 dan $40,000 ada-lah di-kehendaki untok kerja² peranchang.

Mengenaï Pechahan-kepala 2 (i)—Sekolah Akhlak, Pahang, wang sa-banyak $25,000 ada-lah di-kehendaki untok melancharkan ranchangan itu.

Wang sa-banyak $6,295 ada-lah di-kehendaki bagi Pechahan-kepala 2 (ii) Asrama/Rumah Tahanan Budak², Pulau Pinang untok membayar konterekter mengenaï rumah itu yang telah pun siap, dan wang sa-banyak $75,000 mengenaï Pechahan-kepala 2 (iii)—Rumah Tahanan Sementara/Asrama, Kuala Trengganu yang di-harap akan mula di-bena pada pertengahan tahun. Wang sa-banyak $250,000 ada-lah di-kehendaki untok memulakan kerja bagi Rumah Perlindongan Perempuan² dan Gadis, Kuala Trengganu di-bawah Pechahan-kepala 3 (ii).

Mengenaï Pechahan-kepala 4 (i)—Rumah Kanak², Pulau Pinang yang di-anggap akan mula di-bena pada pertengahan tahun, wang sa-banyak $250,000 ada-lah di-kehendaki untok menemuï belanja kerja² pembenaan.

Mengenaï Kepala-kechil 5 dan 6—Pusat Latehan Kediaman, Selangor dan memperelok serta memperbesarkan Rumah Kakitangan² wang sa-banyak $30,000 ada-lah di-kehendaki bagi kerja² pembenaan terhadap Pusat Latehan itu dan $296,705 bagi membesarkan Rumah Orang² Tua Bedeng dan Sekolah Akhlak Perempuan di-Sungei Lereh, Peruntokan sa-banyak $2,000 ada-lah di-kehendaki untok menemuï elaun bermalam dan perjalanan yang terchatet di-Kepala-kechil 7 bagi Pegawai² menyelia pembenaan di-bawah ranchangan itu.

Mengenaï Kepala-Kechil 22—Rumah Tahanan Sementara/Asrama, Jesselton/Tawau atau sekarang Kota Kinabalu, wang sa-banyak $190,000 ada-lah di-kehendaki untok membiayaï belanja kerja² pembenaan bagi tahun 1968. Wang sa-banyak $4,500 ada-lah di-kehendaki mengenaï Kepala-kechil 31—Rumah Orang² Tua, Kuching untok menyiapkan ranchangan itu.

Mengenaï Kepala-Kechil 32—Sekolah² Akhlak, Kuching wang sa-banyak $145,500 ada-lah di-kehendaki untok membeli tanah dan kerja² perancha-ngan permulaan dan wang sa-banyak $60,000 mengenaï Kepala-kechil 35 bagi membena bilek² tidor di-rumah budak² Sarawak yang pada satu hari akan di-jadikan rumah tahanan sementera.

Tuan Pengerusi, saya mohon izin untok membentangkan chadangan ini.

**Tuan Mustapha bin Ahmad (Tanah Merah):** Tuan Pengerusi, saya hendak mengambil bahagian sadikit sahaja dalam Kementerian ini ia-itu Pechahan-kepala 4—Perkhidmatan untok Kanak². Sa-bagaimana saya dapat ma'alum di-Taman Kemuning, Kelantan dahulunya ada ranchangan untok menempatkan budak²; di-Taman Kemuning itu hendak di-besarkan, tetapi sampai hari ini saya dapat khabar Kementerian ini telah menarek balek peruntokan itu. Sebab itu saya minta-lah sa-kali lagi kapada Menteri Kebajikan Masharakat supaya perkhidmatan untok kanak² dan rumah untok bagi kanak² di-laksanakan dengan segera di-Taman Kemuning, Pengkalan Chempa, Kelantan itu.

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, Pechahan-kepala 3—Perkhidmatan untok Perlindongan Perempuan. Jumlah semua sa-kali dalam Malaysia Barat ada-lah $250,010. Dalam peruntokan ini saya tengok Kelantan tidak ada satu perutokan untok perlindongan bagi Perempuan² ini, sebab itu saya chadangkan peruntokan ini di-kurangkan sadikit untok tempat lain, kemudian di-buat di-dalam negeri Kelantan juga,

sebab di-dalam negeri Kelantan juga tidak kurang perempuan² yang patut kita menempatkan dengan tempat yang berasingan daripada tempat laki² sa-bagaimana yang ada pada hari ini. Jadi, saya perchaya, Tuan Pengerusi, sa-kira-nya Kementerian Kebajikan Masharakat ini membuat tempat per-lindongan khas untok perempuan sahaja, saya perchaya banyak orang² perempuan dalam negeri Kelantan itu yang tidak mampu hidup-nya di-rumah kerana kemiskinan, kerana chachat dan lain² lagi, mereka itu akan tertarek hati dudok di-tempat itu sa-bagaimana hari ini nampak-nya di-tempat itu di-dudoki oleh orang² lain sahaja, tidak daripada bumiputra. Jadi, saya minta-lah sa-kali lagi kapada Menteri Kebaji-kan Masharakat mengambil perhatian di-atas pandangan saya ini. Terima kaseh.

**Dato' Abdullah bin Abdulrahman (Kuala Trengganu Selatan):** Tuan Pengerusi, Kepala 125, Pechahan-kepala 3 (ii) Rumah Perlindongan Perempuan², Kuala Trengganu. Bagi pehak seluroh ra'ayat jelata di-negeri Trengganu saya suka menguchapkan berbanyak² terima kaseh kapada Kera-jaan kerana mengadakan rumah per-lindongan perempuan di-Kuala Treng-ganu ini.

Tuan Pengerusi, apa yang saya berharap ia-lah disiplin yang ketat akan di-kenakan di-dalam rumah yang saperti ini dan jangan-lah di-benarkan anak² muda lelaki kita melawat ka-rumah saperti ini dengan bebas. Satu lagi apa yang saya berharap ia-lah Kerajaan juga akan mengadakan guru² ugama untok mengajar mereka yang ada di-dalam rumah.

**Tuan Abdul Karim bin Abu (Melaka Selatan):** Tuan Pengerusi, saya meng-ambil bahagian berchakap dalam Kepala 125, Pechahan-kepala 1 (vii)—Rumah Orang² Tua, Melaka sa-banyak $40,000. Rasa saya, kalau dapat, peruntokan ini di-banyakkan lagi, kerana di-Melaka ada Sekolah Kanak² Pekak di-Bukit Baharu. Kanak² yang belajar di-sana ada-lah datang-nya daripada kawasan² yang berhampiran dengan negeri Melaka dan di-dapati di-situ tidak ada mempunyaï asrama. Harapan saya kira-nya Kanak² Sekolah Pekak ini dudok di-bawah Kementerian ini supaya dapat di-bena sa-buah asrama supaya tidak-lah kanak² ini kena berulang daripada rumah-nya yang bagitu jauh dan kadang² terpaksa menumpang di-rumah yang dekat dengan sekolah itu.

**Tuan Ahmad bin Arshad (Muar Utara):** Tuan Pengerusi, saya meng-ambil bahagian berchakap dalam Pechahan-kepala 1 (ii)—Rumah Orang² Tua, Johor, Johor Bahru. Saya harap Kementerian ini dapat memikirkan ia-itu di-kumpulkan seluroh orang² tua dalam negeri Johor yang pada masa sekarang di-tampongkan Rumah Orang Tua di-kampong² atau di-bandar² yang di-biayaï oleh Majlis Tempatan atau badan sukarela. Jadi dengan di-kumpulkan orang² tua seluroh negeri Johor pada tempat ini dapat-lah mem-beri kemudahan pada mereka itu dan dapat menyenangkan pentadbiran Ke-menterian ini.

Sa-lain daripada itu saya fikir dalam Rumah² Orang² Tua Negeri Johor yang saya bangkitkan ini tolong berikan kemudahan kapada orang tua² yang berugama Islam waktu mereka hendak menunaikan fardhu ugama-nya, dan kalau boleh tempat-nya di-asingkan juga di-buat bagi orang tua lelaki dan juga orang tua perempuan.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya chuma hendak membangkitkan satu lagi ia-itu Pechahan-kepala 3—Perkhidmatan untok Perlindongan Pe-rempuan. Ini juga saya gemar tahu daripada Yang Berhormat Menteri, ada-kah rumah ini dapat di-tempatkan bagi perempuan² yang telah rosak hati-nya di-sebabkan berkelahi dengan suami-nya sa-bagaimana pandangan yang saya bawa dalam Dewan ini dahulu.

Itu sahaja, terima kaseh.

**Tuan Haji Abdul Hamid Khan:** Tuan Pengerusi, saya uchapkan ber-banyak² terima kaseh kapada Ahli² Yang Berhormat yang telah mendatang-kan beberapa pandangan tadi ber-kenaan dengan Kementerian saya dan

pada umum-nya perkara ini semua akan saya ambil perhatian, akan tetapi suka juga saya menambah di-sini, ia-itu daripada perkara yang terchatet di-dalam Jadual ini, saya suka menyatakan ia-itu ada sa-tengah² perkara yang di-bangkitkan oleh Ahli² Yang Berhormat yang saya suka memberi sedikit jawapan, ia-itu Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Selatan meminta pelajaran ugama di-ajar dan kanak² di-beri disiplin. Tindakan atas perkara ini memang telah kita ambil dan saya perchaya bahawa perkara ini ada-lah di-jalankan dengan baik.

Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah menyatakan yang ranchangan menempatkan budak² nakal di-Pengkalan Chepa di-laksanakan dengan sachepat mungkin. Yang sa-benar-nya, Tuan Pengerusi, ranchangan saumpama ini memang tidak ada, untok menempatkan budak² nakal itu, di-negeri Trengganu ada-lah untok menampong budak² daripada Kelantan dan Trengganu, satu tempat bagi kedua² negeri itu.

Berkenaan dengan apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Melaka Selatan ia-itu bagi Rumah Orang² Tua di-Melaka yang peruntokan-nya di-besarkan daripada $40,000 ia-lah peruntokan untok tahun 1968. Jumlah perbelanjaan-nya ada-lah sa-banyak $1 juta dan ini memang-lah ada peruntokan yang akan di-buat lebeh besar.

Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara membangkitkan berkenaan dengan Rumah Orang² Tua di-Batu Pahat dan di-Johor akan di-satukan. Rumah² ini tidak dapat di-kumpulkan kerana tiap² yayasan itu ada-lah untok meliputi tiap² satu kawasan.

Tentang rumah² untok di-tempatkan bagi orang² yang susah, ia-itu bagi perempuan² yang susah hati. Jadi bermacham² keadaan-nya ada orang yang datang kerana susah hati, ada yang di-tinggalkan oleh suami; ada yang suami-nya itu nakal pun ada juga. Jadi dalam Kementerian ini kita memang ada satu Counselling Section, ia-itu memberi nasihat. Jikalau ada-lah sa-saorang isteri atau pun sa-siapa juga perempuan² yang berasa tidak senang hati dan dia suka hendak mendapat nasihat, boleh-lah datang kapada Counselling Section, atau Bahagian senang dalam Kementerian saya.

Ahli Yang Berhormat dari Melaka Selatan membangkitkan berkenaan dengan sekolah kanak² patut di-adakan asrama. Ini ada-lah tanggong-jawab Kementerian Pelajaran tentang sekolah kanak² ini.

Tuan Pengerusi, rasa saya itu-lah sahaja yang dapat saya terangkan.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak $1,900,030 untok Kepala 125 di-perentah jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan. 1968.

*Kepala 133 hingga 137.*

**Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama (Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi):** Tuan Pengerusi, jumlah wang sa-banyak $119,820,615 telah di-chadangkan untok perbelanjaan kemajuan Kementerian saya bagi tahun 1968. Dari jumlah ini, $109,041,182 ia-lah untok Malaysia Barat, $7,703,364 untok Sarawak dan $3,076,069 untok Sabah. Jumlah yang di-chadangkan itu ia-lah $21,168,997 lebeh daripada jumlah peruntokan bagi tahun 1967 dan ini membayangkan keutamaan yang di-berikan kapada Kementerian saya kapada kemajuan pertanian negeri ini.

Sa-bagaimana yang telah saya katakan di-dalam uchapan saya yang terdahulu di-Dewan ini bila saya membentangkan Anggaran Perbelanjaan Biasa Kementerian ini, ia-itu betapa mustahak-nya perlaksanaan pertanian serba jenis di-perhebatkan dengan kejatohan harga getah yang menjunam baharu² ini. Kita sedar dengan kemerusutan ekonomi yang di-alami oleh ra'ayat yang bergantong hidup, sama ada sechara langsong atau tidak, kapada perusahaan getah. Kalau-lah pendapatan ra'ayat negeri ini betul² hendak di-bela dan di-perbaiki, kalau-lah perbedzaan pendapatan di-antara pendudok² luar bandar dan di-dalam

bandar hendak di-hapuskan, maka terpaksa-lah Kerajaan melaksanakan pertanian serba jenis di-negeri ini dengan sa-berapa segera-nya.

Walau pun kita sedang memperluaskan tapak atau pun asas ekonomi kita menerusi perusahaan, tetapi chuma dapat menyumbangkan lebeh sadikit daripada 10 peratus sahaja kapada pendapatan negara seluroh-nya. Oleh yang demikian, maka kema'amoran ekonomi Malaysia akan terus bergantong kapada kemajuan pertanian bagi beberapa masa yang lama lagi. Dari itu, kita harus-lah terus memperkuatkan bahagian pertanian atau pun agricultural sector.

Dalam tahun sudah kita telah menchapai beberapa hasil yang chukop memuaskan dalam usaha[2] menambahkan pengeluaran ternakan, ikan dan hasil[2] tanaman. Gerakan Kerjasama juga telah menchapai beberapa kemajuan. Pergerakan-nya telah di-perluaskan meliputi kawasan[2] yang lebeh besar dengan bilangan ahli[2]-nya samakin bertambah. Kejayaan sharikat[2] serba-guna telah memberi sumbangan besar kapada langkah[2] memperbaiki taraf ekonomi pendudok[2] luar bandar.

Sunggoh pun Kementerian saya sedang mengambil langkah yang perlu bagi memperkuatkan bahagian pertanian atau pun agricultural sector sachara keselurohan, segala keutamaan telah di-beri kapada usaha[2] bagi menchapai pengeluaran padi menchukopi keperluan sendiri. Dari itu-lah, maka Kerajaan telah mengeluarkan perbelanjaan yang banyak untok membiayai Ranchangan Sungai Muda dan untok membiayai Ranchangan Kemubu akan datang ini, supaya lebeh luas lagi kawasan[2] tanaman padi dua kali satahun dapat di-jalankan. Hari ini kita telah dapat mengeluarkan 2/3 daripada jumlah beras yang di-perlukan oleh negara kita dan ini ada-lah sunggoh menggalakkan.

Memandang kapada kejayaan[2] kebanyakan daripada ranchangan[2] kemajuan pertanian dalam tahun 1967 itu, maka mustahak-lah bagi Kementerian saya meneruskan ranchangan[2] ini semua-nya telah memberi sumbangan besar kapada kemajuan pertanian dinegeri ini.

Sekarang saya akan bentangkan Anggaran Perbelanjaan Kemajuan Kementerian saya bagi tahun 1968 dibawah tiap[2] Bahagian dalam Kementerian.

*Kepala 133—Pertanian*

Saperti di-dalam tahun 1967, ranchangan pembangunan Bahagian Pertanian bagi tahun 1968 akan berdasarkan kapada 4 sektor ia-itu penyelidekan pertanian, perkembangan, bantuan dan pelajaran pertanian.

Sa-jumlah $15,200,020 di-kehendaki di-dalam tahun 1968 bagi melaksanakan ranchangan pembangunan pertanian di Malaysia Barat. Sa-tengah daripada projek[2] pembangunan yang besar ada-lah saperti berikut:

*Pechahan-kepala 1—Tanaman Padi—$1,147,147*

Penyelidekan padi maseh lagi menjadi projek keutamaan terutama memandangkan projek Tali Ayer Sungai Muda yang di jangka siap dalam tahun 1970-1971. Jenis[2] padi yang baharu dan baik mesti di-keluarkan dari masa ka-samasa bagi mengatasi kekurangan yang ada pada masa ini, dan untok menyesuaikan dengan teknik jentera di-dalam penanaman.

Sa-banyak $1,147,147 di-kehendaki di-dalam tahun 1968 bagi memperbaiki dan meluaskan kemudahan[2] penyelidekan padi di-steshen[2] yang besar saperti di-Kedah, Seberang Prai, Perak, Selangor, Melaka dan Kelantan dan untok menjalankan penyelidekan kachang[2] dan sekoi (sorghum) didalam melaksanakan ranchangan anikajenis pertanian di-dalam Kementerian saya.

*Pechahan-kepala 2—Tanaman[2] Tanah Kering—$1,475,000*

Sa-bagai tambahan kapada penyelidekan padi dan tanaman[2] ladang yang luas Bahagian Pertanian juga menjalankan penyelidekan ka-atas tanaman[2] tanah kering saperti tebu, kelapa, koko, teh, kopi, pisang, manila

hemp dan terutama sekali kelapa sawit, yang sa-makin menjadi mustahak di-dalam membangunkan ekonomi Malaysia. Sa-banyak $1,475,000 di-pinta dalam tahun 1968 bagi mendapatkan tanah, membangunkan steshen$^2$ penyelidekan baharu dan peruntokan bagi mengadakan kemudahan penyelidekan yang baik dan lebeh banyak di-steshen$^2$ ini.

*Pechahan-kepala 7—Penyelidekan Mengeluar dan Memproses Tanaman Makanan—$2,127,000*

Di-bawah Pechahan-kepala ini terdapat dua projek yang bersangkut-paut ia-itu:

(i) Penyelidekan Mengeluar Tanaman Makanan sa-banyak ($519,000) yang di-laksanakan oleh Bahagian Pertanian.

(ii) Penyelidekan Memproses Tanaman Makanan berjumlah ($1,608,000) yang di-laksanakan oleh Bahagian Kaji Teknik Makanan.

Tujuan projek$^2$ ini ia-lah untok menjalankan penyelidekan ka-atas pengeluaran dan memproses tanaman$^2$ makanan, terutama buah$^2$an dan sayor$^2$ran Penyelidekan memproses tanaman$^2$ makanan akan di-jalankan ka-atas tanaman$^2$ makanan oleh Bahagian Kajiteknik. Maknan untok menentukan sama ada atau tidak tanaman$^2$ saperti itu sesuai bagi kilang$^2$ memproses-nya. Perutokan yang di-minta dalam tahun 1968 ia-lah untok mendapatkan tanah, mendirikan rumah$^2$ dan makmal$^2$ perutokan untok kemudahan pisikal (physical) dan barang$^2$ bagi Penyelidekan Mengeluarkan Tanaman Makanan dan bagi membangun steshen$^2$ penyelidekan.

*Ranchangan$^2$ Bantuan*

Ka-semua 15 ranchangan bantuan ada-lah sambongan dari tahun lepas, oleh kerana hasil dari ranchangan$^2$ ini pengeluaran pertanian kebun$^2$ kechil telah bertambah dan pendapatan pekebun$^2$ kechil telah meningkat. Sa-jumlah $7,454,555 di-minta bagi memenohi ranchangan$^2$ bantuan ini, di-mana yang mustahak sekali ia-lah.

*Pechahan-kepala 12—Baja Padi $2,000,000*

Tujuan ranchangan ini ia-lah untok menyedarkan petani$^2$ menghargaï nilai baja$^2$, dan meluaskan ranchangan ini bagi meliputi kawasan$^2$ tanaman dua-kali. Di-bawah ranchangan ini penanam$^2$ padi di-beri kadar bantuan 30% bagi tanah$^2$ padi. Ranchangan ini telah berjaya dan petani$^2$ mendapat pendapatan yang lebeh kerana meningkat-nya hasil$^2$ daripada ladang$^2$ mereka.

*Pechahan-kepala 16—Penanaman/Pemulehan Sa-mula Kelapa—$2,966,555*

Sa-banyak $2,966,555 di-minta bagi tahun 1968 di-bawah pechahan-kepala ini untok menanam sa-mula dan memileh lebeh kurang 9,000 ekar tanah di-kawasan$^2$ saperti berikut:

(i) Kawasan Selatan, Johor ... 2,000 ekar.

(ii) Kawasan Tengah ... ... 5,300 ekar.

(iii) Kawasan Timor, Kelantan 1,600 ekar.

Bahagian ini, dalam menjalankan ranchangan$^2$ yang tersebut, telah berjaya dan bilangan pekebun$^2$ kechil yang mengambil bahagian telah meningkat. Bagaimana pun, Bahagian ini tiada dapat meranchangkan banyak lagi ranchangan oleh kerana kekurangan kewangan dan juga kekurangan kakitangan yang terlateh. Kebanyakan daripada kakitangan sekarang ini ada-lah di-pinjamkan daripada perkhidmatan$^2$ negeri yang juga mengalami kekurangan di-sana.

*Pechahan-kepala 28—Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan... $200,000*

Di-bawah Pechahan-kepala ini, sa-jumlah $200,000 di-minta bagi tahun 1968 agar membolehkan L.P.P.P. atau Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan menjalani kajian khas ka-atas padi, beras, kopi, kelapa dan sayoran$^2$. Kajian akan di-jalankan dengan menggunakan chara$^2$ sains untok mendapatkan sebab$^2$ dan keterangan berkenaan dengan masaalah$^2$ dan kedudokan pemasaran berhubong dengan barang$^2$ dagangan yang tersebut.

*Pechahan-kepala 29—Sekolah² Pertanian—$1,173,782*

Bagi melaksanakan penyelidekan, perkembangan dan ranchangan² bantuan yang di-jalankan oleh Bahagian ini sa-mata² bergantong kapada Pegawai² Pertanian di-semua perengkat. Sekarang ini maseh ada kekurangan pegawai² tersebut. Dari itu, sa-jumlah $1,173,782 di-pinta bagi mengembangkan Sekolah Pertanian yang ada sekarang, terutama di-Serdang dan Bumbong Lima.

SABAH

Sa-jumlah $1,339,647 di-minta untok pembangunan pertanian di-Sabah dalam tahun 1968. Dari jumlah ini, sa-banyak $770,000 akan di-untokan bagi Penyelidekan Pertanian yang meliputi perbelanjaan modal dan perbelanjaan² lain bersangkutan dengan ranchangan² penyelidekan padi, koko dan kelapa sawit, dan juga termasok pemereksaan ekonomi dan tanah.

SARAWAK

Sa-jumlah $4,540,550 di-minta untok pembangunan pertanian di-Sarawak. Ranchangan² besar untok chatetan ia-lah (i) Bantuan bagi Penanam² Padi dan (ii) Menanam Kelapa.

*Kepala 134—Kemajuan Kerjasama Malaysia Barat*

Di-bawah Bahagian Kemajuan Kerjasama di-Malaysia Barat ada satu sahaja Pechahan-kepala—Tanah, Bangunan² Pejabat dan Rumah² di-mana peruntokan sa-banyak $189,000 ada-lah di-kehendaki bagi tahun 1968. Ini ada-lah di-perlukan untok mendirikan bangunan Pejabat/rumah² di-Klang, Mersing, Parit Buntar, Dungun, Kangar dan mendapatkan tanah bagi ranchangusaha² lain yang akan di-jalankan dalam tahun² 1969 dan 1970. Ada-lah mustahak mendapatkan tanah pada perengkat yang awal ini kerana pengalaman telah membuktikan ia-itu kerja² mendapatkan tanah selalu-nya memakan masa yang banyak.

SABAH

Wang sa-banyak $80,000 ada-lah di-kehendaki bagi Kemajuan Kerjasama di-Sabah untok mengembangkan kerja² ka-atas Badan Kerjasama Pusat atau pun Co-operative Central Agency di-mana hasil dari penubohan sharikat² yang baharu dan bantuan² yang bertambah kapada Sharikat² Kerjasama Tanah.

*Kepala 135—Parit dan Taliayer*

MALAYSIA BARAT

Di-bawah kepala ini peruntokan sa-banyak $85,035,318 ada-lah di-pinta bagi Bahagian ini untok tahun 1968. Wang ini akan di-gunakan untok meneruskan kerja ka-atas 22 ranchangan saloran dan 27 ranchangan pengayeran dan untok memulakan kerja ka-atas 2 buah ranchangan baharu pengayeran ia-itu "Saloran bagi Ranchangan Taliayer Sungai Kulim, Pulau Pinang" yang akan mengadakan kemudahan² pengayeran sa-luas 9,050 ekar dan ranchangan "Seberang Perak, Peringkat III yang mana kawasan dari hutan paya sa-luas 11,320 ekar dijadikan kawasan sawah untok penanaman padi dua kali sa-tahun dan kawasan saloran sa-luas 36,860 ekar untok tanaman² lain. Sa-lain dari itu ada tiga buah lagi ranchangan² kechil di-Pahang berjumlah 600 ekar luas-nya, yang juga akan di-laksanakan pada tahun ini.

Di-dalam tahun 1967, lapan ranchangan saloran, yang memberi kemudahan saloran bagi kawasan sa-luas 14,200 ekar, telah siap di-benakan. Di-samping itu 2 ranchangan pengayeran lain ada-lah di-beberapa perengkat pembenaan dan kerja-nya sedang di-teruskan lagi dalam tahun 1968.

Berkenaan ranchangan pengayeran, 26 buah telah siap di-bena dalam tahun 1967. Ranchangan ini telah memberi kemudahan pengayeran bagi kawasan padi yang sedia ada sa-luas 10,626 ekar; telah membuka kawasan paya sa-luas 9,300 ekar untok di-jadikan kawasan pertanian dan membolehkan kawasan sa-luas 23,000 ekar dengan kemudahan² pengayeran bagi tujuan menanam padi dua kali sa-tahun.

Kerja sedang di-jalankan pada projek pengayeran yang terbesar sa-kali di-negeri ini, ia-itu Projek Taliayer Sungai Muda, yang apabila siap dibenakan akan memberi kemudahan

pengayeran bagi kawasan padi sa-luas 261,500 ekar. Sa-takat ini, sa-panjang 4¼ batu terowong atau pun tunnel yang akan menyambong kedua² ampang telah pun di-tebok. Kerja² membena kedua² buah ampang sedang berjalan dengan pesat-nya walau pun terdapat beberapa kesulitan. Kerja membena sa-batang taliayer besar dan sistem aliran pendalaman sedang berjalan mengikut jadual-nya.

Berkenaan dengan ranchangan peng-ayeran yang kedua besar-nya, ia-itu Ranchangan Taliayer Kemubu, yang bertujuan memberi kemudahan peng-ayeran bagi kawasan sa-luas 47,000 ekar bagi penanaman padi dua kali sa-tahun, tawaran telah di-keluarkan bagi membena 5 buah pam yang besar dan kerja² kejuruteraan yang lain lagi.

SABAH

Peruntokan sa-banyak $1,656,422 ada-lah di-pinta untok ranchangan parit dan taliayer di-Sabah. Daripada jumlah itu sa-banyak $1,330,000 ada-lah di-kehendaki untok meneruskan kerja² taliayer bagi kawasan padi sa-banyak 7,240 ekar.

SARAWAK

Kemajuan Kerja di-Sarawak ada-lah kurang giat di-sebabkan masaalah pemilekan tanah dan kaki-tangan. Bagi tahun 1968, wang sa-banyak $1,862,794 ada-lah di-minta untok membiayaï per-belanjaan jentera dan kelengkapan, beberapa ranchangan parit dan taliayer, kerja² ukor-mengukor dan penyiasatan permulaan, penyelidekan kaji ayer dan membersehkan sungai dan parit.

*Kepala 136—Perikanan*

MALAYSIA BARAT

Sa-jumlah $4,200,000 ada-lah di-pohonkan bagi Bahagian Perikanan menjalankan beberapa projek pem-bangunan perikanan di-dalam tahun 1968 di-Malaysia Barat. Sa-bagaimana dalam tahun 1967 bagitu-lah juga dalam tahun ini ranchangan pem-bangunan Bahagian Perikanan ada-lah di-tujukan bagi menyediakan keper-luan² asasi pembangunan perikanan dengan menegaskan Penyelidekan dan Teknoloji, Pengajaran Perikanan dan Latehan, Pentadbiran dan Penguat-kuasa, ekonomik kemasharakatan dan pembenaan model. Hampir kesemua-nya projek² ini ada-lah lanjutan projek² tahun 1967.

Projek² pembenaan yang terbesar dalam tahun 1968 ia-lah saperti berikut:

*Pechahan-kepala 2 (ii)—Perkembangan Pengkalan Ikan dan Menyediakan Kemudahan² Yang Bersangkutan—$1,000,000*

Butir yang terbesar di-bawah Pe-chahan-kepala ini ia-lah Pelabohan Serba Lengkap Perikanan di-Kuala Kedah. Tujuan-nya ia-lah bagi mem-berikan benaan² asasi untok kemu-dahan² di-pantai kapada perusahaan perikanan yang besar dan chergas di-Kuala Kedah. Peruntokan ini termasok-lah tambahan menaikkan ikan², bangsal pemilehan ikan, bilek² penyimpan ayer batu dan limbongan bagi memperbaiki motobot².

*Pechahan-kepala 3—Bantuan Kewangan kapada Perusahaan Ikan—$750,000*

Ranchangan ini bertujuan mengatasi masaalah kekurangan sumber² per-modalan dan kemahiran pengurus untok menubohkan dan menjalankan Sharikat² Kerjasama Nelayan. Bantuan² kewangan kapada perusahaan perikanan akan menurut dua chara. Pertama-nya ia-lah dengan chara memberikan ban-tuan terus kapada nelayan² untok membeli bot², injin dan kelengkapan perikanan. Bantuan² demikian ini akan di-salorkan melaluï Sharikat² Kerja-sama dan Persatuan² Nelayan yang sedia di-tubohkan.

Kedua-nya, bayaran gaji² Pengurus Sharikat² Kerjasama dan harus juga kapada Persatuan² Nelayan. Ada-lah di-jangka sa-orang pakar dari Taiwan akan tiba dalam awal tahun 1968 untok menolong kerja² penubohan Persatuan² Nelayan di-negeri ini.

*Pechahan-kepala 8—Menguat-kuasa Perikanan dan Kapal² Pemereksaan—$608,836*

Kemajuan pesat yang berlaku dalam perikanan perdagangan kita di-tahun² yang lalu, khusus-nya kegunaan pukat tunda dalam penangkapan ikan² di-perayeran kita, ada-lah memerlukan

supaya di-perkuatkuasakan dengan saboleh-nya Chawangan Penguat-kuasaan dan Pemereksaan daripada Bahagian ini.

Tiga buah bot² Penguat Kuasa yang laju yang akan di-lengkapkan dengan alat perhubongan wireless ada diperuntokan bagi tahun 1968 ini.

SARAWAK

Sa-jumlah wang yang sederhana iaitu $800,010 ada-lah di-minta untok kemajuan perikanan di-Sarawak dalam tahun 1968. Daripada jumlah wang ini, $150,000 ada-lah untok Perikanan Ayer Tawar, dan yang baki-nya ia-lah untok Kemajuan Perikanan Laut. Pelaksanaan kebanyakan projek pembangunan di-dalam tahun 1967 telah di-tanggohkan oleh sebab kekurangan kaki-tangan yang terlateh. tetapi keadaan ini telah beransor baik sekarang.

*Kepala 137—Haiwan*

MALAYSIA BARAT

Wang sa-banyak $4,416,844 ada-lah di-pinta bagi Bahagian Haiwan bagi tahun 1968 untok menjalankan projek² pembangunan-nya, saperti tahun² yang lalu ada-lah di-reka dengan bertujuan saperti berikut:

(i) mengadakan dan membaikkan lagi kemudahan² berkaitan dengan perkhidmatan menchegah penyakit² haiwan;

(ii) mengadakan ranchangan² yang bertujuan untok menggalak dan menambahkan pengeluaran hasil ternakan di-negara ini;

(iii) mengadakan dan membaikkan kemudahan² untok menjalankan penyelidekan di-dalam segi penyakit haiwan dan ternakan; dan

(iv) mengadakan kursus² di-dalam lapangan memelihara ternakan dan mengawal penyakit.

Memandang atas kedudokan wabak penyakit Demam Babi yang telah pun berlaku di-seluroh negeri ini pada akhir tahun 1966 dan awal tahun 1967. Bahagian ini telah pun mengambil keputusan untok memberi perkhidmatan suntekan 'am bagi menchegah penyakit ini. Malang-nya ubat² suntekan terpaksa di-beli daripada luar negeri. Pada tahun 1968 ada-lah dichadangkan supaya satu yunit yang ditugaskan untok membuat ubat suntekan penyakit Demam Babi di-tubohkan di-Pusat Penyelidekan Haiwan, Ipoh.

Ranchangan² ternakan yang dichadangkan bagi tahun 1968 ia-lah sa-rupa dengan ranchangan² yang dilaksanakan di-dalam tahun 1967. Ranchangan² ini sangat di-gemari oleh petani² dan peruntokan sa-banyak $1.5 juta di-kehendakki bagi melaksanakan ranchangan² menternak lembu, kerbau, ayam itek dan babi.

Dalam tahun² 1966 dan 1967 sambutan yang di-beri kapada perkhidmatan permanian beradas ada-lah sangat menggalakkan dan ada-lah dichadangkan supaya perkhidmatan ini di-perbesarkan lagi dengan menubohkan empat buah pusat² permanian beradas babi dan 4 buah pusat² permanian beradas lembu, dalam tahun 1968.

Peluang bagi perkembangan perusahaan susu dan daging lembu dinegeri ini ada-lah besar. Tetapi bagi permulaan-nya banyak lagi penyelidekan yang mesti di-adakan. Oleh itu ada-lah di-chadangkan supaya dimulakan kerja membena bangunan utama bagi Pusat Pengeluaran Haiwan di-Kluang dan menyiapkan kerja kaatas yunit Pembiakan Ayam di-Pusat Penyelidekan dan Menternakan Ayam di-Johor Bahru.

SARAWAK

Jumlah sa-banyak $500,010 ada-lah di-minta untok perkembangan Perkhidmatan Haiwan di-Sarawak. Kebanyakan daripada projek² itu ada-lah untok penyambongan kerja² bagi tahun lalu.

**Wan Abdul Kadir bin Ismail (Kuala Trengganu Utara):** Tuan Pengerusi, saya ada-lah mengalu²kan peruntokan Pembangunan bagi Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama yang banyak meranchangkan usaha² pembangunan sa-panjang tahun 1968 ini. Saya hendak sentoh, Tuan Pengerusi, yang pertama di-bawah Kepala 136, Pechahan-kepala 3—Bantuan Wang kapada Perusahaan Ikan.

Tuan Pengerusi, saya rasa ranchangan memberi bantuan kapada perusahaan

ini suatu usaha yang sangat baik dan saya hendak berchakap perusahaan ikan di-Pantai Timor kerana saya nampak ranchangan² ini banyak di-jalankan ranchangan perikanan di-Pantai Barat. Di-Pantai Timor ini pada masa ini satu ranchangan baharu sahaja yang di-jalankan oleh Kementerian ini, ia-itu mengadakan Perusahaan Pukat Tunda Perchubaan atau printis yang di-mulakan di-Besut dan yang sudah di-pindahkan di-Kuantan. Tetapi, Tuan Pengerusi, Perusahaan Ikan di-Pantai Timor ini lebeh luas daripada hanya mengadakan satu perusahaan perintis bagitu sahaja, kerana sa-benar-nya di-Pantai Timor dahulu pehak Kementerian ini, 8 atau 10 tahun dahulu ada membuat, memberi pertolongan atau pinjaman kapada Sharikat² Kerjasama Ikan, tetapi semenjak masa² yang akhir² ini Perusahaan Sharikat² Kerja-sama itu di-biarkan bagitu sahaja.

Saya rasa tiga atau empat puloh ribu orang penangkap ikan di-Pantai Timor ini kalau di-biarkan keadaan mereka dalam perjalanan masharakat mereka tidak di-beri perhatian yang sunggoh², perhatian yang besar bagi menutup segala kekurangan, kelemahan atas perjalanan Sharikat² Kerjasama Perikanan di-Pantai Timor ini baik di-dalam kawasan saya di-Kuala Trengganu atau di-tempat² lain di-Kemanan atau di-tempat lain lagi, saya rasa sharikat² ini tidak akan maju sa-jauh mana. Jadi pehak nelayan² di-Pantai Timor merasa sunggoh bahawa dalam masa 5 tahun yang akhir ini Ranchangan Pembangunan dan pertolongan bagi mereka dan bimbingan yang sa-benar-nya bagi Sharikat² Nelayan di-Pantai Timor ini tidak di-beri dengan sa-benar²-nya.

Saya merayu-lah bagi pehak nelayan² di-Pantai Timor yang sa-lama empat atau lima tahun yang akhir ini di-biarkan, di-tinggalkan dan di-abaikan supaya pada masa ini sa-lain daripada buat pembangunan di-Kuala Kedah dan sa-bagai-nya, orang² di-Pantai Timor ini ka-selurohan-nya boleh di-katakan di-tepi pantai ini empat atau lima puloh ribu bekerja menangkap ikan, dan jikalau perhatian dan bimbingan yang sunggoh² tidak di-beri dan bagi menutup segala lubang yang terbuka, maka saya rasa pembelaan nasib mereka ini akan lama-lah hendak menchapai tujuan yang kita chita²kan.

Saya merayu-lah supaya di-beri perhatian kapada penderitaan, kesusahan dan kepayahan yang di-deritai oleh kaum nelayan di-Pantai Timor dan jangan-lah di-biarkan mereka itu dengan hanya memandang, tetapi di-beri segala peruntokkan, segala ranchangan, segala pembangunan, kerana banyak perkara² yang patut di-buat dan yang perlu di-buat untok kebajikan dan kemajuan kaum nelayan di-Pantai Timor itu. Saya rasa di-Pantai Timor di-kawasan saya di-Kuala Trengganu, di-Kemaman, di-Besut, semenjak 5 tahun yang akhir ini memang mereka tidak menerima sadikit pun pandangan yang agak boleh membesarkan hati sadikit, dan saya rasa orang² ini semua yang memang patut di-beri pembelaan dan tidak di-biarkan bagitu sahaja, kerana kalau kita hendak kira orang² ini meyokong Kerajaan, memang nelayan² di-Pantai Timor khusus-nya di-Trengganu saya katakan sa-bahagian terbesar daripada mereka ini orang² yang setia kapada Kerajaan dan tahu akan tujuan ranchangan² kemajuan Kerajaan, maka saya merayu-lah supaya perbaikan nasib bagi nelayan² di-Pantai Timor ini di-beri perhatian yang sunggoh² oleh Kementerian ini.

Perkara yang kedua . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Masa sudah sampai. Meshuarat ini di-tanggohkan hingga pukul 4.00 petang ini.

*Persidangan di-tanggohkan pada pukul 1.00 petang ini.*

*Meshuarat di-sambong sa-mula pada pukul 4.00 petang.*

## ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1968

*Majlis Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa.*

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa*)

*Perbahathan di-sambong sa-mula:*

**Wan Abdul Kadir bin Ismail:** Dato' Pengerusi, menyambong uchapan saya pada sa-belah tengah hari tadi, saya

telah membawa perkara tentang kedudokan nelayan di-Pantai Timor, dan saya suka menyambong bahawa kedudokan nelayan Pantai Timor ini maseh tidak mendapat perhatian yang sunggoh² dari pehak Kementerian ini sa-hingga masa ini.

Daripada semenjak ketika delapan tahun yang lalu Sharikat² Kerjasama Nelayan yang ada di-Pantai Timor, di-Trengganu khas-nya, saya boleh sebut sa-tengah daripada nama-nya Sharikat Kerjasama Nelayan Seberang Takir, Sharikat Kerjasama Nelayan Batu Rakit, Sharikat Kerjasama Nelayan Marang dan Sharikat Kerjasama Nelayan Kemaman. Sharikat² ini yang dahulu-nya mendapat bantuan pinjaman daripada Kementerian ini untok menjalankan perusahaan menangkap ikan, pada masa ini maseh berjalan dengan terhegeh² dan kekurangan yang ada pada sharikat² ini patut-lah mendapat perhatian yang berat daripada Kementerian ini. Dari semenjak lapan tahun yang lalu, Tuan Pengerusi, tidak ada lawatan yang di-buat oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama kapada sharikat² ini. Mereka sunggoh² merasa di-tinggalkan dan tidak mendapat perhatian yang sunggoh².

Jadi, ini-lah saya merasa patut-lah rayuan, kelohan dan rintehan daripada kaum nelayan di-Pantai Timor itu mendapat tempat sadikit dalam sudut hati dan jiwa Yang Berhormat Menteri supaya akan dapat-lah sadikit sa-banyak perhatian dan pembelaan kapada nasib² mereka.

Pada masa ini, Tuan Pengerusi, pehak Kementerian ada menjalankan satu Perusahaan Perintis Pukat Tunda yang pada mula²-nya di-jalankan di-Besut bagi nelayan² di-Kelantan, di-Bachok, di-Tumpat dan juga nelayan² di-Besut. Bila perusahaan ini di-lancharkan di-Besut, maka banyak-lah nelayan² yang telah masok dan menyambut ranchangan ini dan masing² pun menjualkan-lah mana ada pukat sa-bidang dua bidang, mana ada perahu atau motobot sa-buah dua, kerana mengharapkan pendapatan yang baik dan lebeh daripada perusahaan Perintis Pukat Tunda yang di-lancharkan di-Besut itu. Pada masa ini, Tuan Pengerusi, dengan serta-merta dan tergopoh gapah pehak Kementerian ini telah memindahkan perusahaan Perintis Pukat Tunda ini dengan motobot²-nya sa-kali daripada Besut ka-Kuantan. Ada sebab²-nya yang di-beri yang konon²-nya ayer di-Kuala Besut tidak chukup dalam dan sa-bagai-nya, tetapi yang menjadi persoalan kapada saya, ada-kah pehak Kementerian ini tidak memikir dan menimbangkan nasib nelayan² yang dahulu mengambil bahagian dalam perusahaan Pukat Tunda ini; nelayan² daripada Bachok, Tumpat atau pun daripada Besut yang sekarang ini terhegeh²-lah pula mereka ini tidak tahu ka-mana hendak pergi, kerana segala apa yang ada pada mereka dahulu-nya telah di-tolak ka-tepi untok menerima dan menjalankan Perusahaan Pukat Tunda sa-chara perintis ini. Sudah-kah pehak Kementerian ini memikirkan apa-kah hendak di-buat kapada nelayan² ini yang di-tinggalkan dan sekarang pergi ka-Kuantan, apa yang hendak di-buat kapada mereka ini, ada-kah hendak di-biarkan bagitu sahaja, biar-lah mereka di-bawa oleh nasib mereka sendiri atau di-fikirkan satu chara lain bagi menolong sa-mula nelayan² ini yang menggantongkan harapan kapada perusahaan Pukat Tunda yang di-jalankan di-Besut yang pada hari ini di-pindahkan ka-Kuantan itu? Ada-kah sa-benar-nya ranchangan ini di-jalankan sa-telah di-ambil penyiasatan yang mendalam. Saya rasa kalau penyiasatan yang mendalam di-jalankan tentu-lah pehak Kementerian ini tidak akan terpaksa mengubah tempat Pukat Tunda ini daripada Besut ka-Kuantan. Tidak-kah dapat di-pastikan terlebeh dahulu bahawa ayer di-Besut, umpama-nya, tohor, tidak dalam kadang² hendak masok waktu malam tidak dapat oleh motobot yang berat-nya 50 tan. Kalau 50 tan tidak dapat di-jalankan sa-telah ternyata penyiasatan itu dahulu, kenapa tidak di-buat dengan motor yang berat-nya 30 tan sahaja untok sesuai di-Besut dan untok tidak mengechewakan kaum nelayan sa-bahagian besar-nya di-sabelah Besut dan di-sabelah Kelantan yang telah menggantongkan harapan kapada perusahaan Pukat Tunda ini? Ini-lah persoalan²-nya, Tuan Pengerusi, tentang soal ini.

Sekarang sa-telah pindah di-Kuantan, barangkali perusahaan ini pun oleh kerana perusahaan ini perusahaan perintis dalam perengkat perchubaan, adalah pula beberapa kesulitan di-sana, barangkali agak sadikit sa-banyak kemajuan-nya tidak bagitu pesat, dan dapat pula amaran daripada Yang Berhormat Menteri sendiri bahawa kalau tidak chukup hasil dan kemajuan-nya di-Kuantan pun akan di-batalkan langsong kelak.

Jadi, ini-lah saya katakan, Tuan Pengerusi, tidak-kah sa-belum di-buat di-Besut atau pun di-Kuantan ini, penyiasatan yang lebeh awal itu dipastikan di-buat dahulu, sa-takat manakah kemungkinan untok mendapat kemajuan dalam perkara ini dengan kedudokan ayer-nya, dengan kedudokan ikan-nya dan sa-bagai-nya disabelah Besut atau sekarang ini di-sabelah Kuantan. Saya takut dengan chara amaran² bagini akan tawar-lah hati sa-tengah² kaum nelayan kita yang hendak memperbaiki akan keadaan pekerjaan mereka itu dengan mengharapkan bimbingan dan bantuan dengan chara pukat tunda yang dijalankan sekarang ini. Jadi, saya sabenar-nya berharap pehak Kementerian berkenaan dengan memberi amaran demikian mengharapkan kemajuan yang lebeh akan dapat di-chapai, tetapi dengan memberi bimbingan yang baik dan menunjok ajar dan memberi apa sahaja bantuan yang boleh bagi menjamin kejayaan akan ranchangan ini. Jika ranchangan perintis ini gagal, Tuan Pengerusi, saya tidak fikir keperchayaan kaum nelayan di-Pantai Timor akan dapat tambah lagi kapada usaha² yang akan di-jalankan oleh Kementerian ini untok mereka itu. Akan timbul-lah kerisis keperchayaan kerana sudah di-chuba di-Besut dan Kuantan tidak maju kemudian di-potong atau di-mansokh atau di-batal atau di-buat macham mana, maka akan timbul-lah kerisis kurang perchaya kapada usaha² Kementerian ini. Bila ini timbul maka sukar bagi pehak Kementerian ini hendak mendapat sokongan dan kerjasama ranchangan² yang lain. Saya mengaku, Tuan Pengerusi, Ranchangan Perintis Pukat Tunda ini baik—baik dan memang ini satu perkara yang dialu²kan kerana ini akan membuka mata pencharian yang lebeh luas kapada nelayan di-Pantai Timor, tetapi chara perlaksanaan, chara yang bagini, ini-lah saya takut akan memberi sadikit sa-banyak rasa kechiwa kapada kaum nelayan di-Pantai Timor.

Satu perkara lagi yang saya suka hendak sebutkan dalam perkara ini, Tuan Pengerusi, ia-lah chara sekarang ini pukat tunda hendak di-jalankan di-Pantai Timor—sudah di-jalankan sa-bagai satu ranchangan perintis, yang kalau berjaya akan di-besarkan supaya orang lain ikut sama. Tetapi, Tuan Pengerusi, pengajaran untok menjalankan chara pukat tunda ini tidak diajar sekarang ini di-Sekolah Perikanan yang bertempat di-Kuala Trengganu, chara menangkap ikan pukat tunda ini hanya ada-di-ajar di-Sekolah Perikanan Pulau Pinang. Jika hendak di-bawa ranchangan ini kasana, maka tidak-kah baik mata pelajaran atau chara² menjalankan pukat tunda ini di-ajar sama sa-bagai satu mata-pelajaran yang penting dalam Sekolah Perikanan di-Kuala Trengganu dan tidak hanya di-bataskan dalam Sekolah Perikanan di-Pulau Pinang sahaja. Jadi, Tuan Pengerusi, saya berharap-lah keselurohan kedudokan nelayan di-Pantai Timor ini di-kaji sa-mula dengan penoh sempati oleh pehak Kementerian dan pehak Yang Berhormat Menteri supaya mereka yang sedang merasa kurang mendapat perhatian yang berat akan dapat berikhtiar daripada Kementerian ini dan akan mendapat pembelaan yang dapat di-rasai oleh mereka itu dari satu masa ka-satu masa.

Berkenaan dengan ikan ini, Tuan Pengerusi, satu perkara yang bersangkut yang tidak di-sebutkan ia-itu soal pemasaran ikan dan ini bersangkut dengan FAMA. Saya sangat sukachita mendengar perishtiharan Menteri dalam uchapan-nya tadi bahawa sekarang ini pehak FAMA akan menjalankan penyelidekan tentang pemasaran ikan. Saya rasa soal pemasaran ikan ini-lah perkara yang sangat mustahak di-beri perhatian oleh FAMA dengan sa-berapa segera yang boleh kerana pada himat saya, Tuan Pengerusi, kaum nelayan-lah kaum yang paling hebat di-peras oleh orang² tengah. Mereka-lah kaum yang

paling hebat di-peras darah dan peloh mereka oleh orang² tengah ini. Sa-pikul ikan di-beli oleh tokeh² ini di-laut dengan harga katakan $10—ikan kembong. Ikan ini di-bawa Kuala Lumpur di-jual dengan harga $90 sa-pikul atau $80 sa-pikul, kadang² $100 sa-pikul. Keuntongan yang dapat oleh orang tengah ini bukan sa-kali ganda—empat kali ganda, lima kali ganda, enam kali ganda, padahal kaum nelayan ini-lah dengan tidak kenalkan siang dan malam, keluar pada pukul tiga pagi, empat pagi, kadang² pukul satu malam menangkap ikan, membawa hasil, tetapi hasil ikan ini di-jual dengan bagitu murah, kapada orang tengah, dan tidak ada jalan tempat lain mereka hendak menjual ikan ini melainkan kapada orang tengah yang telah sedia menanti ikan mereka di-laut.

Sa-tengah² orang tengah ini, Tuan Pengerusi, mengikat lebeh dahulu akan hasil keringat dan peloh kaum nelayan ini. Mereka telah memberi pendahu-luan duit kapada kaum nelayan ini sa-kian: banyak, terutama pada musim tengkujoh dan mereka mesti memberi dan menjualkan ikan yang mereka dapat kapada tokeh yang telah memberikan pendahuluan ini untok membayar hutang yang mereka ambil pada musim tengkujoh. Suatu amalan yang telah di-lakukan oleh orang tengah, tokeh² ia-lah mereka me-masang kaki mengangkut kaum nelayan dari Kuala Trengganu um-pama-nya beratus² orang pada tiap² mula habis musim tengkujoh membawa ka-Endau atau ka-Sedeli di-Johor tempat mereka ada perahu yang baik. Mereka ini di-beri pendahuluan sadikit $30 atau $40. Mereka bekerja di-Sedeli di-Johor atau Endau atau di-Mersing sa-lama 7 atau 8 bulan. Pendapatan yang mereka perolehi ter-lalu sadikit kerana tolak pendahuluan yang mereka beri $30 atau $40 tinggal-kan di-rumah, dan mereka dapat masa bekerja 7 atau 8 bulan di-tempat menangkap di-Seledi atau di-Endau atau di-Mersing itu, chukup mereka makan sa-mulut pagi dan sa-mulut petang.

Ini-lah cherita pemerasan yang di-lakukan oleh orang tengah kapada kaum nelayan di-Pantai Timor. Jadi oleh sebab itu sangat mustahak pehak FAMA mengkaji soal pemasaran ikan ini kerana kaum nelayan-lah yang sangat hebat di-peras oleh orang tengah lebeh daripada pemerasan di-lakukan kapada penanam² padi di-Kedah atau di-mana² tempat di-sabelah Pantai Barat lebeh hebat-dua tiga kali ganda lebeh hebat daripada pemerasan yang di-lakukan kapada penanam² padi. Kerana sa-benar-nya sa-kali mereka mesti menjual kapada orang tengah, kalau tidak ikan mereka itu akan di-champak buang ka-laut, tidak ada siapa hendak membeli lagi.

Saya hendak sambong sadikit sahaja lagi berhubong dengan ini tentang nelayan juga ia-itu dalam Kepala 136, cheraian (ii) tentang Persatuan² Nelayan yang hendak di-lancharkan pada tahun ini dengan peruntokan yang di-minta $220,000. Jadi tentu-lah perkara ini pehak Kementerian akan mengatakan, kerana tadi saya tidak dapat dengar huraian daripada Yang Berhormat Menteri tentang cheraian (ii) Persatuan² Nelayan ini, bahawa ini ia-lah untok membela kedudokan kaum nelayan, tetapi saya hairan, Tuan Pengerusi, bahawa ka-mana-lah hendak di-bawa Persatuan² Nelayan ini dan chara mana-kah hendak di-bentok, dengan chara mana-kah hendak di-buat, ada-kah peratoran² yang telah di-rangka bagi membentok dan membawa Per-satuan Nelayan ini kapada matlamat yang kita tuju. Kenapa-kah tidak di-buat undang² terlebeh dahulu dan di-bentangkan kapada Dewan ini sa-bagaimana yang di-buat pada Persatuan Peladang. Saya telah bangkitkan sadikit dahulu dalam perbinchangan Undang² Persatuan Peladang tentang soal Persatuan Nelayan ini, kerana Persatuan Peladang juga dalam Rang Undang² yang telah di-luluskan oleh Dewan ini yang pada sa-bahagian fasal-nya ada saya bangkang sadikit kerana di-benarkan kaum nelayan juga menjadi Persatuan Peladang. Jikalau dengan menurut kehendak dan per-atoran Undang² Persatuan Peladang telah membolehkan kaum nelayan kenapa-kah di-buat peruntokan khas $220,000 bagi Persatuan Nelayan dengan tidak ada satu peratoran yang tetap yang boleh mengendalikan per-jalanan Persatuan² Nelayan ini bila di-lancharkan tahun ini. Saya takut, Tuan

Pengerusi, dengan tidak ada panduan yang demikian, maka kita tidak tahu ka-mana kelak Persatuan[2] Nelayan akan membawa ahli[2] kaum nelayan yang menjadi Persatuan[2] Nelayan ini ka-mana hendak bawa, chara bagaimana, apa garis nya dan apa chara perjalanan-nya. Ini-lah tanda-tanya dan tanda soal yang menari dalam hati dan ingatan kita bila kita tengok bahawa pada tahun ini pehak Kementerian Pertanian akan melancharkan pula Persatuan[2] Nelayan. Kalau Persatuan Peladang yang sekarang telah mula di-lancharkan pada tahun ini—baharu hendak di-lancharkan dengan penoh pada tahun ini—saya rasa untok mengadakan Persatuan[2] Nelayan untok kaum nelayan maka kita harus berhati[2] mengkaji akan segala keperluan nelayan ini dan chara pembelaan yang boleh di-buat menerusi Persatuan[2] Nelayan lebeh dahulu sa-belum daripada di-lancharkan pada tahun ini. Biar-lah kita berhemat[2] dan berchermat[2] dan berhati[2] sadikit sa-belum kita menjalankan Persatuan[2] Nelayan ini. Biar-lah segala tujuan dan chara[2] menjalankan kesatuan nelayan ini betul[2] akan dapat menjamin akan kepentingan kaum nelayan yang sabenar[2]-nya. Biar-lah di-kaji segala kesulitan, segala kepayahan, segala masaalah yang betul[2] di-hadapi oleh kaum nelayan yang hendak di-bela menerusi Persatuan Nelayan ini sabelum di-lancharkan Persatuan Nelayan ini. Saya memang suka di-adakan kesatuan nelayan khas Persatuan Nelayan sahaja, tetapi itu lah saya rasa segala peratoran[2] dan jaminan[2] yang boleh menjamin kejayaan kesatuan nelayan ini mesti di-dapati lebeh dahulu sa-belum kita melancharkan kesatuan ini. Terima kaseh.

**Tuan Mohd. Zahir bin Haji Ismail (Sungei Patani):** Tuan Pengerusi, saya hendak champor berchakap berkenaan dengan Kepala 133, Pechahan Kepala Kechil 10—Penggalakan Persatuan[2] Peladang Luar Bandar. Saya agak wang yang telah di-untokkan ini sudah memadai untok kerja ini, sakadar yang saya hendak berharap biarlah Persatuan[2] Peladang yang ada sekarang bergerak dengan memberi kesan yang lebeh daripada sekarang. Saya berasa dukachita kerana melihat ada Persatuan[2] Peladang yang tidak maju; ini sangat[2]-lah di-kesalkan dengan kerana masa berjalan terus dan masa tidak menunggu sa-siapa pun. Jika orang[2] luar bandar berharap supaya jurang perbedzaan di-antara orang[2] yang berada dengan orang[2] yang tidak berada itu di-dekatkan, hendak-lah mereka sendiri bekerja kuat dengan semangat berchita[2] kapada kemajuan supaya jurang itu akan menjadi lebeh. Ada sa-tengah[2] tanah yang di-punyaï oleh ahli[2] Persatuan Peladang di-Kedah khas-nya yang tidak di-kerjakan dengan elok. Tanah itu penoh dengan lalang dan semak. Yang demikian saya berharap Kementerian ini akan melebehkan asoran[2] semangat kapada ahli[2] persatuan ini di-dalam tiap[2] perjumpaan atau kursus yang di-adakan.

Sa-lain daripada itu saya suka mengshorkan supaya Kerajaan mengadakan cheramah[2] atas perkaras[2] yang berkenaan dengan muslihat peladang[2] itu di-antara peladang[2] itu sa-sama sendiri umpama-nya perkara mengadakan satu ranchangan bagaimana hendak mengatasi kesulitan bagi peladang[2] yang mempunyaï dua keping tanah satu tanah bendang dan yang lagi satu tanah getah. Nampak-nya peladang[2] ini tidak boleh atau tidak pandai memberi dan membahagikan masa yang chukup untok satu[2] tanah itu dan akhir-nya kechiwa kehidupan-nya. Soal ini, Tuan Pengerusi, boleh di-binchangkan di-dalam majlis ramah-tamah di-antara ahli[2] persatuan itu sendiri lebeh baik mereka itu di-beri peluang menchari ikhtiar[2] dan jawapan[2] itu supaya mereka itu membaiki kehidupan mereka itu sendiri. Dengan chara ini peluang hendak berjaya ada-lah lebeh.

Tuan Pengerusi, saya suka hendak menyentoh Kepala 133 juga di-bawah Pechahan-kepala 74—Bantuan Pokok Buah[2]an. Yang sudah[2] chara Pejabat Pertanian memberi bantuan pokok[2] buahan ini ia-lah dengan tidak bagitu menghiraukan kapada orang[2] yang meminta atau kapada tempat yang hendak di-tanamkan itu. Umpama-nya tidak patut Pejabat Pertanian memberikan beneh[2] pokok durian kapada

orang² yang hendak menanam-nya di-atas tanah yang tidak sesuai untok pokok durian saperti di-atas tanah pamah, akhir-nya pokok itu akan mati dan rugi-lah kapada semua pehak. Oleh yang demikian, saya berharap Pejabat Pertanian mengkajikan soal ini dan orang yang meminta itu pun kena-lah di-kaji juga oleh Pejabat Pertanian. Jangan-lah di-berikan beneh² yang baik² dan berharga itu kapada orang² yang tidak mampu mengeluarkan modal untok menjaga dan membaja pokok² itu istimewa kapada orang² yang telah pun kechiwa di-dalam tanaman² di-masa yang lepas oleh sebab kekurangan penjagaan. Lebeh baik jika Pejabat Pertanian menggalak-kan satu atau dua jenis sahaja pokok buahan² di-tanamkan ka-dalam mana² kampong atau pun kawasan. Jika di-perbuat bagini maka senang-lah jika masa pokok² itu telah berbuah kelak hendak memasarkan buah²an itu, dan jika di-kehendaki, boleh-lah di-tin-kan kerana buah²an itu sudah banyak dan akan menjadi ekonomik hendak mem-buat satu kilang mengetinkan buah²an itu.

Akhir-nya Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap berkenaan dengan Kepala 133 juga Pechahan-kepala 32—Perchubaan Tanaman Padi Dua Kali sa-tahun. Kita sangat² sukachita di-atas kejayaan Kementerian ini yang telah pun mengadakan beneh² padi yang baik saperti Malinja dan Mahsuri. Masa yang di-kehendaki lepas jenis padi ini di-tanam dan dapat di-tuaï buah-nya ia-lah lebeh kurang 4 bulan sahaja. Ada di-setengah² negeri Kedah yang boleh di-tanam dua kali sa-tahun den-gan jenis² padi ini dengan tidak men-dapat pertolongan ayer daripada Ran-changan Sungai Muda. Jika sudah siap Ranchangan Sungai Muda maka ada besar kemungkinan kita boleh me-nanam padi dua kali sa-tengah pada satu tahun. Apa yang di-harapkan muga² Kementerian boleh menchari satu chara supaya masa buah padi masak itu akan kurang daripada 4 bulan dan dengan yang demikian membolehkan kita menanam padi tiga kali satu tahun dan bukan-nya dua kali sa-tahun saperti yang di-sebutkan di-dalam anggaran ini.

Sekian-lah Tuan Pengerusi, terima kaseh.

**Tuan Ismail bin Idris (Pulau Pinang Selatan):** Yang Berhormat Tuan Penge-rusi, saya ingin hendak berchakap dalam Kepala Kechil 133, Pechahan-kepala 19—Chengkeh dan buah Pala. Tetapi sa-belum daripada itu saya bagi pehak pendudok² dalam kawasan saya ingin menyampaikan uchapan terima kaseh kapada Menteri ini yang telah memberi pandangan dan perhatian yang berat dalam kawasan saya itu.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, dengan jatoh harga getah dalam masa² ini maka pekebun² kechil telah men-chari jalan bagi mengatasi soal ini dengan memberi perhatian yang besar kapada penanaman chengkeh dan buah pala. Saperti mana yang kita ma'alum bahawa chengkeh dan buah pala ini ada-lah suatu perusahaan, atau satu penanaman, yang sedang mendapat per-hatian berat dan menjadikan satu per-niagaan di-dalam Pulau Pinang itu. Buah pala ini di-jadikan halua pala dan sedang mendapat pasaran yang baik. Jadi ada satu perkara yang patut di-ambil perhatian oleh Kementerian ini berkenaan dengan bantuan yang di-berikan kapada pekebun² ini. Saya dapati dan saya telah pergi melihat ada beberapa kawasan² kechil ia-itu kawasan² yang mempunyaï 2 ekar, 3 ekar sa-hingga 5 ekar tanah telah pun di-chuba menanam pokok² pala dan pokok² chengkeh ini. Saya telah di-beri tahu bahawa pemberian yang telah di-beri oleh Kerajaan ini jarang² kali-lah memuaskan dan menchukupi bagi mereka itu menjalankan perusahaan menanam buah pala ini. Sa-kira-nya kalau Kerajaan dapat menimbangkan supaya melebehkan sadikit pemberian penanaman pokok² pala ini kapada orang² yang menanam, maka saya rasa galakan kapada tanaman pala ini akan makin bertambah dan dengan yang demikian maka bertambah-lah pula pendapatan daripada hasil penanaman pala ini. Maka oleh yang demikian saya bagi pehak penanam² pala ini memohon dan menyeru-lah kapada Menteri Yang Berhormat ini supaya dapat menimbang sa-mula dan mele-behkan satu bantuan bagi penanam pokok pala ini.

Berhubong dengan soal ini juga saya suka hendak berchakap berkenaan dengan Pechahan-kepala 18—Penanaman Padi dua Kali Sa-tahun. Kita hari ini berasa bangga bahawa Kerajaan Perikatan sedang berusaha dengan saberapa giat-nya bagi membolehkan semua kawasan² padi supaya di-tanam sekurang²-nya dua kali sa-tahun, tetapi ada juga tempat² yang pada pendapat saya tidak boleh di-tanam dua kali sa-tahun dengan sebab² tanah yang sangat dalam dan sa-tengah² tempat tidak ada ayer langsong. Jadi bagi memenohi atau pun menambahkan pendapatan padi sa-tahun sa-kali itu, maka petani² telah menggunakan tanaman sayoran², di-ganti dengan sayoran², dan di-kawasan saya terutama sa-kali ada dua sayoran² yang mendapat sambutan yang baik ia-itu tanaman kundor dan tanaman lobak hijau. Kedua² tanaman ini kalau di-pukul rata mendapat sambutan yang baik, tetapi satu perkara yang di-susah-kan ia-lah berkenaan dengan pasaran. Kalau di-bandingkan dengan jualan di-pasar² harga kundor ini sangat-lah tinggi harga-nya, tetapi kalau di-bandingkan dengan harga² kundor dan lobak hijau ini di-beli di-bendang atau di-sawah², maka harga-nya sangat-lah kurang. Jadi saya rasa oleh sebab Kementerian ini ada mempunyaï Pegawai² Pemasaran, maka molek-lah pada pendapat saya dapat di-siasat hal ini moga² kedudokan harga kundor dan kedudokan lobak hijau ini dapat di-tinggikan harga-nya dan dengan demikian, maka perusahaan kundor, menanam kundor dan perusahaan menanam lobak hijau ini tidak terhenti dan tidak lemah.

Kepala 135 berkenaan dengan Parit dan Taliayer. Saya telah dengar dalam uchapan Yang Berhormat Menteri waktu mengemukakan usul ini ia-lah ada berchakap ada satu ranchangan mengeringkan satu kawasan tanah di-Trong yang tujuan-nya hendak menanam padi. Di-kawasan saya juga ada sa-buah kawasan di-tepi laut yang mempunyaï lebeh kurang di-antara 1,800 dengan 2,000 ekar tanah yang telah pun di-siasat semenjak tahun 1961 dan di-dapati bahawa kawasan itu memang elok dan memang molek untok di-jadikan kawasan sawah. Di-dalam penyiasatan itu juga di-dapati sa-kira-nya kawasan itu dapat di-perbaiki dengan membuat bund atau pun di-buat satu batas bagi menyekat ayer masin atau ayer laut masok ka-kawasan² itu maka sangat-lah memberi faedah yang baik. Ranchangan ini telah pun mendapat sokongan daripada seluroh ra'ayat dan juga di-dalam suatu meshuarat Jawatan-kuasa Pembangunan Daerah Pulau Pinang telah pun mempersetujuï supaya kawasan itu di-jadikan kawasan sawah. Dan mengikut taksiran perbelanjaan untok mengadakan bund itu lebeh kurang di-taksirkan dalam $100,000 dan panjang-nya lebeh kurang 4½ batu yang saya katakan tadi di-dalam kawasan lebeh kurang 1,800 atau 2,000 ekar tanah.

Sa-kira-nya kawasan ini dapat di-selenggarakan dapat di-jadikan satu kawasan sawah ini berma'ana-lah lebeh kurang di-antara 500 famili atau keluarga boleh menjalankan perusahaan sawah ini dan dengan yang demikian tentu-lah kedudokan penganggoran dalam kawasan itu dapat di-hindarkan. Saya ada-lah berharap benar² pada Kementerian ini dapat memberi perhatian yang berat oleh sebab ranchangan ini telah lama terbengkalai, moga² dengan ada perhatian yang di-beri oleh Kementerian ini nanti dan jadikan-lah satu daripada ranchangan untok membolehkan kawasan ini di-jadikan kawasan sawah sa-bagai satu perkara yang utama. Oleh sebab memandang kapada kedudokan padi mengikut apa yang di-katakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi hanya hasil yang kita dapat hanya 2/3 sahaja daripada beras² di-dapati dalam negeri ini, maka dengan ada-nya bendang baharu itu atau sawah baharu yang meliputi 1,800 atau 2,000 ekar ini boleh menambahkan lagi pendapatan padi di-dalam negara kita ini. Jadi ini-lah permintaan saya ini bagi pehak pendudok dalam kawasan itu supaya Menteri atau Kementerian ini boleh memikir memasokkan satu daripada perkara² di-dalam Pembangunan ini berkenaan dengan kawasan sawah padi di-dalam kawasan Barat Pulau Pinang. Sekian.

**Wan Hassan bin Wan Daud (Tumpat):** Tuan Pengerusi, dengan izin saya ingin mengambil bahagian sadikit

di-dalam membahathkan peruntokan pada Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama ini ia-itu Kepala 133, Pechahan-kepala 3—Menchegah Musoh dan Penyakit Pokok.

Tuan Pengerusi, di-antara penyakit2 pokok, atau musoh pokok yang paling utama, terutama sa-kali pada padi ia-lah tikus dan kesing. Pada tahun yang lepas lebeh kurang 30% daripada hasil padi di-negeri Kelantan telah rosak di-sebabkan oleh serangan binatang kesing dan tikus ini dan pehak Kementerian ini pada tahun yang lepas boleh di-katakan telah menjalankan ikhtiar ber-sunggoh2 hinggakan satu kenyataan daripada Kementerian ini, baharu2 ini mengatakan yang Kementerian sanggup menggunakan kapal terbang untok me-nyembor ubat2 bagi membunoh kesing2 ini, tetapi ranchangan ini tidak dapat di-laksanakan bagaimana kenyataan dari Kementerian ini kerana rachun2 kesing ini akan membahayakan kapada manusia dan binatang2 ternakan sama. Jadi saya menchadangkan kapada Ke-menterian ini oleh sebab hendak di-gunakan kapal terbang bagi menyembor rachun2 kesing ini takut mudharat kapada manusia dan binatang atau pun ternakan lain patut-lah Kementerian ini menambah peruntokan, umpama-nya peruntokan yang di-untokan bagi belanja kapal terbang itu di-berikan berapa banyak lagi alat2 penyembor yang boleh di-gunakan oleh petani2 dan juga rachun2 kesing ini supaya petani2 itu boleh-lah mereka bergotong royong membunoh binatang2 kesing ini bagai-mana yang di-lakukan pada tahun yang lepas.

Pada tahun yang lepas, Tuan Penge-rusi, sa-telah Kerajaan tidak berupaya hendak menentang kesing ini akhir-nya menasihatkan kapada petani2 supaya menggunakan ubat2 yang sa-tengah2-nya di-beri oleh Kerajaan dan sa-tengah-nya terpaksa di-beli oleh petani2 itu sendiri dari kedai. Jadi, saya rasa patut-lah pehak Kementerian ini memberi ban-tuan yang sa-chukup-nya supaya jangan lagi petani2 itu terpaksa membeli sendiri ubat2 ini dari kedai, kerana di-musim hendak menuaï itu ya'ani musim merebak-nya penyakit kesing ini, masa itu boleh-lah katakan petani2 amat-lah miskin. Jadi, mereka tidak berupaya lagi hendak membeli rachun2 ini dan juga alat2 penyembor itu yang mahal juga harga-nya kalau-lah Kementerian ini boleh memberi bantuan amat-lah bagus-nya.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, ia-itu masaalah musoh tanaman itu ia-lah tikus. Walau pun pehak Jabatan Per-tanian, tiap2 tahun membahagi2kan rachun2 tikus ini kapada petani2 untok membunoh tikus2 itu, tetapi satu per-kara yang menjadi kelohan oleh petani2 sekarang ini boleh jadi tikus2 ini sudah cherdek, Tuan Pengerusi, tahun2 yang akhir ini mereka tidak mahu makan lagi rachun2 yang di-gaul bersama dengan padi itu mereka tidak makan lagi menyebabkan boleh di-katakan tikus itu bertambah merebak. Musoh2 tikus ini boleh di-katakan dalam sa-tahun ka-satahun bertambah merebak kerana mereka tidak mahu makan rachun2 yang di-buboh dalam padi2 itu. Jadi, mereka itu bersembunyi atau pun beranak dengan biak-nya di-dalam kawasan2 semak terutama sa-kali dalam kawasan2 tanah yang bersagu dan di-dalam kumpulan keladi2 bonchis. Pada tahun2 yang lalu 3 atau 4 tahun dahulu, Tuan Pengerusi, pehak Jabatan Per-tanian di-Kelantan kursus-nya menga-dakan satu peruntokan khas untok membunoh keladi2 bonchis ya'ani sarang tikus ini. Tetapi pada tahun yang lepas boleh di-katakan dua tahun yang lepas ini peruntokan ini sudah tidak ada. Jadi, menyebabkan keladi bonchis itu telah pun biak terutama sa-kali dalam kawasan2 Kuala Kelantan yang menyebabkan di-dalam kawasan keladi ini-lah tikus2 ini beranak dengan biak-nya yang boleh di-katakan padi2 di-dalam kawasan ini beribu2 ekar tanah padi dalam kawasan ini rosak pada tiap2 tahun kerana di-serang oleh tikus2 ini.

Tuan Pengerusi, saya beraleh pula kapada Kepala 133, Pechahan-kepala 12—Baja Padi. Pada tiap2 tahun Kera-jaan telah memberi bantuan baja padi yang mana baja yang di-beri itu ada-lah dua jenis, satu-nya baja kapor dan satu-nya baja biasa. Dan baja kapor ini di-untokkan bagi tanah yang masam kelat ia-itu selalu-nya tanah ini di-dapati di-Kelantan dan di-Trengganu ia-itu tanah kawasan berhampiran

dengan pantai. Tuan Pengerusi, baja kapor ini sa-telah di-chuba pada tanah masam kelat ini amat-lah baik kalau di-bandingkan dengan baja biasa ini dan bantuan yang Kerajaan beri untok baja kapor ini memang banyak, tetapi satu hal ia-itu kurang-nya sambutan daripada petani[2]. Petani[2] tidak tahu kegunaan baja kapor ini sebab itu-lah mereka tidak mengambil kesempatan yang besar dalam menggunakan baja[2] kapor ini. Jadi, terpaksa-lah mereka menggunakan juga baja biasa ini untok tanah yang masam kelat ini. Ini ada-lah akibah daripada kurang-nya penerangan daripada Jabatan Pertanian. Jadi, saya berharap kapada Kementerian ini supaya mengarah Jabatan[2] Pertanian Negeri supaya memberi penerangan yang sa-chukup-nya kapada petani[2] tentang chara[2] menggunakan baja kapor kapada tanah yang bermasam kelat ini.

Tuan Pengerusi, saya beraleh pula kapada Kepala 135, Pechahan-kepala 6 ia-itu Ranchangan Taliayer Sungai Lemal, Kelantan. Ranchangan ini telah di-jalankan semenjak beberapa tahun dahulu dan sekarang ini boleh di-katakan ranchangan ini telah hampir siap. Chuma satu perkara yang saya hendak sampaikan kapada Kementerian yang berkenaan ia-itu masaalah pembayaran harga tanah bagi tanah[2] yang di-ambil untok di-jadikan ranchangan ini. Satengah[2]-nya tanah itu di-ambil dalam masa dua tiga tahun yang lepas dan sekarang ini pembayaran itu maseh belum di-buat. Petani[2] terpaksa berulang alek ka-Pejabat[2] Tanah dan Pejabat Taliayer pergi ka-Pejabat Tanah, pejabat Tanah kata perkara ini telah di-hantar kapada Pejabat Taliayer, pergi ka-Pejabat Taliayer, Pejabat Taliayer kata telah di-hantar ka-Pejabat Tanah, menyebabkan perkara itu berlarutan[2] sa-hingga sekarang maseh banyak lagi wang bayaran ganti rugi ini yang maseh belum di-jelaskan.

Tuan Pengerusi, saya beraleh pula kapada Kepala 136—Perikanan, Pechahan-kepala 2 (iv)—Lampu isharat, Pelampong[2] dan Alat[2] Membantu Pelayaran. Tuan Pengerusi, di-Kuala Tumpat dahulu-nya ada dua lampu isharat bagi pelayaran nelayan[2] ia-itu di-Kuala Tumpat itu betul, dan satu lagi di-tempat kapal tenggelam di-tengah Kuala Tumpat itu. Dengan banjir baharu[2] ini—banjir tahun lepas, ia-itu hampir satu sa-tengah tahun dari sekarang ini, kedua[2] lampu itu telah rosak dan di-hanyutkan oleh ayer dan hingga sekarang ini lampu[2] ini maseh belum berganti. Berapa kali saya sendiri bawa perkara ini di-dalam Meshuarat Jajahan dan pehak Pegawai Jajahan telah mendesak Pejabat Perikanan tetapi manakala di-tanya Pegawai Perikanan kata-nya tugas ini terletak kapada Pegawai Marine, manakala di-tanya Pegawai Marine, Marine kata ini bukan tanggong-jawab dia, ini masaalah Pegawai Perikanan. Jadi, tinggal-lah perkara itu sa-hingga sekarang maseh belum ada lampu isharat dan di-dalam tahun ini sahaja kalau tidak silap saya telah 10 atau pun 15 buah motor[2] bot yang telah melanggar daratan kerana tidak ada lampu[2] isharat ini. Jadi, saya harap-lah supaya Menteri yang berkenaan mengarahkan pegawai[2]-nya supaya mengadakan lampu[2] isharat[2] yang telah terbengkalai hampir dua tahun itu dengan sa-berapa segera.

Satu lagi yang akhir sa-kali, Tuan Pengerusi, ada-lah dalam Kepala 137, Pechahan-kepala 5 ia-itu Ranchangan Menternak Ayam. Ranchangan ini ada-lah memang bagus sa-kali dan dengan ada-nya bantuan Kerajaan peruntokan[2] dalam permohonan bagi tahun ini sa-banyak $200,000 maka di-harap akan bertambah lagi penternak[2] ayam mengambil bahagian dalam ranchangan ini. Tuan Pengerusi, satu perkara yang saya rasa mendukachitakan kapada penternak[2] ayam-itek dalam negeri kita ini ia-lah masaalah kemasokan telor daripada Siam dengan banyak-nya. Telor[2] ini di-bawa daripada Selatan Siam masok ka-Kelantan, Trengganu dan terus di-bawa dengan lori ka-Kuala Lumpur. Ini saya rasa tentu-lah menyebabkan murah-nya harga telor dan mengelisahkan penternak[2] ayam di-negeri ini.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, nampak-nya dalam menternak ini, pehak Jabatan Haiwan Negeri hanya-lah mengutamakan menternak ayam sahaja. Sebab itu-lah kita lihat kekurangan telor itek dalam negara kita ini. Saya baharu[2] ini telah menghubongi pehak

Jabatan Haiwan di-Kelantan ia-itu-lah meminta nasihat berhubong dengan masaalah menternak itek. Sebab dalam kawasan² di-Kuala Kelantan banyak kawasan² berpaya, kawasan² berayer, yang sesuai dengan menternak itek. Tetapi jawapan yang telah di-beri oleh pehak Jabatan Haiwan tidak menyediakan kemudahan² untok menternak itek hanya di-sediakan kemudahan² untok menternak ayam sahaja.

Jadi, saya harap-lah pehak Kementerian ini kalau-lah dapat di-berikan perhatian yang berat dalam masaalah menternak itek ini kerana boleh di-katakan sa-bahagian besar daripada telor² yang di-bawa masok dari Selatan Siam ia-lah telor itek yang mana negeri kita ini barangkali terlampau amat kurang dengan telor itek ini.

Itu-lah sahaja, Tuan Pengerusi, terima kaseh.

**Dato' Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar (Sabak Bernam):** Tuan Pengerusi, saya bersama² menyokong anggaran Kementerian ini di-dalam ranchangan pembangunan-nya dan saya suka menyentoh di-atas kepala 133 ia-itu Pechahan-kepala 16—Penanaman Pemulehan Sa-mula Kelapa. Saya berasa sangat² tertarek hati di-atas ranchangan Kementerian ini yang telah dapat menjalankan ranchangan ini kapada pekebun² kelapa tetapi saya merasa agak iri hati oleh kerana kelapa² di-kawasan saya ia-itu Sabak Bernam atau pun kawasan yang berhampiran dengan saya di-Kuala Selangor. Sudah-lah sampai masa-nya patut-lah mendapat bantuan bagi penanaman sa-mula kelapa ini, tetapi hingga-lah masa ini belum lagi dapat perhatian daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Jadi, di-dalam perkara ini suka-lah saya mendapat tahu daripada Yang Berhormat Menteri Pertanian, ada-kah umor² kelapa yang di-tentukan berapa puloh tahun baharu boleh di-tanam sa-mula atau pun berapa luas kawasan yang di-kehendaki baharu boleh mendapat peruntokan menanam kelapa ini.

Dan yang kedua-nya, Tuan Pengerusi, saya bawa kapada Pechahan-kepala 17 ia-itu Penggunaan Jentera bagi Pekebun² Kechil. Di-sini ada mendapat peruntokan sa-banyak $528,000 ini rasa saya ranchangan ini sangat baik juga kerana Yang Berhormat Menteri Pertanian ini selalu memberi uchapan ingin hendak menjadikan, melancharkan tanaman² aneka jenis tanaman di-dalam kebun² kechil di-seluroh negara kita. Tetapi, saya tidak tahu ada-kah tujuan peruntokan ini di-tentukan kapada kebun² kelapa yang di-tanam sa-mula sahaja atau pun kapada semua pekebun² kechil. Jadi, kalau sa-kira-nya hanya di-untokkan kapada penanam sa-mula, kebun² yang mendapat peruntokan penanaman sa-mula kelapa sahaja, saya rasa kurang-lah memberi kebajikan, tetapi kalau dapat kita luaskan kapada pekebun² kechil yang lain² juga supaya pekebun² kechil ini dapat menggunakan jentera untok menambah tanaman² di-samping tanaman² yang tertentu di-dalam kebun itu. Jadi, saya harap mendapat penerangan daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan bantuan penggunaan jentera ini, di-mana-kah telah di-jalankan dan di-dalam kawasan mana yang telah dapat di-laksanakan, kerana kawasan saya juga belum pernah mendengar dan belum pernah lagi mengetahuï ada-nya bantuan² yang sangat baik ini.

Yang ketiga-nya, Tuan Pengerusi, Pechahan-kepala 19 ia-itu berkenaan dengan chengkeh dan buah pala sa-bagaimana di-sebutkan oleh rakan saya daripada Pulau Pinang tadi bahawa chengkeh ini ada-lah satu tanaman yang sangat² memberi faedah yang besar kapada pekebun² kechil ter-utama-nya pekebun kelapa sangat sesuai boleh di-tanam bukan sahaja di-dalam kebun kelapa, tetapi di-keliling rumah juga sangat baik, kerana pokok-nya pun sangat indah; kalau pokok ini subor dan baik, boleh menjadi satu hiasan kapada rumah dan saya rasa ini ada-lah satu perkara yang sangat bijak yang di-buat oleh Kementerian ini, tetapi perlaksanaan-nya agak saya belum lagi bagitu meluas dalam negeri kita ini.

Tuan Pengerusi, Pechahan-kepala 28 ia-itu Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan. Jadi Lembaga ini

ada-lah satu Badan yang sangat² mustahak kapada petani², sama ada kapada nelayan² dan kapada petani² yang mengeluarkan hasil pertanian di-dalam negara kita. Pada masa ini Lembaga tersebut hanya dapat menjalankan ranchangan-nya ia-itu di-dalam kawasan padi Tanjong Karang dan Sabak Bernam sahaja, sedangkan di-dalam kawasan² lain di-negeri Perak, Kedah, Perlis, Kelantan dan Melaka semua belum lagi dapat di-jalankan ranchangan FAMA ini untok menjalankan ranchangan-nya. Saya rasa boleh jadi kerana di-sebabkan tidak ada chukup kewangan, atau pun tidak chukup kaki-tangan, tetapi dengan ada-nya chuma satu bahagian sahaja ya'ani di-Tanjong Karang dan Sabak Bernam sahaja FAMA ini berjalan, sedangkan di-tempat² lain tidak dapat di-jalankan, maka orang² tengah yang suka menjadi anasir untok melumpohkan FAMA atau pun merosakkan nama baik FAMA ini telah mengambil kesempatan dengan sa-penoh²-nya. Dan ini-lah yang menyebabkan FAMA ini tidak boleh dapat berjalan dengan sa-lanchar²-nya ia-lah di-sebabkan ada-nya orang² tengah yang di-mana kawasan² itu FAMA tidak ada mengawal dan tidak mengambil bahagian untok mengembangkan ranchangan-nya di-negeri² yang lain itu. Jadi ini-lah saya harap kapada Yang Berhormat Menteri akan mengambil perhatian kalau boleh supaya FAMA ini dapat meluaskan ranchangan-nya ka-beberapa buah Negeri yang lain yang sangat² mustahak yang berkehendakkan ranchangan daripada FAMA ini.

Tuan Pengerusi, Kepala 135, Pechahan-kepala 17 (xi)—Semenanjong Bernam, Peringkat Kedua. Ini ada-lah satu ranchangan yang telah di-jalankan di-dalam kawasan saya. Saya suka-lah mengambil kesempatan kapada Yang Berhormat Menteri memberikan sa-tinggi pujian di-atas ranchangan ini, kerana dengan ada-nya ranchangan ini maka lebeh daripada 3,000 ekar tanah yang pada mula-nya tidak ada faedah apa², tetapi pada masa ini telah dapat mengeluarkan kapada ra'ayat di-dalam kawasan saya dan ranchangan ini sedang berjalan lagi hingga masa ini dan akan berjalan terus bagi menyiapkan ranchangan² ini. Apa yang saya harap akan dapat perhatian daripada Yang Berhormat Menteri ia-lah berhubong dengan ada-nya ranchangan ini telah melibatkan 3 buah Bagan, ia-itu Bagan yang di-alami oleh orang² China yang menjadi nelayan, Bagan Sungai Burong, Bagan Sungai Pulai dan Bagan Telok Ru. Bagan² ini pada masa sa-belum lagi ranchangan ini berjalan, mempunyaï sungai yang kechil yang boleh mengalirkan ayer daripada darat pergi ka-laut dan keadaan sungai ini boleh di-laluï sampan dan motor² bot yang berulang alek daripada laut pergi ka-Bagan itu, tetapi dengan ada-nya benting ini, ada-nya benting yang di-buat ini maka sungai² yang mengalirkan ayer daripada darat itu telah di-bentengkan, dan tidak ada lagi ayer yang dapat menyorong segala selot² yang naik daripada laut dan menyebabkan sungai² ini pada masa ini menjadi sebu dan pendudok² Bagan ini tidak dapat lagi hendak keluar berulang-alek menggunakan perahu atau pun motor bot untok menchari makan ka-laut dan perkara ini pun telah di-beri tahu beberapa kali kapada pehak Jabatan Parit dan Taliayer dan pehak Jabatan Parit dan Taliayer telah pun pergi menyiasat sungai² ini untok di-dalamkan, tetapi hingga pada hari ini belum lagi dapat di-laksanakan kerja² itu. Dan satu perkara lagi untok memelihara supaya sungai² ini boleh terus-menerus di-gunakan, pendudok² Bagan ini berkehendakkan pintu ayer untok mengalirkan ayer dari pada darat, tetapi malang-nya pemintaan² ini juga belum dapat di-laksanakan oleh Jabatan Parit dan Taliayer.

Jadi, ini saya sangat² berharap-lah kapada Yang Berhormat Menteri supaya dapat memberi jasa baik di-samping memberi faedah kapada sa-bahagian besar pendudok² yang tidak mempunyaï tanah, juga dapat memelihara sa-bahagian kechil daripada nelayan², dari pada bangsa China yang menjadi orang² Bagan, ia-itu nelayyan bangsa China juga supaya penghidupan mereka dapat terpelihara.

Itu-lah sahaja, Tuan Pengerusi, Terima kaseh.

**Tuan Haji Ahmad bin Saaid (Sebe-rang Utara):** Tuan Pengerusi, saya bangun untok menyokong dengan sa-penoh-nya peruntokan bagi Kementerian ini dan yang pertama sa-kali saya ingin-lah mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri sebab saya telah semak dalam per-untokan ini dan saya tidak nampak ada apa² peruntokan ia-itu mengenaï Ranchangan Penyatuan dan Pemule-han Tanah yang mana Rang Undang² itu sudah pun kita luluskan pada tahun 1967, tetapi tidak ada termasok dalam ini dan di-harap Yang Berhor-mat Menteri memberi penjelasan bila-kah agak-nya hendak laksanakan Ranchangan Penyatuan Pemulehan Tanah ini dan jika hendak di-adakan apa-kah chara²-nya supaya dengan terlaksana-nya Rang Undang² Penya-tuan dan Pemulehan Tanah ini, maka akan memberi lebeh lagi faedah kapada petani² kita yang mempunyaï tanah² yang kechil, mempunyaï tanah² yang terbiar yang tanaman² mereka itu tidak economic. Jadi saya berharap-lah Yang Berhomat Menteri tolong-lah beri penjelasan sadikit.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya ingin berchakap pada Kepala 133, Pechahan-kepala 12—Baja Padi. Di-sini ada peruntokan $2 juta. Saya bagi pehak peladang² khas-nya kawasan saya dalam seluroh negeri di-Pulau Pinang mengambil peluang menguchap-kan sa-tinggi² terima kaseh kapada Kerajaan dan juga kapada Yang Ber-hormat Menteri yang telah pun meng-adakan peruntokan ini bagi menolong petani² kita membeli baja dengan kurang-nya sa-banyak 30 peratus dari-pada harga baja yang di-terima daripada Sharikat Penjual Baja. Ini ada-lah satu faedah yang besar yang mana petani² sangat-lah berterima kaseh kapada Yang Berhormat Menteri dan saya nampak peruntokan sa-banyak $2 juta ini tidak akan menchukopi bagi negeri Pulau Pinang pada tahun yang lalu dapat peruntokan sa-banyak $240,000 tetapi kawasan sawah yang terbesar sa-kali saya ingat dalam Malaysia pada masa sa-karang ini menanam padi dua kali sa-tahun. Sawah padi yang ada sekarang 40,000 ekar, tetapi yang boleh di-tanam dua kali sa-tahun ia-lah sa-banyak 36,000 ekar lebeh.

Jadi peruntokan sa-banyak $240,000 itu tidak akan menchukupi. Oleh yang demikian saya bagi pehak petani² negeri Pulau Pinang merayu kapada Yang Berhomat Menteri supaya sa-boleh²-nya menambahkan peruntokan sa-hingga $360,000 untok tahun ini oleh kerana petani² sekarang sedang berusaha hendak memulakan tanaman pada musim ini.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, ia-lah Pechahan-kepala 29—Sekolah² Per-tanian. Saya berharap Yang Ber-hormat Menteri sunggoh pun ada ranchangan hendak mengadakan bebe-rapa banyak lagi sekolah, patut-lah di-segerakan mendirikan Sekolah² Per-tanian di-seluroh negara kita ini, sa-kira boleh di-tiap² negeri patut di-ada-kan kerana dengan chara ini dapat memudahkan peladang² muda kita untok mendapat latehan atau mendapat kursus² daripada sekolah² itu di-samping itu dapat kita latehkan Pegawai² Pertanian Muda dan dapat-lah mereka ini berkhidmat di-luar bandar untok memajukan ranchangan pertanian kita yang sangat² penting dalam negara kita ini.

Muka 62, Tuan Pengerusi, Kepala 136, Perikanan, Pechahan-kepala 3 (ii)—Persatuan² Nelayan peruntokan sa-banyak $220,000. Saya sudah pun mengemukakan pandangan saya dalam uchapan dasar dan dengan ada-nya peruntokan $220,000 ini saya berharap-lah supaya Kementerian ini akan melancharkan penubohan Persatuan² Nelayan. Saya sendiri sa-bagai pelupor dengan beberapa orang ahli Jawatan-kuasa yang telah pun berusaha dan berikhtiar untok hendak menubohkan Persatuan Nelayan bagi Pantai Barat, tetapi hingga hari ini belum lagi dapat di-daftarkan dan Insha' Allah saya perchaya tidak lama lagi akan dapat di-daftarkan. Dengan ada-nya Per-satuan Nelayan yang saya berharapkan bukan Persatuan² Nelayan yang berbagai chorak dan berbagai rupa, yang saya shorkan patut di-adakan Persatuan Nelayan Kebangsaan. Chuma satu sahaja dengan chara yang macham ini mudah kita kawal,

mudah-lah kita berikan latehan dan tunjok ajar dan pimpinan kalau kita ada banyak sangat Persatuan² Nelayan maka sangat-lah susah hendak di-kawal dan hendak di-beri apa² pelajaran dan pengetahuan kapada mereka itu.

Saya berharap kalau boleh ikut-lah sa-bagaimana Rang Undang² Persatuan Peladang yang baharu, dia ada perengkat² daripada kawasan kapada Negeri dan terus kapada perengkat Pusat dan wang ini saya fikir boleh di-beri tahun ini untok melaksanakan Persatuan ini yang sangat² mustahak di-adakan untok memperbaiki kedudokan nelayan² kita yang jauh tinggal ka-belakang pada masa ini.

Dan lagi satu perkara, Tuan Pengerusi, ia-lah mengenai Pechahan-kepala 5—Maktab Perikanan Pulau Pinang. Kita baharu sahaja ada sa-buah Maktab Perikanan, tetapi saya sendiri tidak tahu sa-takat mana-kah Maktab ini telah berjaya menjalankan tugas untok memberi latehan kapada anak² nelayan kita yang ingin hendak dapat pelajaran atau mendapat latehan daripada Maktab ini. Yang saya berharap dengan ada-nya Maktab Perikanan ini akan kita adakan pula Sekolah Perikanan bagi tiap² negeri mengikut sa-bagaimana dasar Maktab Pertanian, kita adakan Sekolah Pertanian. Dan sa-chara yang macham ini kita akan dapat tempatkan Sekolah Perikanan di-Pusat² yang maju sa-kali. Dalam perkara perikanan dengan chara yang macham ini dapat kita beri latehan kapada anak² nelayan kita yang sekarang ini, bukan-lah yang lama itu, orang yang lama itu payah sadikit kita hendak mengubahkan fikiran mereka itu. Oleh itu chuba-lah adakan beberapa pusat, sa-belum ada sekolah kita adakan beberapa pusat latehan bagi pemuda² kita yang ingin mengambil bahagian dalam perikanan. Mudah²an dapat kita majukan lagi.

Akhir-nya, Tuan Pengerusi, saya merayu-lah kapada Yang Berhormat Menteri mengenaï Ranchangan Pukat Tunda, yang mana Sharikat Nelayan bekerja sama² di-Kuala Muda telah membuat permohonan untok mendapat beberapa lesen kerana sudah mengambil masa chukup lama untok hendak merayu, hendak memujok orang yang dahulu-nya yang menentang kuat dalam perkara Pukat Tunda ini. Alham dulillah, pada masa sekarang ini mereka telah pun mengubah fikiran. Jadi saya harap jangan Menteri kita lewat² lagi, tolong-lah dengan sa-berapa segera memberikan beberapa kemudahan kapada orang ini mudah²an dapat-lah mereka ini hidup dengan bahagia dengan chara menjalankan Ranchangan Pukat Tunda yang sedang maju sekarang ini sunggoh pun maju pada keselurohan-nya, tetapi kalau kita siasat dan halusi modal daripada nelayan² itu tidak menchukopi. Sa-tengah²-nya yang terpaksa mengambil modal daripada ahli² pemodal. Dengan ada-nya Persatuan Nelayan ini maka dapat-lah mereka ini memberi nasihat dan biar-lah modal itu sa-benar-nya datang daripada orang² nelayan sendiri, bukan-lah sa-chara yang di-jalankan di-beberapa tempat yang saya dapat tahu modal itu datang daripada capitalis.

Jadi kalau dengan chara kita dapat modal daripada nelayan sendiri, maka dapat-lah faedah² itu sa-benar-nya di-beri kapada nelayan².

Sa-kian-lah sahaja, Tuan Pengerusi. Terima kaseh.

**Tuan Pengerusi:** Kapada Ahli² yang ada lagi apa² perkara saya harapkan boleh berhubong-lah dengan Menteri di-belakang hari dan apa² boleh di-timbangkan-lah.

**Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:** Tuan Pengerusi, saya menguchapkan berbanyak terima kaseh kapada Ahli² Yang Berhormat yang telah berchakap dan juga menguchapkan terima kaseh kapada Ahli² Yang Berhormat yang chuba hendak berchakap tetapi tidak dapat. Di-atasi keinginan mereka atas titik berat mereka kapada Kementerian ini, saya berharap kapada mereka dapat berhubong dengan saya dan apa² masaalah Insha' Allah dapat kita uruskan.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara telah pun berchakap panjang lebar berkenaan dengan masaalah berkenaan Sharikat Kerjasama

di-Pantai Timor dan beliau juga telah menudohkan yang Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama kurang meng-adakan lawatan kapada sharikat di-sana. Sa-benar-nya Sharikat Kerjasama di-Pantai Timor telah pun di-beri pin-jaman yang agak besar pada 9 tahun yang sudah, tetapi dukachita di-nyata-kan di-sini ia-itu pinjaman yang di-beri itu tidak pun di-selesaikan oleh Shari-kat Kerjasama itu sa-hingga hari ini lagi, maseh ada lagi terhutang kapada Kerajaan lebeh kurang satu juta ringgit dan sa-patut-nya di-bayar dalam tahun 1963.

Tetapi dengan sebab pehak Kemen-terian ini memikirkan kesusahan yang tertimpa atau pun yang ada pada nelayan² di-sana, pehak Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama telah pun berhubong dengan Kementerian Kewangan untok menempohkan pem-bayaran kembali itu dan ini juga telah di-persetujuï oleh pehak Kementerian Kewangan dan di-sini menunjokkan yang pehak Kementerian ini tidak-lah lupa atau mengabaikan nasib nelayan² yang ada di-Pantai Timor itu.

Sa-lain daripada itu pehak Kemen-terian ini juga telah pun memberi satu pinjaman kapada Sharikat Kerjasama Nelayan² Pantai Timor sa-banyak $120,000 lagi, sunggoh pun hutang lama tidak di-bayar dalam tahun 1963 untok membena kilang ayer batu di-Kuala Trengganu. Dan dengan ada-nya Kilang Ayer Batu di-Kuala Trengganu itu, maka dapat-lah nelayan² di-Kuala Trengganu membeli ayer batu daripada kilang mereka sendiri.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah pun menegor berkenaan dengan Ran-changan Perintis Pukat Tunda yang di-jalankan di-Pantai Timor. Sa-benar-nya ranchangan itu di-jalankan bukan-lah sa-mata² untok memberi pekerjaan kapada nelayan² yang di-Pantai Timor, tetapi tujuan-nya sa-bagaimana yang saya telah sebutkan beberapa kali, ia-itu tujuan-nya ada-lah banyak. Yang per-tama sa-kali kita ingin memberi latehan kapada nelayan² di-Pantai Timor ber-kenaan dengan Perusahaan Pukat Tunda dan chara mana menggunakan Pukat Tunda.

Yang kedua, menchari tempat² di-mana ada-nya ikan² dan juga jenis² ikan di-Pantai Timor itu. Yang ketiga kita menchuba menggunakan motobot yang besar lebeh kurang 50 tan di-musim tengkujoh atau pun musim monsoon. Yang keempat sa-lain daripada kajian teknikal kita juga mengkaji masaalah² berkenaan dengan perkakas dan lain² lagi. Pada keselurohan-nya kita telah mendapat beberapa ma'alumat dan pengetahuan berkenaan dengan Perusa-haan Pukat Tunda yang di-jalankan di-Pantai Timor itu dan boleh di-katakan tujuan kita mengadakan ran-changan itu ada-lah di-dapati dan tidak-lah chuma membadzir. Di-sini saya suka-lah menegaskan, ia-itu lebeh kurang 240 orang nelayan² yang ada di-Pantai Timor telah pun dapat di-beri latehan berkenaan dengan Per-usahaan Pukat Tunda dalam masa enam bulan di-jalankan perusahaan itu kelak.

Sa-lain daripada itu Ahli Yang Ber-hormat itu telah pun bertanya berke-naan dengan hal Persatuan Nelayan dan beliau berharap yang Persatuan Nelayan ini akan dapat di-jalankan di-dalam tahun ini juga. Perkara itu ada-lah sedang di-dalam perhatian berat oleh Kementerian ini dan saya suka-lah menyatakan di-sini, salah satu daripada langkah yang di-jalankan oleh Kementerian saya menerusi Jabatan Perikanan dan Jabatan Sharikat Kerja-sama, ia-itu menyatakan nelayan² yang ada di-Pantai Negeri Kedah. Kita telah dapat menyatukan semua nelayan² yang ada di-Pantai Negeri Kedah sama ada nelayan menggunakan bot pukat tunda mahu pun yang menggunakan pukat lain daripada Pukat Tunda. Mereka ini telah di-satukan di-dalam sa-buah Persatuan Nelayan² Pantai Kedah dan mereka telah pun bersetuju Perusahaan Pukat Tunda di-jalankan di-dalam negeri Kedah dan boleh di-katakan hari ini pantai negeri Kedah ada-lah terbuka kapada Perusahaan Pukat Tunda. Ini ada-lah kejayaan yang di-jalankan oleh Kementerian ini berke-naan dengan Persatuan Nelayan. Sung-goh pun persatuan itu belum kita daftarkan tetapi kita akan daftarkan di-bawah undang² Persatuan Peladang.

Kerana dalam undang² Persatuan Peladang itu membolehkan kita mengadakan Persatuan Nelayan².

Ahli Yang Berhormat daripada Sungai Petani telah meminta supaya di-beri asohan semangat, di-beri cheramah di-antara peladang² dan sabagai-nya menerusi Persatuan² Peladang. Jadi, di-sini saya suka-lah menyatakan ia-itu ada-lah menjadi tujuan Persatuan Peladang bagi masa yang akan datang ini menjalankan segala usaha² ini ia-itu mengasoh semangat dan berikhtiar supaya tanah² yang menjadi hak milek ahli² tidak tertinggal di-tumbohi oleh lalang dan sa-bagai-nya. Persatuan Peladang yang ada pada masa ini di-seluroh negeri, sa-bagaimana yang saya telah terangkan pada masa membawa undang² Persatuan Peladang itu ada-lah di-daftarkan di-bawah Undang² Persatuan atau Societies Ordinance, bukan di-bawah Undang² Persatuan Peladang.

Berkenaan dengan pertubohan² di-bawah Persatuan Peladang yang baharu ini, kita chuma telah mengadakan 11 buah Persatuan Perintis; ini telah pun mendapat kejayaan dan hari ini kita telah membesarkan lagi dan sa-bagaimana yang saya katakan matlamat kita dalam tahun ini ia-lah menubohkan sa-kurang²-nya satu Persatuan Peladang bagi tiap² satu jajahan atau satu daerah.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah meminta supaya pembahagian di-bawah Ranchangan Bantuan Pokok² Buah²an itu di-beri chara perkumpolan tidak sa-chara berasingan dengan chara itu dapat-lah kita menjaga atau mengawal tanaman pokok buah²an itu. Itu-lah yang sedang di-jalankan oleh Kementerian ini, ia-itu pokok buah²an yang di-beri oleh Kementerian ini ada-lah di-beri sa-tumpok atau pun sakumpolan tidak kapada satu di-sana dan satu di-sini. Kerana dengan chara yang demikian itu kita dapat mengawal dan menjaga usaha petani² dan peladang² itu.

Sa-perkara lagi yang di-minta oleh Ahli Yang Berhormat itu supaya Kementerian ini berikhtiar menanam padi tiga kali sa-tahun. Jadi, di-sini saya suka-lah menyatakan, ia-itu sahingga hari ini kita belum lagi berjaya hendak menanam pada tiga kali satahun dan pehak Kementerian ini atau pakar daripada Jabatan Pertanian memikirkan ada-lah tidak sesuai untok bertanam tiga kali sa-tahun. Tetapi yang sa-baik²-nya ia-lah menanami pokok atau tanaman berselang di-antara musim padi, kerana itu akan mendatangkan hasil yang baik lagi kapada tanaman² yang ada di-atas tanah itu. Untok pengetahuan Dewan, umor pada daripada mula di-tanam sa-hingga akhir ia-lah lebeh kurang 125 membawa 130 hari. Jadi, berma'ana-lah kita chuma dapat menanam padi dua kali dalam sa-tahun dan satu jenis tananam lain yang pendek sama ada jagong, tembikai, ubi atau sabagai-nya.

Ahli Yang Berhormat dari Pulau Pinang Selatan menyatakan substitute berkenaan dengan buah chengkeh dan buah pala tidak chukup dan meminta supaya di-lebehkan. Perkara ini Insha' Allah saya akan timbangkan. Ahli Yang Berhormat itu juga meminta supaya pehak FAMA mengadakan penyiasatan berkenaan pemasaran sayor²an sa-umpama buah kundor, lobak hijau dan sa-bagai-nya. Ini juga saya akan arahkan pegawai untok menjalankan penyiasatan.

Berkenaan dengan satu kawasan saluas 1,800 membawa 2,000 ekar ini saya minta-lah kapada Ahli Yang Berhormat itu menyatakan kapada saya di-mana tempat-nya supaya dapat saya mengarahkan pegawai saya menjalankan penyiasatan. Chuma menyatakan ada kawasan 2,000 ekar dengan tidak memberitahu di-mana tempat-nya barangkali susah-lah perkara itu hendak di-uruskan.

**Tuan Ismail bin Idris (Pulau Pinang Selatan):** Tuan Pengerusi, di-kawasan Balek Pulau di-barat daya Pulau Pinang.

**Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:** Tuan Pengerusi, tolong terangkan nama tempat dan nama kampong.

**Tuan Ismail bin Idris:** Kawasan-nya di-tepi laut antara kawasan Sungai Pinang terus kapada Pulau Betong.

**Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:** Ahli Yang Berhormat dari Tumpat telah berchakap berkenaan dengan musoh padi, ia-itu kesing dan tikus dan minta supaya banyakkan alat2 ubat2 di-beri kapada petani2. Dan beliau juga berchakap berkenaan dengan masaalah keladi bonchis yang membiakkan tikus dan minta supaya pehak Kementerian ini membasmikan. Saya suka menyatakan kapada Ahli Yang Berhormat itu tanggong-jawab berkenaan dengan membasmi musoh2 ada-lah tanggongan Kerajaan Negeri. Saya biasa juga menolong negeri Kelantan berkenaan dengan memusnahkan musoh2 ini kerana ini timbul masaalah *emergency* yang mana negeri Kelantan tidak dapat berikhtiar menghapuskan, jadi terpaksa-lah saya menolong daripada sini; tetapi pada kebiasaan-nya ini ada-lah urusan Kerajaan Negeri. Saya berharap Ahli Yang Berhormat berhubong dengan Kerajaan Negeri.

Berkenaan dengan harga tanah di-Sungai Lemal, ini juga ada-lah urusan Kerajaan Negeri dan pehak Pejabat Parit dan Taliayer sedia ada mempunyaï peruntokan bagi membayar-nya, chuma urusan ini ada-lah di-uruskan oleh Pejabat Tanah atau pun oleh Kerajaan Negeri.

Berkenaan dengan lampu isharat yang di-hanyutkan oleh ayer bah, ini saya akan siasat dan akan ambil tindakan.

Perkara yang satu lagi ia-lah berkenaan dengan kemasokan telor dari Thailand. Saya perchaya keadaan ini boleh di-hapuskan sa-kira-nya penduduk2 di-sana dapat memberi kerjasama, ia-itu tidak membawa masok telor2 ini. Jadi, sudah tentu-lah orang2 dari Siam atau Thailand tidak boleh membawa masok telor itu ka-sini bawa ka-Singapura, melainkan kerja ini dijalankan oleh pendudok2 dalam negeri Kelantan sendiri.

Mengikut angka yang ada pada Kementerian saya tidak ada permit atau pun kelulusan untok membawa telor masok daripada negeri Siam. Jadi, ini ada-lah satu perkara baharu, saya akan berhubong dengan pehak Kementerian Kewangan supaya dapat Pegawai2 Kastam dapat menjalankan penyiasatan berkenaan dengan ini.

Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam telah bertanya berkenaan dengan ranchangan kelapa. Saya faham Ahli Yang Berhormat itu berkehendakkan ranchangan ini di-sambongkan kakawasan-nya dan Insha' Allah saya akan timbangkan pada masa akan datang ini.

**Tuan Mohd. Tahir bin Abdul Majid:** Tuan Pengerusi, untok penjelasan. Berkenaan dengan tanaman sa-mula kelapa ini tadi, kawasan saya telah pun memulakan dan di-sini saya dapati beneh2 yang telah di-sampaikan kapada kawasan tersebut terlalu lambat puleh. Apa yang saya hendak ketahuï ada-kah chara bertanam kelapa ini berkaitan dengan penyelidekan berkenaan dengan tanah2—tanah gambut yang ada dalam kawasan tersebut atau pun ada-kah beneh2 yang di-pileh yang di-masokkan dalam kawasan tanam sa-mula ini memang-nya lambat puleh.

**Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:** Tuan Pengerusi tidak ada kaitan di-antara tanam sa-mula atau pemulehan kelapa ini dengan kajian tanah gambut. Masaalah berkenaan dengan lambat sampai beneh ini, saya perchaya Pegawai2 Pertanian yang menjalankan urusan itu ada mempunyaï jadual berkenaan dengan tanam samula itu. Boleh jadi pada fikiran Ahli Yang Berhormat terlewat, tetapi itu ada-lah mengikut jadual yang di-sediakan oleh Pejabat Tanam sa-mula Kelapa.

**Tuan Mohd. Tahir bin Abdul Majid:** Tuan Pengerusi, bukan sahaja pulehnya lewat, ada sa-paroh daripada saparoh-nya terus mati.

**Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:** Tuan Pengerusi, sa-kira-nya ada perkara yang mati itu yang tidak berpatutan atau melebehi daripada angka yang patut, minta-lah Ahli Yang

Berhormat itu berhubong supaya saya menjalankan siasatan di-atas kechuaian pegawai² itu; tetapi kalau sa-kira-nya mati satu dua pokok itu saya perchaya itu bukan-lah satu perkara kechuaian yang di-jalankan oleh pegawai² yang berkenaan.

Ahli Yang Berhormat, dari Sabak Bernam juga telah pun bertanya berkenaan dengan penggunaan jentera bagi pekebun² kechil sama ada itu dikhaskan untok kelapa sahaja atau lain². Di-sini saya suka menjelaskan ia-itu penggunaan jentera ini bukan sahaja untok kebun kelapa, tetapi untok semua jenis tanaman yang ada dalam negeri ini.

Ahli Yang Berhormat juga telah berchakap berkenaan dengan FAMA dan orang² tengah mengambil kesempatan dan sa-bagai-nya. Jadi, perkara ini ada-lah di-dalam kajian perbadanan ini dan saya perchaya Ahli Yang Berhormat itu sendiri salah sa-orang daripada ahli perbadanan ini dapat mengkaji masaalah itu dan dapat-lah pula memanjangkan apa juga shor² kapada saya untok di-ambil tindakan.

Berhubong dengan masaalah sungai di-daerah sempadan Sabak Bernam itu, saya akan menghantar Pegawai² Parit dan Taliayer untok menjalankan siasatan-nya.

Ahli Yang Berhormat dari Seberang Utara bertanya berkenaan dengan mengapa-kah peruntokan untok penyatuan dan pemulehan tanah tidak ada di-dalam estimates ini. Saya suka menyatakan di-sini, ini bukan-lah dibawah Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama, tetapi ada-lah dibawah Kementerian Hal Ehwal Tanah dan Galian.

Ahli itu juga telah menyatakan ia-itu peruntokan sa-banyak $2 juta bagi bantuan baja padi tidak menchukupi; ini akan di-kaji dari satu masa ka-satu masa dan sa-kira-nya wang itu tidak menchukupi, saya akan berikhtiar untok mendapatkan peruntokan yang lebeh.

Berkenaan dengan perkara pukat tunda dan beliau meminta supaya disegerakan lesen, di-sini saya telah menyatakan kapada-nya ia-itu perkara ini belum lagi sampai ka-pengetahuan saya dan manakala sampai kapada saya, Insha' Allah lesen itu akan di-beri kerana itu-lah dasar Kementerian ini ia-itu menggalakkan nelayan² yang ada di-dalam negeri ini menggunakan pukat tunda dan lesen² itu akan di-keluarkan sa-kira-nya sharat² yang ada itu dapat di-penohi. Terima kaseh.

**Wan Abdul Kadir bin Ismail:** Tuan Pengerusi, ada satu perkara yang saya timbulkan tadi tidak mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri ia-itu soal pemasaran ikan dan pemerasan yang hebat yang di-deritaï oleh kaum² nelayan yang memerlukan supaya FAMA bertindak segera dalam soal pemasaran ikan ini.

**Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:** Tuan Pengerusi, saya rasa perkara itu saya telah jawab beberapa kali ia-itu pehak FAMA telah pun mengadakan siasatan dan ranchangan pemasaran-nya telah pun di-sediakan ini ada-lah dalam timbangan sekarang ini.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak $23,080,217 untok Kepala 133; $269,000 untok Kepala 134; $88,554,534 untok Kepala 135; $5,000,010 untok Kepala 136 dan $121,820,615 untok Kepala 137 disetujukan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1968.

*Kepala² 138, 139, 140, 141, 142, 143 dan 144—*

**Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom (Tun V. T. Sambanthan)** (*dengan izin*): Mr Chairman, Sir, I beg to move the expenditure shown under Heads 138, 139, 140, 141, 142, 143 and 144 totalling $140,512,650 under "Direct Expenditure" and $22,360,952 under "Loan Column" be approved.

With the progress achieved during the first year of the implementation of the projects under the First Malaysia Plan, I am confident of attaining our objectives by the end of the planned period.

Taking Head 138—"Roads and Bridges" first, a total provision of $69,716,984 under "Direct Expenditure" and $1.7 million under "Loan Column" is requested. Of this amount $31,370,010 under "Direct Expenditure" and $1.7 million under "Loan Column" is for projects to be implemented in West Malaysia. With this provision, it will be possible, among others, to construct Bukit Tengah Complex (road-over-rail bridge and roundabout), and to replace the timber bridge by Reinforced Concrete structures at Bidor. The construction of cycle tracks and bus lay-byes in congested areas as well as the improvement of the portion of Route I and Route II would be undertaken at 12th-13th and 43-43½ m.s. Seremban Road and at 64-66 m.s. Temerloh/Maran Road and also at 41-48 m.s. Kuantan-Maran Road. The work to provide the extension to lighting for the Federal Highway will also be undertaken during the year. A sum of $700,000 is set aside to improve the Kuantan/Kemaman road. Widening and strengthening sub-standard portions in Trengganu, replacement of timber bridges and the narrow girder bridge by a permanent bridge at 31½ m.s. (South of Kota Bahru) will also be undertaken this year.

Under Sub-head 4—"Other Federal Roads", the major items include the Pekaka Bridge on the Sungei Patani/Baling Road, a road-over-rail bridge at Padang Besar and also the replacement of Selama Bridge. The Round Island road in Penang will be improved by the provision of a byepass at Genting Village. Funds provided under this sub-head will also be utilised to meet the replacement of timber bridges in Perak, Selangor and also the deviation work in Negri Sembilan which was started in 1966. The badly damaged Rompin/Gemas/Kemayan road by over-laden lorries will also be improved. With this provision, it is also programmed to replace timber bridges along Kluang/Mersing and Mersing/Johore Bahru road and some other bridges along Batu Pahat/Pontian road which need attention. Work on the construction of the Merlimau byepass at Melaka will start this year together with some improvements to the Melaka/Sg. Rambai road. The worst sections of Federal roads in Pahang will be improved especially along Karak/Manchis, Pekan/Kuantan and the old Pahang trunk roads.

Rumah ini berkenaan dengan Kepala 138, Pechahan-kepala 8, ia-itu berkenaan dengan Jalan² Luar Bandar, sabagaimana yang telah di-katakan oleh Ahli² Yang Berhormat yang lain juga, tetapi saya hendak menumpukan perhatian kapada kawasan saya sendiri. Pada tahun yang lalu saya telah pun berdiri di-Rumah ini memohon kapada Menteri supaya dapat-lah jalan² di-kampong² di-dalam kawasan saya mendapat perhatian sadikit sa-banyak, tetapi dengan dukachita-nya dan dengan malang-nya jalan² di-kampong sana tidak-lah dapat apa² tumpuan perhatian daripada pehak yang berkenaan. Malahan-nya semua tumpuan² perhatian ia-lah telah di-kemukakan kapada jalan² raya yang besar.

Pada hari ini, Tuan Pengerusi, sabagaimana yang di-ketahuï umum adalah jalan raya itu satu daripada bukti yang membawa kemudahan kapada pendudok² di-dalam kawasan luar bandar supaya membolehkan mereka itu membawa apa juga yang di-keluarkan daripada hasil di-luar bandar itu di-bawa ka-bandar dan demikian juga benda² yang di-kehendaki dari bandar di-bawa ka-kawasan sendiri. Jadi, di-sini saya minta-lah perhatian daripada Menteri yang berkenaan ia-itu di-dalam kawasan saya jalan daripada jalan besar, Kuala Kangsar ka-Manong nama-nya Jalan Kubang Pakan ia-itu satu jalan yang hanya dengan tanah merah sahaja, tidak ada di-taroh dengan batu, atau pun apa². Jalan tersebut adalah di-gunakan oleh beberapa orang yang dudok di-tepi Sungai Perak yang berhubong dengan Kuala Kangsar dan di-situ ada bukit² tinggi dan rendah dan saya sendiri berasa takut dan gerun apabila memandukan motokar saya mengikut jalan itu pada masa hari² hujan, kerana kalau sa-kira-nya jatoh sudah tentu-lah masok kapada lembah yang membahayakan. Saya telah minta pada tahun yang lalu supaya Yang Berhormat Menteri hendak-lah menumpukan sadikit perhatian atas jalan tersebut.

Sa-lain daripada itu kawasan² lain juga saperti jalan di-Kampong Jamuan daripada Pangkal Gertak Iskandar yang ada di-Kuala Kangsar itu dan juga jalan² yang hendak pergi ka-Kampong Beluru daripada jalan baharu yang di-buat sekarang yang menyambong daripada Kuala Kangsar ka-Ipoh juga kapada Grik. Saya telah mendengar Yang Berhormat Menteri mengatakan ada peruntokan akan di-beri untok membaiki jalan ini yang membawa daripada jalan besar kapada Kampong Beluru kerana sangat churam, dan kalau sa-kira-nya kita kurang berchermat memandu kereta boleh menjadikan merbahaya. Saya ada melihat sa-orang yang telah mati jentera kereta-nya di-situ, berundor balek. Jadi, lembah ada kiri—kanan; undor balek, orang ada di-belakang pula. Jadi, ini satu perkara yang merbahaya sangat, tetapi alham dulillah Menteri itu sendiri pun mengetahuï hal keadaan ini dan telah pun membuat peruntokan untok membaikinya.

Lagi satu berkenaan dengan jalan juga. Saya suka hendak mendapat tahu, kalau sa-kira-nya dapat Yang Berhormat Menteri memberi tahu, apa-kah akan di-jalankan usaha untok memanjangkan jalan yang telah pun di-buat di-sebelah kiri tebing Sungai Perak daripada Jambatan Iskandar sampai ka-Kampong Menora; apabila sampai ka-situ terpaksa berhenti, tidak ada apa perkembangan lagi; sa-belah sana pun tidak ada; kerana dengan sebab itu saya perchaya ranchangan yang asal ia-lah di-kiri dan di-kanan tebing Sungai Perak itu akan di-adakan jalan terus-menerus supaya sa-belah utara boleh berhubong dengan sa-belah selatan dan sekarang alham dulillah di-sebelah kanan ada jalan-nya, tetapi sa-belah kiri berhenti di-Menora. Jadi, kalau sa-kira-nya dapat Yang Berhormat Menteri memberi keterangan yang di-kehendaki itu saya uchapkan terima kaseh kerana saya telah di-tugaskan oleh ra'ayat jelata di-sana supaya bertanya, dan kalau saya tidak menyuarakan pula saya di-salahkan nanti.

Perkara yang kedua yang saya suka hendak menarek perhatian ia-lah berkenaan dengan Kepala 144, ia-itu berkenaan dengan Talikom. Pekerjaan dengan talipon ini tugas² Kerajaan ia-lah kalau sa-kira-nya boleh dengan

chara berperingkat² mengadakan automatic exchanges. Jadi, yang saya dukachitakan itu mengakan talipon itu tidak mengapa-lah, tetapi apabila di-gunakan, kalau kita dial satu nombor, dapat nombor yang lain, kalau kena pada orang lain pula, dia tidak hendak menjawab pada panggilan kita itu. Saya rasa perkara ini tentu-lah akan mendapat perhatian daripada semua orang yang menggunakan talipon automatic. Kesalahan-nya, barangkali dari segi teknik-nya. Saya harap mudah²an dapatlah engineer atau jurutera² yang berkenaan memperbaiki keadaan yang samacham itu. Kalau tidak, kita angkat talipon, orang tidak hendak jawab pada kita. Ini semua-nya telah berlaku disana. Jadi, dengan sebab itu saya minta-lah kalau dapat jurutera kita membaiki keadaan yang sa-macham ini. Itu sahaja, Tuan Pengerusi, terima kaseh.

**Tuan Geh Chong Keat (Penang Utara)** (*dengan izin*): Mr Chairman, Sir, I would like to touch on Head 138, Roads and Bridges, and Head 140—Government Buildings. Sir, when I look at the sums provided for the construction of these bridges and buildings, I remember the famous saying that when any work is supervised by the Public Works Department, or Jabatan Kerja Raya, the cost is always 5 per cent more, and that the buildings are meant to last for more than 50 years, if the buildings are the permanent types; and if the buildings are semi-permanent, they would last somewhere around 20 years. Therefore, with due respect to the Minister, I am sure that, if the Construction Section of his Ministry were to review the supervision works, the specifications, and the high standard demanded of them, a little relaxation would cut down the cost and more provisions would be available for more developments and more construction of buildings and bridges. I say this, Sir, because I notice that we have been inviting foreign contractors to tender for our bridges and dams, and after the first tender the local tenderers get used to the requirements and techniques, and in subsequent tenders for similar projects or other projects, their tenders become cheaper. Sometimes there have been tenders which quoted a few million dollars below those of foreign tenders. Therefore, I say let us have a review, let us not be prejudiced against our local Malaysian contractors, and by giving them work we may also save foreign exchange. Local contractors and local builders have more responsibilities and more pride and prestige in contributing to the construction of Malaysia.

Sir, when I talk on these amounts spent in construction work, I also feel that I must request the Minister to explain a certain provision. Formerly, in tendering for work, they have a provision saying, "Specification of certain details of work to be done up", and they say, "For piling the estimate is so much, and so much", but later on in the piling, the honest contractors would point out to the Government—after piling, say, for about twenty feet with another six feet or eight feet more of piling to be done according to the contract and they come across soil or sand which they feel is strong enough—that there is no need to do another eight or ten feet of piling. Therefore, there is a saving. When we have such saving, I am sure the Minister, or the J.K.R., must appreciate the honesty of the contractor by mutual acknowledgement or appreciation. Now, when a contractor points out the saving, there must be appreciation—that is, fairness to the contractor. If he is unfortunate enough to come across soft soil, he has got to lose more money, but where he saves for the Government, the Government must appreciate. So, there must be some appreciation. But I have found out that according to practice, the engineers cover themselves by providing a lump sum instead of specific piling for so many piles and cost so much. Sometimes you come across buildings constructed on one lump sum. So, when you have one lump sum you would not go into the details of the number of piles for the building or the structure. Therefore, there are loop-holes which I am sure the Minister must study, in order to save for the nation.

Sir, I would not go too much into this, but following the development that

is going on in the country, I am sure the Minister will look around the J.K.R. There are many engineers and I would not say that there are redundant posts, but I think it is time we also find work for them to do. We have been assigning jobs to architects other than those in the Government Service; sometimes we have been contracting jobs out when the J.K.R. themselves have the personnel—the architects and the engineers—to cater for all these works.

Mr Chairman, Sir, because of the time factor I have already indicated that I will rush through some other items. I will touch on Head 144, Telecommunications, and I will also touch on Head 142, Postal Services.

Sir, talking on the Telecommunications Department, I see that there is a provision for automatic exchanges and other advancement. I have got to compliment the Minister and his engineers and workers for the vast improvement we have made in the technical field, but still I am sure sometimes we come across what is called, Parkinson's Law in reverse. We engage more people, more techniques, and yet we do not get the efficiency and the service. For example, the planning say "More automatic exchange, we do away with manual ones, encourage more people to use the automatic system, and let the operators do other important assignments, we put more telephones and telephone booths in the rural areas"; but when they dial "0" for the operators when they need their services they find sometimes, as other Members have expressed, that the delay has been very, very appalling. Therefore, if I were to say that the operators are not efficient, the Minister will query me. If I say, "Well, there is always a delay", you say, "Lack of personnel". But at times I would like the Minister to study this matter. It is Parkinson's Law in reverse: the more people you get, the same thing you require; you need more, otherwise, you do not get the service which we thought we have got by giving more modern techniques of automatic exchanges. Still there is room for improvement, and I am sure the Minister will study it. He has been in the Ministry for many years; he himself is a telecommunications expert and I am sure those are minor problems which he can solve.

Sir, touching on Postal Service, there is room for improvement in postal delivery. As you must have read in the newspapers, there have been many complaints that letters posted in Penang took five days to reach Kuala Lumpur, letters posted in Penang took six days to reach the villages. Sir, I am sure the Minister will make improvement in respect of this question of delivery.

There is one point I must stress before I sit down, Sir, and that is the Postal Service. Now, Sir, people import valuable goods from other countries or from Kuala Lumpur (city to city) or from Singapore. All these parcels, it seems, must be opened by the Customs. But then there is a tally between the Customs and the Postal Department as to whether parcels should be opened in front of the addressees or not. But, Sir, if it is a minor article it is quite all right. But then when you come across parcels with watches and many valuable articles, these require attention for adjustment of inspection, because I have come across cases where parcels of watches were posted in Singapore destined for Penang, and there have been reports that watches have been lost. I do not know whether they were lost in transit, or whether they were lost at the post office, but at times it had been said that they were lost at the post office. Therefore, I wish to draw the Minister's attention to have all these services carefully looked into and assure our people that when you send a parcel or letters to the post office, they will receive full attention and they will be delivered with efficiency and speed. Thank you, Sir.

**Tun V. T. Sambanthan:** Mr Chairman, Sir, I shall deal with the last speaker first. He mentioned the question of contractors and foreign contractors. I would like to inform him that whenever we go out for big tenders, we invite not only local contractors but

also foreign contractors and whoever is the cheapest, if it is within the bounds of reason, we give it to the proper contractor. A case in point was the Tuanku Abdul Rahman Bridge at Butterworth in which a local contractor tendered $1 million less to the second lowest. It was physically impossible to build the bridge for the amount of money which he tendered. Therefore, the Tenders Board had to turn it down. If we had accepted it that man might have gone bankrupt, or the bridge might not have been built. Therefore, we try to use our intelligence to see what the quantity survey is like and then, if the price is reasonable anybody gets it.

**Tuan Geh Chong Keat (Penang Utara):** On a point of clarification, Sir.

**Tuan Pengerusi:** Dia tidak beri jalan.

**Tun V. T. Sambanthan:** I am also speaking in general with regard to general bridges. With regard to the East Coast bridges, for instance, we have put up four bridges in a row for public tender and a French Company was the lowest tender and they got it. Local contractors were given equal opportunity to tender, as were the British and other contractors, but whoever was the lowest and the most acceptable got it.

With regard to piling, for instance, he mentioned just now that the request may have been that we asked for piles to be driven to 20 feet. It is not generally so. It happens that piles are paid by length and that the grading rally is decided by the load that a particular pile has got to have. There is no easy and simple answer to this. At present, we have piling being done for the Bank Negara site, which is near the Parliament, and if the Honourable Member wants, he can look at it; and if he makes an enquiry, he will find that even on that hill site one pile has a different reaction. The soil where this particular pile was driven has been softer than the rest of the land. Why we do not know. But there it is. Therefore, I would like the Honourable Member, if he wants to have further details with regard to this, to come to my office and I shall direct him to the Director of Public Works and he can liaise with him and discuss with him.

With regard to telephone services, I must confess that with regard to the facilities we provide, where there is no direct dialing, there are shortcomings. This has been, as I mentioned even last time, due to the fact that sometimes there is fatigue amongst the operators; at times there is crass disregard by some operators, and this we are now trying to control surely but slowly by insisting that each operator should give his number before he replies on the phone. But, I think the Honourable Member speaks with the tongue in his cheek when he, as a Member from Penang, says that there has not been much improvement, because if he looks back to the position two years earlier, he would recognise that then he had to hang around waiting for a call, whereas now under the subscriber trunk dialing he takes his phone and dials Kuala Lumpur, Ipoh, Singapore, Seremban and a host of other places. I must say that with regard to postal letters there have been delays, and I shall certainly look into the points that he suggested.

With regard to the Member for Tumpat, I will certainly look into his request for a postal agency and for a postman. As for his telephone booth, I will also look into it, but I would suggest that he also liaises with the State Government on this particular request.

Coming to the Member for Batu Gajah, the Federal Ministry has done all it can in giving a loan for this particular project of water supply. The rest is left to him and the State Government. In fact, a few days ago I did ring up the State Engineer, Perak, in an effort asking him to try and help him to the water supply and the State Engineer replied that if he can get the money he would do what is needed.

As for the Member for Port Dickson, I regret that the Lemon Street affair is a very big one and I cannot give an off-hand answer to this particular request. As for the District Office, Port Dickson, that is beyond my province.

With regard to the Member for Parit, the Bota bridge is on a State road. However, a new bridge is being designed and the soil at the vicinity is being investigated.

I would like to thank the Honourable Member for Bukit Bintang for suggesting that we have more money. I would like to reply to him and say that the more money the better. We can see that we increase the supply of telephones and other factors in the country related to telecommunications facility.

With regard to the Member for Kulim Bandar Bharu, I have already replied to the Honourable Member earlier on his question and if he wants me to say something further, all I can say is that if he wants to convert Kulim to automatic, he had better hurry up and fill up the automatic exchange. There are still a number of vacant positions in the Kulim exchange. If he can increase the number of subscribers in Kulim, then maybe we can give him a new automatic exchange.

Now, I come to the Honourable Member for, Kuala Kangsar. With regard to dialing wrong numbers, I hope somtimes he gets interesting numbers over the phone; maybe he is rather old for it (*Laughter*). However, with regard to getting wrong numbers, it is quite likely that with automatic machines we do get his sort of fault, but with over 120,000 telephones I am sure that the number of phones that do give this error are very few and I would request that whenever such a thing occurs, please contact the Telecommunications Department.

The question of rural road maintenance is a State matter and I would be grateful if he takes it up with the State Government, or, alternatively, with the Ministry of National and Rural Development. I would be grateful if the Member for Kemaman will give me further particulars, so that I can conduct further investigations into this matter. Thank you.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah (Bachok):** Tuan Pengerusi, jikalau dapat saya hendak bertanya berkenaan dengan Jambatan Temerloh bila hendak siap lagi.

**Tuan V. T. Sambanthan:** Tadi, Yang Berhormat tidak chakap bagaimana dia hendak buat penjelasan? (*Ketawa*).

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak $71,416,984 untok Kepala 138; wang sa-banyak $23,860,952 untok Kepala 139; wang sa-banyak $6,882,674 untok Kepala 140; wang sa-banyak $8,736,462 untok Kepala 141; wang sa-banyak $1,800,010 untok Kepala 142; wang sa-banyak $2,176,520 untok Kepala 143; dan wang sa-banyak $48,000,000 untok Kepala 144, di-setujukan jadi sabahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1968.

*Kepala² 145 hingga 149—*

**Menteri Pengangkutan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir):** Tuan Pengerusi, dengan izin tuan, saya mengemukakan anggaran pembangunan Kementerian Pengangkutan bagi tahun 1968 di-bawah Kepala² 145 hingga 149 berjumlah semua-nya sa-banyak $23,552,199 dan daripada peruntokan ini sa-banyak $14 juta ada-lah perbekalan membeli saham² di-dalam Sharikat Penerbangan Malaysia/Singapura Berhad. Sa-lain daripada ini sa-banyak $2,599,990 ada-lah peruntokan pinjaman kapada Pentadbiran Keretapi, $11.7 juta peruntokan pinjaman kapada Pelabohan Pulau Pinang dan $1.975 juta kapada Lembaga Pelabohan Swettenham. Jumlah wang pinjaman ia-lah sa-banyak $16,275,010 semua-nya. Saya mohon peruntokan² itu di-luluskan.

Sa-laras dengan dasar Kementerian ini hendak mengadakan sistem pengangkutan yang terjalin, chekap, selamat dan murah, Kerajaan Pusat dengan bantuan Pertubohan Bangsa² Bersatu telah mengundang satu rombongan pakar² supaya kajian pengangkutan negara di-adakan. Sekarang ini kajian tersebut sedang di-jalankan semenjak bulan September, 1967 oleh 28 orang pakar² daripada 3 buah Sharikat Penasihat yang ternama daripada

Amerika bersama[2] dengan pegawai[2] tempatan meliputi semua jenis pengangkutan serta juga kajian di-atas perkara[2] yang berkaitan dengan pengangkutan saperti perusahaan[2] pertanian, kelapa sawit, kayu balak, perusahaan perdagangan (kilang[2] keluaran barang jualan tempatan dan eksepot) sa-hingga tahun 1985 yang memerlukan sistem pengangkutan yang chukup, terator dan chekap.

Sungoh pun laporan[2] kajian ini belum siap lagi boleh-lah saya beri rengkasan di-atas kajian sa-kadar mana yang telah di-jalankan bagi tiap[2] jenis pengangkutan.

KERETAPI TANAH MELAYU

Keretapi Tanah Melayu mempunyaï jalan lebeh sadikit 1,000 batu panjang-nya daripada perenggan Negeri Thailand di-Pantai Barat, Malaysia Barat sa-hingga ka-Singapura dan dari Simpang Gemas ka-Timor Laut sa-hingga perenggan Thailand. Sa-bahagian besar daripada jalan[2] keretapi ini ia-lah melaluï kawasan[2] yang banyak penduduk[2]-nya dan di-mana ada kawasan[2] perusahaan dan perdagangan. Sunggoh pun di-dapati mengikut kajian[2] yang telah di-buat di-atas keretapi satu faktor besar yang selalu membawa kerugian keretapi ia-lah dengan kerana perlawanan daripada jenis[2] pengangkutan yang lain, tetapi mengikut penyiasatan ketegangan kewangan keretapi beberapa tahun yang lepas bukan-lah semua-nya di-sebabkan perlawanan daripada jenis[2] pengangkutan yang lain. Beralaskan di-atas faktor ini maka penyiasatan sedang di-buat dengan tujuan memberi sokongan[2] yang akan menchepatkan ranchangan memodenkan perjalanan keretapi mengikut peredaran masa dan kehendak[2] negara ini. Kajian di-atas keretapi ini akan membolehkan:

(*a*) mengambil keputusan di-atas peranan keretapi di-dalam usaha Kerajaan mengadakan pengangkutan 'am yang berekonomi di-dalam Malaysia Barat;

(*b*) membuatkan usul[2] yang akan menukarkan dasar dan perjalanan keretapi dengan tujuan memperbaiki kedudokan-nya dan menambahkan perkhidmatan-nya di-dalam usaha pembangunan meninggikan ekonomi negara kita;

(*c*) menetapkan peranan keretapi di-dalam masa pembangunan Malaysia yang akan datang;

(*d*) menentukan berapa banyak modal[2] yang di-perlukan bagi keretapi supaya menjadikan keretapi satu alat meninggikan ekonomi negara kita.

PELABOHAN

Sayugia di-ingati bahawa kemajuan sederhana ekonomi Malaysia Barat ada-lah hasil daripada perdagangan antara bangsa. Dalam tahun 1966 nilaian barang[2] impot ada-lah sa-banyak 34% daripada jumlah perbelanjaan di-dalam negara ini sunggoh pun ini kurang daripada tahun 1960 yang pada masa itu jumlah barang[2] impot ia-lah sa-banyak 40% daripada perbelanjaan semua-nya. Sunggoh pun kekurangan di-dalam peratus mengenaï barang[2] impot dan eksepot, tetapi bilangan tan barang[2] dagangan dari dan kapada negara[2] asing ada-lah bertambah. Oleh itu kajian sedang di-buat menentukan sama ada pelabohan di-negara ini mempunyaï kemudahan yang chukup pada masa hadapan supaya barang[2] dagangan itu dapat di-kendalikan dengan chekap dan murah, kerana barang[2] dagangan mengikut pengangkutan laut ada-lah sa-bahagian penting bagi negara ini.

Kajian ini juga menyemak peranan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan[2] Negeri berkenaan dengan kawalan dan peratoran serta dasar[2] mereka terhadap pelabohan[2]. Ini termasok-lah keperluan[2] menganalisa undang[2] dan peratoran[2], Perlembagaan, kuasa dan tanggong-jawab[2] semua badan dan Jabatan[2] yang berkaitan dengan pelabohan. Peranan Lembaga[2] Pelabohan mengenaï pembangunan dan pentadbiran serta juga menjalankan kerja[2] sedang di-berikan perhatian yang istimewa.

Keperluan mengadakan kemudahan[2] mengendali kapal[2] jenis container di-pelabohan[2] berkaitan dengan perkapalan antara bangsa juga di-beri timbangan yang penoh, termasok juga

mengadakan kemudahan container di-semua pelabohan² tempatan di-Malaysia Barat dan Timor bagi Perkhidmatan kapal² Sharikat Selat jika sekira-nya Sharikat itu hendak menjalankan per-khidmatan kapal² container.

Semua pelabohan² di-dalam Malaysia Barat saperti Alor Star, Pulau Pinang, Port Swettenham, Lumut, Telok Anson, Port Dickson, Muar, Batu Pahat, Johor Bahru, Tumpat, Kuala Trengganu, Dungun, Kemaman, Kuantan dan Rompin sedang dan akan di-kaji bagi menentukan kedudokan-nya, kebolehan serta juga kepentingan-nya tiap² satu pelabohan itu bagi kemajuan ekonomi negara ini pada masa hadapan.

Pengangkutan dagangan mengguna-kan kapal container di-antara Eropah-Australia di-mulakan dalam tahun ini. Oleh itu Surohanjaya Pelabohan Pulau Pinang telah mengambil langkah menukarkan ranchangan benaan der-maga ayer dalam daripada 6 buah dermaga biasa kapada 3 buah dermaga biasa dan 2 buah dermaga ayer dalam yang boleh mengendali kapal² con-tainer. Ketiga² buah dermaga ayer dalam biasa itu di-anggar siap di-dalam pertengahan tahun ini dan dua buah dermaga container itu di-anggar siap di-dalam tahun 1970. Apabila semua ranchangan ini siap, dermaga² ini boleh mengendali perdagangan lebeh daripada satu juta tan atau lebeh kurang 1½ juta tan sa-tahun dengan chara biasa dan juga sa-chara con-tainer.

Kementerian ini sangat mengambil berat di-atas kesulitan yang di-hadapi oleh Pelabohan Swettenham dengan kerana bertambah-nya barang² dagang-an melaluï pelabohan ini. Kajian untok memperbesarkan pelabohan ini telah di-buat oleh Pakar² yang sa-bahagian besar daripada perbelanjaan mereka di-tanggong oleh Kerajaan British di-bawah Ranchangan Colombo dan sa-bahagian kechil daripada perbelanjaan ini di-tanggong oleh pelabohan ini sendiri. Laporan itu akan siap dalam bulan ini.

Saya berasa gembira memberi tahu pada rumah yang berbahagia ini ia-itu kegunaan pakar² perunding, Pengurus kajian Pelabohan Pulau Pinang dalam Lembaga Pelabohan Swettenham telah pun membuktikan yang kajian itu ada-lah memberi keuntongan² besar.

Surohanjaya Pelabohan Pulau Pinang, keuntongan² kewangan telah bertambah lebeh daripada $1.2 juta lebeh penting lagi ia-lah dengan kajian ini susunan Surohanjaya dan tingkatan² pegawai Pengurus telah di-perbaiki dan dengan ini Surohanjaya Pelabohan Pulau Pinang ada sedia memainkan peranan penting-nya di-dalam ekonomi negara. Keuntongan² kewangan yang di-sebut di-atas ada-lah bersabit dengan susunan sa-mula Surohanjaya ini mengikut shor² yang di-buat oleh pakar² perundingan yang mana boleh di-bahagikan kapada tiga jenis.

Satu jenis keuntongan yang telah pun di-chapai dengan sa-penoh-nya ia-lah melaluï pembayaran² yang di-kurangkan kapada contractor² dan melaluï jimatan yang di-perolehi melaluï kajian² kerja. Perletakan² jawatan dan pendapatan yang ber-tambah jimatan yang di-lapangan ini ia-lah sa-banyak $759,000 sa-tahun.

Keuntongan kewangan jenis yang kedua akan di-rasaï apabila pengkalan² baharu di-buka. Keuntongan ini ia-lah melaluï pengurangan 63 orang kerani dan 70 buroh Kasar yang sekarang ini sedang menjalankan satu latehan bagi mengisi jawatan² kosong di-pengkalan² baharu yang akan di-buka. Jimatan² sa-terus-nya di-lapangan ini ia-lah sa-banyak lebeh kurang $525,000.

Jenis keuntongan yang ketiga meng-ikut kajian² kerja ia-lah jimatan² yang akan di-dapati apabila shor² yang di-kemukakan itu di-sempurnakan. Jimatan² yang di-jangka di-lapangan ini ia-lah sa-banyak $204,000 sa-tahun. Sa-lain daripada jimatan² yang tersebut di-atas ada lagi beberapa jimatan² yang di-jangka akan memperolehi, tetapi jumlah-nya belum lagi di-pastikan oleh kerana kesulitan perkiraan mengikut kajian kerja.

Jumlah pengurangan perbelanjaan yang telah di-chapai sa-takat ini oleh Lembaga Pelabohan Swettenham ia-lah sa-banyak $653,000 sa-tahun.

Sa-bahagian daripada kekurangan perbelanjaan ini di-chapai melaluï kekurangan kerani daripada 50 orang kapada 360 orang oleh kerana susunan sa-mula Lembaga ini yang di-akibat bagi memusatkan kerja² pengurangan kerja² merekod dan sa-bagai-nya. Di-lapangan ka-juruteraan kajian ini telah dapat mengurangkan sa-banyak 45 orang kaki-tangan². Kekurangan bilangan kerani dan jurutera² bukan sahaja sa-chara langsong, tetapi dengan sa-chara tidak langsong telah menambahkan lagi kechekapan kerja melaluï susunan saintifik dan mengakibatkan pengurangan kerja yang berlebehan masa dan juga mengambil aleh activity² atau pun kerja² yang lain yang pada masa yang lepas telah di-jalankan dengan chara contrek.

71 Kerani² yang berlebeh telah meninggalkan Lembaga Pelabohan sama ada di-tukarkan ka-Pentadbiran Keretapi, telah bersara atau telah meletakkan jawatan.

Sa-tengah daripada kaki-tangan² Ke-juruteraan akan di-tukar²kan ka-Pejabat² Section yang lain. Kerani² yang berlebehan ini di-gunakan apabila pengkalan² baharu itu di-buka. Banyak lagi jawatan kechil yang akan di-alami di-dalam susunan baharu ini dari segi kegunaan bangunan Lembaga Pelabohan dengan sa-penoh²-nya kegunaan gudang² dan ranchangan² pengurangan.

Ada-lah di-taksirkan apabila kajian ini tamat dan shor²-nya di-sempurnakan Lembaga Pelabohan Swettenham akan dapat membuat jimatan yang tidak kurang daripada $1 juta sa-tahun.

PELABOHAN² DI-MALAYSIA TIMOR

Negeri Sabah dan Sarawak, di-Malaysia Timor lebeh bergantong kapada pengangkutan dagangan dengan mengikut laut daripada negeri² di-Malaysia Barat. Bukan sahaja Negeri² ini bergantong kapada pasaran luar untok menjualkan barang² dagangan mereka dan mendapatkan barang² keperluan serta juga kelengkapan² daripada seberang laut tetapi juga perhubongan di-antara satu² tempat dengan yang lain di-dalam negeri itu ada-lah sangat² bergantong kapada perhubongan sungai dan laut. Sa-bahagian besar dagangan dalam negeri² itu juga ada-lah melaluï perayeran. Oleh itu pelabohan² ada-lah satu² faktor yang penting bagi memperbaiki sistem pengangkutan di-Malaysia Timor.

Menilek kapada tindakan segera yang perlu di-ambil bagi membaiki sa-tengah² pelabohan di-Malaysia Timor keutamaan telah di-beri kapada beberapa pelabohan di-situ, saperti Kota Kinabalu, Sandakan, Kuching dan Sibu. Kajian sa-pintas lalu telah pun di-buat di-pelabohan² ini dan di-mana di-dapati terang² tindakan segera perlu di-ambil langkah melaksanakan sokongan² di-dalam gajian itu telah pun di-ambil, sa-umpama-nya di-pelabohan Sandakan Kerajaan Negeri telah pun di-minta membaiki dermaga² di-situ dengan segera serta juga mengadakan penyiasatan bagi membena sa-buah pelabohan baharu di-Allard Bay dengan mengguna peruntokan daripada Negeri itu dahulu. Di-Kota Kinabalu atau Jesselton kebenaran telah di-beri untok menjalankan penyiasatan berkenaan dengan tempat yang sesuai bagi membena sa-buah pelabohan baharu di-Kota Kinabalu. Penyiasatan ini ia-lah di-atas dua tempat, satu tempat ka-arah Timor Laut daripada Pelabohan sekarang yang lagi satu ia-lah di-Pulau Gaya. Perbelanjaan penyiasatan ini di-anggarkan memakan belanja sa-banyak $375,000.

PELABOHAN KUCHING

Kebenaran juga di-beri untok penyiasatan di-buat berkenaan dengan kesesuaian tempat pelabohan Pending Point. Perbelanjaan ini di-tanggong oleh Lembaga Pelabohan itu sendiri.

PELABOHAN SIBU

Keputusan telah di-ambil bahawa kawasan² dalam pelabohan di-Sibu tidak lagi di-bena pejabat² dan bangunan² dengan kerana perlu pelabohan Sibu akan di-perbesarkan pada masa hadapan. Dermaga yang ada sekarang ini juga perlu di-perbesarkan dengan segera dan perbelanjaan penyiasatan tempat, dan mengadakan design dan sa-bagai-nya di-anggarkan memakan belanja sa-banyak $200,000.

PENERBANGAN 'AWAM MALAYSIA BARAT

Di-Malaysia Barat lalu-lintas penerbangan awam telah bertambah sabanyak 18% sa-tahun di-antara tahun 1960 sa-hingga 1966. Tambahan lalulintas udara yang sa-kadar ini ada-lah di-anggar akan berlangsong beberapa tahun lagi dan berakhir dengan penambahan lalu-lintas yang banyak. Untok menyertaï kemajuan yang samakin bertambah di-dalam Lapangan Penerbangan 'Awam di-dunia sa-belah sini, maka perlu-lah kemudahan² dibeberapa padang terbang di-Negara kita di-perbaiki dan di-tambah. Sabenar-nya telah ada tanda² yang menunjokkan keperluan mengadakan kemudahan² tersebut.

Di-dalam bulan Julai tahun ini Sharikat Penerbangan Malaysia/Singapura Berhad akan menerima sa-buah kapal terbang yang besar Boeing 707 yang pertama daripada tiga buah yang di-tempahkan itu dan 5 buah Boeing 737 akan sampai di-pertengahan tahun 1969. Berbagai² ranchangan dan penyediaan sedang di-buat untok memulakan perkhidmatan kapal² terbang baru ini di-dalam Sharikat M.S.A. itu. Untok sa-imbang dengan perkembangan didalam lapangan penerbangan 'awam dan juga di-dalam Sharikat Penerbangan M.S.A., kemudahan² di-dalam bangunan² penumpang saperti di-Bangunan Penumpang lapangan terbang Pulau Pinang ada-lah perlu di-perbaiki segera untok mengelak kesibokan berlaku di-situ. Kerja² memanjangkan landasan padang terbang Pulau Pinang sa-hingga 7,000 kaki dan juga mengadakan lampu² landasan padang terbang itu supaya dapat perkhidmatan malam di-buat ada-lah sedang di-jalankan. Bangunan penumpang jika ada peruntokan chukup tahun ini akan juga di-perbesarkan.

PENERBANGAN 'AWAM MALAYSIA TIMOR

Lalu-lintas mengikut udara di-Malaysia Timor bertambah dengan chepat-nya sa-banyak 23% hitong panjang sa-tahun di-antara tahun 1960-1966. Mengikut penyiasatan sa-pintas lalu yang telah di-buat oleh pakar² Bangsa² Bersatu itu, maka nyata-lah kemudahan² di-beberapa lapangan terbang yang besar mesti di-tambah dan di-laksanakan dengan segera. Sa-benarnya pembangunan lapangan² terbang dan kemudahan² yang di-chadangkan oleh pakar² itu bagi lapangan terbang Kuching, Kota Kinabalu atau Jesselton dan Sandakan telah ada di-dalam Anggaran Pembangunan Malaysia Pertama dan akan di-laksanakan di-dalam tahun ini juga.

*Kepala 145—Keretapi*

KERETAPI TANAH MELAYU

Sementara menanti keputusan kajian pengangkutan yang sedang di-jalankan, Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu chuma-nya meminta pinjaman sabanyak $2,599,990 bagi tiga projek sahaja. Pechahan-kepala 1 yang menunjokkan pinjaman sa-banyak $1 juta ia-lah wang pinjaman yang terakhir bagi ranchangan hubongan rel Prai—Butterworth yang telah pun siap dipenghujong tahun 1967.

Projek yang kedua di-Pechahan-kepala 2 ia-lah ranchangan menggunakan kepala keretapi disel perengkat yang kelima bagi membeli 10 buah kepala keretapi disel. Tawaran membekal kepala keretapi disel telah pun di-terima dan di-jangka dapat di-bekalkan semua-nya dalam akhir tahun 1968. $1 juta itu yang di-pinjamkan pada tahun ini ia-lah sa-paroh peruntokan sahaja daripada yang dikehendaki dan jika baki-nya di-perlu di-dalam tahun ini peruntokan pinjaman tambahan akan di-pohon.

*Pechahan-kepala 3—Enjin² dan Gerabak Keretapi*

Sa-banyak $599,990 di-jangka perlu dalam tahun ini bagi maksud tersebut. Tahun sudah sebab jumlah peruntokan di-hadkan kapada $19 juta sahaja perbelanjaan di-atas ranchangan ini di-tanggohkan ka-tahun ini.

*Kepala 146—Pelabohan²*

PELABOHAN PULAU PINANG

Projek di-Pechahan-kepala 2—Ranchangan Dermaga² Ayer Dalam, Butterworth ia-lah bagi membena 3 buah dermaga ayer dalam biasa dan 2 buah

dermaga ayer dalam bagi kapal² jenis container. Pindaan daripada chadangan asal hendak membena 6 buah dermaga biasa itu mengurangkan perbelanjaan daripada $57.3 juta kapada $56.3. Perbelanjaan di-atas projek ini di-dapati sa-chara pinjaman sa-banyak $28 juta daripada Kerajaan Pusat, $16.3 juta daripada Bank Jerman (melalui Kerajaan Pusat) dan $12 juta daripada wang Surohanjaya Pelabohan Pulau Pinang sendiri. Projek di-Pechahan-kepala 3 ia-lah bagi bayaran peng-habisan membeli tanah dan benaan jalan masok ka-Dermaga Ayer Dalam, Butterworth. Jumlah perbelanjaan projek ini ia-lah sa-banyak $7.9 juta dan bagi tahun ini di-jangka $1,173,000 dapat di-belanjakan.

PELABOHAN SWETTENHAM

Peruntokan di-Pechahan-kepala 4 (i) ia-lah bagi benaan sa-mula dermaga No. 4 dan No. 5 di-Pelabohan Lama Swettenham yang memakan belanja sa-banyak $4 juta. Dalam tahun ini sa-banyak $1.6 juta di-peruntokkan sa-chara pinjaman bagi perbelanjaan benaan yang sedang berjalan dengan baik.

Peruntokan pinjaman sa-banyak $375,000 di-Pechahan-kepala 4 (iv) dalam tahun ini ia-lah sumbangan bagi ranchangan benaan rumah pangsa untok menempatkan kaki-tangan² Lembaga Pelabohan itu daripada Quarters mereka yang telah burok dan di-chadang hendak di-runtoh supaya tapak-nya dapat di-guna bagi menempatkan tangki² minyak kelapa sawit F.L.D.A. Rumah pangsa ini ia-lah bagi 180 keluarga dengan anggaran harga $2.5 juta, sa-paroh besar daripada-nya di-keluarkan daripada Lembaga Pelabohan itu sendiri dan chuma-nya $625,000 di-pinjamkan oleh Kerajaan Pusat dalam masa 2 tahun.

*Pechahan-kepala 37—Dermaga² Kechil, Sarawak—$338,414*

Peruntokan ini ia-lah bagi memper-baiki/membena beberapa dermaga² kechil di-seluroh Negeri Sarawak. Projek² ini kebanyakan-nya ia-lah projek sambongan.

*Pechahan-kepala 3—Lapangan Ter-bang Antara Bangsa $1.4 juta*

Sunggoh pun Lapangan Terbang Antara Bangsa telah siap dan di-guna-kan dalam bulan September 1965 tetapi beberapa jenis kerja² dan kelengkapan² perlu belum siap dan sempurna. Kerja² yang besar ia-lah berkaitan dengan kerja kejuruteraan yang di-uruskan oleh Jabatan Kerja Raya. Pindaan² kepada pelan² yang asal perlu di-buat dan ini menambah-kan perbelanjaan. Anggaran perbelan-jaan lapangan terbang antara bangsa pada masa ini ia-lah $58,608,000 dan peruntokan $1.4 juta di-atas perbelan-jaan kerja² yang perlu di-jalankan dalam tahun ini dan baki sa-banyak $2,218,941 sa-hingga siap projek itu.

*Pechahan-kepala 9—Bairup Radio dan Penunjok Arah/Barirup—$300,000 Ukor Jauh Lapangan Terbang, Kuala Lumpur,—$300,000*

Tawaran bagi membekalkan alat ini sedang di-kaji. Perbelanjaan ini ada-lah lebeh kurang 75% bagi harga alat itu dan 25% bagi menyediakan tempat bairup ini. Alat ini ada-lah perlu di-pasang bagi menolong pendaratan kapal terbang yang kian hari kian rumit jenis dan kelengkapan-nya. Perbelanjaan projek ini ia-lah di-taksirkan sa-banyak $600,000 tetapi bagi tahun ini di-bekalkan sa-banyak $300,000 sahaja.

*Pechahan-kepala 15—Benaan Tambah Lapangan Terbang, Penang $1 juta.*

Projek di-Pechahan-kepala 14 itu ia-lah memakan belanja sa-banyak $220,000 dan bangunan-nya telah pun siap. $20,000 yang baki itu ia-lah bagi menyudahi kelengkapan² yang perlu bagi bangsal kapal terbang ini.

Projek di-Pechahan-kepala 15 ia-lah menyediakan lapangan terbang itu bagi kegunaan kapal² terbang jenis Boeing 737 kepunyaan Sharikat M.S.A. yang akan membuat perkhid-matan-nya ka-situ awal tahun 1969. Kapal² terbang jenis ini perlu landasan panjang 7,000 kaki dan oleh itu kena di-panjangkan 700 kaki lagi. Lampu landasan kapal terbang pun perlu di-pasang supaya perkhidmatan² malam

hari dapat di-jalankan sebab perkhidmatan siang hari tidak lagi menchukupi akibah bertambah banyak penumpang² berjalan dengan kapal terbang sekarang ini. Anggaran mula projek ini ia-lah $1.47 juta dan mungkin anggaran ini tidak menchukupi sa-telah butir² yang lanjut di-dapati sekarang ini.

*Pechahan-kepala 16—Perbekalan Saham Sharikat M.S.A. $9.5 juta*

Sharikat Penerbangan M.S.A. sedang meluaskan perkhidmatan-nya ka-negara² di-Tenggara Asia termasok juga Negeri Jepun dan Australia. Modal sa-banyak $180 juta di-kehendaki untok membeli 3 buah Boeing 707 yang besar 5 buah Boeing 737 yang sedang dan dua buah Fokker Friendship F27 serta dengan alat² pengganti-nya. Sa-banyak $129 juta akan di-pinjam daripada Bank Export/Import Washington, $55 juta saham akan di-beli sama banyak oleh Kerajaan Singapura dan Malaysia. $14 juta saham telah di-beli oleh Kerajaan Malaysia dalam tahun 1967 dan tahun ini akan di-beli sa-banyak $9.5 juta lagi.

*Pechahan-kepala 33—Pembangunan Padang Terbang Sandakan—$340,000*

Peruntokan ini ia-lah bagi memasang alat² lampu landasan terbang Sandakan sa-banyak $280,000 dan benaan balai bomba sa-banyak $60,000. Penumpang² kapal terbang ka-Sandakan dan ka-tempat yang melalui-nya kian bertambah banyak. Perkhidmatan penerbangan malam hari terpaksa di-buat dan ini berkehendakkan lampu² landasan terbang. Tawaran memasang lampu² ini semua-nya telah selesai dan pekerjaan akan di-mulakan sadikit masa lagi.

*Pechahan-kepala 34—Pembangunan Padang Terbang Tawau—$240,000*

$240,000 peruntokan ini ia-lah bagi benaan sa-buah bangunan penumpang menara kawalan udara dan sa-buah balai bomba. Pekerjaan benaan kedua² buah bangunan ini sedang di-jalankan semenjak tahun 1967. Kemudahan² yang demikian belum ada lagi pada masa yang telah lalu.

*Pechahan-kepala 35—Membaiki Alat² Talikom dan Radio—$700,000*

Kapal² terbang moden dengan alat² yang rumit memerlukan pula alat² penolong penerbangan udara dari bumi yang juga tidak kurang rumit dan moden-nya. Kota Kinabalu atau Jesselton ada-lah sa-buah lapangan terbang antara bangsa di-mana perlu di-pasang Bairup Radio dan penunjok arah dan juga Bairup ukoran jauh lapangan terbang bagi keselamatan kapal² terbang yang menggunakan-nya. Alat² ini di-anggarkan memakan belanja sa-banyak $640,000 dan penyediaan tempat memasang alat² ini pula di-taksirkan sa-banyak $60,000. Tawaran² telah di-terima dan sedang di-kajikan. Tempahan akan di-buat di-penggal pertama tahun ini.

*Pechahan-kepala 36—Kelengkapan Bomba dan Penyelamat—$130,000*

Peruntokan ini ia-lah bagi bayaran sa-buah kereta penyelamat yang di-tempah dalam tahun 1967 tetapi belum sampai untok padang terbang Tawau dan sa-buah lagi kereta penyelamat yang akan di-tempah dalam tahun ini untok padang terbang Lahad Datu.

*Pechahan-kepala 37—Pembangunan Lapangan Terbang Kota Kinabalu atau Jesselton Menyimpang dan Menimbus Sungai Petagas—$796,000*

Di-hujong sa-belah selatan Padang Terbang Kota Kinabalu mengalir Sungai Petagas berbelit² saperti ular kena bedal. Untok menjaga keselamatan kapal² terbang yang naik dan mendarat di-situ ketetapan telah di-buat untok menyimpang dan menimbus Sungai Petagas di-genting-nya yang pendek. Tawaran pekerjaan ini akan di-keluarkan pada penggal pertama tahun ini.

*Pechahan-kepala 43—Padang Terbang Bharu Miri—$907,725*

Projek ini ia-lah projek sambongan semenjak tahun 1965 bagi benaan padang terbang baharu Miri yang di-jangka akan siap dalam Ogos, 1968. Kesukaran di-dapati di-atas projek ini kerana batu terpaksa di-bawa daripada tempat yang jauh dan ini menyebabkan kelambatan siap-nya daripada

masa yang di-jadualkan dan juga lebeh belanja daripada yang di-tentukan. Peruntokan ini ia-lah bagi perbelanjaan dalam tahun ini.

*Pechahan-kepala 48—Kelengkapan Radio Udara dan Alat Pembantu Penerbangan di-Lapangan Terbang Kuching—$710,000*

Saperti di-Lapangan Terbang Kota Kinabalu, Kuching juga memerlukan alat² tersebut di-atas bagi keselamatan kapal² terbang jenis moden. Tawaran membeli alat² ini telah pun di-terima bersama² dengan tawaran alat² yang sedemikian bagi Lapangan Terbang, Kuala Lumpur dan Kota Kinabalu. Tempahan membekalkan alat² ini akan di-buatkan di-dalam penggal pertama tahun ini. $60,000 daripada peruntokan ini ia-lah bagi belanja penyediaan tempat benaan kelengkapan² itu dan yang baki-nya ada-lah harga kelengkapan² itu.

*Kepala 148—Perkhidmatan Kajichuacha*

*Pechahan-kepala 1—Rumah Kediaman Rasmi Kakitangan Jabatan—$51,915*

Peruntokan tersebut di-atas ia-lah bagi benaan 2 buah Kelas F Quarters dan sa-buah Kelas E Quarters untok kakitangan² Jabatan Kajichuacha di-Bayan Lepas, Pulau Pinang.

*Pechahan-kepala 3—Alat Penerima Bahan² Chuacha dari Bulan rekaan—$49,152*

Projek ini memakan belanja sa-banyak $150,000 bagi alat penerimaan bahan² chuacha daripada bulan rekaan. Peruntokan ini ia-lah bagi alat itu sa-banyak lebeh kurang $100,000 dan bangunan $50,000 di-bena di-Petaling Jaya berdekatan dengan Ibu Pejabat Baharu Kajichuacha.

*Pechahan-kepala 8—Ibu Pejabat Kajichuacha—$100,000*

Apabila Singapura berpisah daripada Malaysia, Pejabat Kajichuacha bersama di-Singapura itu terpaksa-lah di-asingkan dan dengan kerana itu kena-lah di-adakan bangunan khas bagi Ibu Pejabat ini. Bangunan ini di-bena di-Petaling Jaya dan hampir siap. Peruntokan $100,000 itu ada-lah bagi sa-paroh bayaran lagi yang kena di-selesaikan dalam tahun 1968. Anggaran pejabat ini lengkap dengan alat² serta harga tanah ada-lah sa-banyak $300,000.

*Pechahan-kepala 12—Pejabat Kajichuacha Kota Kinabalu—$60,000*

Dengan ada-nya Ibu Pejabat Kajichuacha di-Malaysia, maka perkhidmatan Kajichuacha di-Malaysia Timor yang sekarang ini di-bawah kawalan Jabatan Penerbangan Malaysia Timor akan di-pindahkan ka-bawah jagaan Ibu Pejabat Kajichuacha, Malaysia di-Kuala Lumpur. Sa-buah Pejabat Kajichuacha yang sederhana ada-lah perlu di-adakan di-Kota Kinabalu bagi mengawasi Malaysia Timor.

*Pechahan-kepala 4—Rumah² Kediaman bagi kakitangan Jabatan—$250,000*

Ranchangan membena rumah² kediaman bagi kakitangan² Jabatan Laut tidak dapat di-laksanakan dengan sempurna oleh sebab kelambatan mendapat kebenaran memileki tanah² dan oleh itu peruntokan yang di-sediakan selalu-lah tidak dapat di-belanjakan bagi tahun itu. Peruntokan itu di-dalam tahun ini ia-lah bagi ranchangan membena rumah² kakitangan² Jabatan Laut di-Pulau Pinang, Trengganu, Johor, Melaka dan Telok Anson. Sa-banyak $56,000 di-kehendaki bagi menyudahi projek benaan rumah pangsa di-Port Swettenham.

*Pechahan-kepala 28—Perbelanjaan Ranchangan dan Penyiasatan, Sandakan—$10,000*

Menurut laporan daripada pakar² kajian Bangsa² Bersatu berkenaan pengangkutan sewajar-lah tindakan di-ambil menjalankan penyiasatan kemungkinan membenakan sa-buah pelabohan baharu Sandakan di-Allard Bay. Peruntokan yang di-beri ini ia-lah bagi perbelanjaan sa-bahagian daripada penyiasatan yang akan di-jalankan.

*Pechahan kepala 29—Ranchangan Pelabohan Sementara Sandakan—$400,000*

Sementara pelabohan baharu di-laksanakan di-Allard Bay kemudahan saperti gudang menyimpan beras ada-lah perlu di-benakan di-Sandakan, peruntokan $400,000 ia-lah anggaran yang di-kehendaki bagi tahun ini. Gudang ini akan memakan belanja $500,000.

Yang akhir sa-kali, Tuan Pengerusi.

*Pechahan-kepala 33—Pelanchar Kapal, Sandakan—$209,103*

Benaan pelanchar kapal ini berjalan dengan baik dan akan siap di-awal tahun ini. Apabila pelanchar kapal ini siap, maka kapal² kechil, di-sebelah Timor Pantai Sabah tidak-lah payah lagi di-hantar untok di-perbaiki di-Labuan yang memakan banyak belanja dan waktu. Terima kaseh.

**Tengku Zaid bin Tengku Ahmad (Pasir Mas Hulu):** Tuan Pengerusi, saya suka menyentoh dalam Kepala 147, Pechahan-kepala 16, Sharikat Penerbangan Malaysia-Singapura. Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Sharikat M.S.A. atau Sharikat Penerbangan Malaysia-Singapura ini yang akan menerima peruntokan $9.5 juta untok menambahkan saham² yang baharu, saya berharap Yang Berhormat Menteri serta Kerajaan akan meng-adakan satu jawatan-kuasa untok mengkaji kedudokan Sharikat ini dari segi kepentingan negara kita dengan sa-chepat mungkin, kerana saya ingin Kerajaan *meng-appraise* kedudokan M.S.A. ini sa-mula sa-belum-nya lebeh banyak lagi duit kita di-churahkan ka-dalam sharikat ini. Tuan Pengerusi, saya suka menchadangkan supaya MARA di-beri satu hak untok meng-adakan sa-buah Sharikat Makanan Catering Service untok Sharikat Penerbangan M.S.A. supaya sharikat ini dapat membekalkan semua ma-kanan² yang di-perlukan oleh Sharikat M.S.A. yang mana sekarang ini di-beli dari sa-buah sharikat asing di-luar Malaysia. Dengan chara² ini . . . .

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Untok penjelasan—catering service yang ada di-Singapura bukan sharikat asing, tetapi M.S.A. Keuntongan di-bahagi dua. Saya sudah pun jawab dahulu.

**Tengku Zaid bin Tengku Ahmad:** Saya tarek balek. Tetapi saya suka juga menchadangkan, Tuan Pengerusi, supaya kita mengadakan dan suroh MARA membuka catering service. Dengan jalan ini, saya perchaya kita akan mendapat sadikit keuntongan daripada M.S.A. serta juga mengem-bangkan lagi kawasan penyertaan bumiputra kita di-lapangan perniagaan. Kita juga mesti ingat bahawa barang² makanan saya ingat lebeh mahal lagi di-Singapura daripada Malaysia—Malaysia ini lebeh murah makanan-nya daripada Singapura.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, Pechahan-kepala 16 juga, sharikat penerbangan asing yang di-beri keistimewaan untok mendarat di-Malaysia ini kita mesti kenakan lagi satu sharat, ia-itu membeli makanan yang di-buat oleh sharikat yang saya katakan tadi supaya kita mendapat keuntongan.

Saya juga ingin mengshorkan ka-pada Kerajaan dan Menteri yang ber-kenaan memberhentikan mengadakan *operation* di-jalan² yang tidak memberi keuntongan (non-profitable routes). Saya tidak membangkang tentang hasrat M.S.A. hendak mengembang-kan perjalanan-nya, akan tetapi yang saya membangkang ia-lah chara² yang di-buat oleh M.S.A. dengan mengada-kan penerbangan² di-jalan yang tidak memberi untong.

Tadi, Menteri yang berkenaan telah memberitahu Dewan yang mulia beberapa banyak keuntongan yang kita dapat daripada pelabohan², tetapi saya tidak dengar Yang Berhormat Menteri itu memberitahu kita berapa-kah banyak keuntongan yang kita telah dapati dari Sharikat Penerbangan M.S.A. ini.

Saya suka juga menyentoh lagi ber-kenaan dengan M.S.A. Tuan Pengerusi, mithal-nya penumpang² yang akan naik kapalterbang Comet 707 yang kita akan beli. . . . . .

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Jet.

**Tengku Zaid bin Tengku Ahmad:** Jet, minta ma'af. Dari satu tempat ka-Malaysia jika penumpang² ini juga boleh menaiki VC 10 daripada Malaysia yang di-punyaï oleh sharikat asing ka-tempat lain tentu mereka naik VC 10. Saya *suggest* kalau kita buang duit membeli Jet 707 tadi, lebeh baik kita beli VC 10.

Baharu² ini, Tuan Pengerusi, saya mengemukakan beberapa banyak soalan berkenaan dengan M.S.A. tetapi jawapan yang di-beri oleh Yang Berhormat Menteri tidak-lah bagitu puas hati, sebab kebanyakan jawapan itu Menteri chuba mengelinchongkan daripada yang sa-benar-nya. Saya harap Menteri akan menjelaskan soalan² saya itu dengan jelas dan terang. Itu sahaja.

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Mana satu, jadi, saya senang jawab?

**Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail (Perlis Selatan):** Tuan Pengerusi, saya bangun bersama² mengambil bahagian di-dalam membahathkan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan ini. Saya hendak berchakap sadikit sahaja, Tuan Pengerusi, Kepala 147, Pechahan-kepala 16, Sharikat Penerbangan Malaysia-Singapura. Tuan Pengerusi, saya berharap-lah perkara M.S.A. ini supaya dapat di-kaji dengan teliti-nya oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan sa-bagai kita sa-buah negara yang merdeka, maka mustahak-lah bagi kita mengadakan sharikat penerbangan yang bersendirian. Jadi, ada-kah kita berharap kapada pulau Singapura yang bagitu kechil atau *tiny Singapore*! Kita juga akan membelanjakan wang yang bagitu banyak kerana Sharikat M.S.A. ini, tetapi kita juga, Tuan Pengerusi, mempunyaï jajahan kita yang luas dan banyak perkhidmatan² ia-lah melaluï jajahan kita. Jadi, kira-nya kita berasing atau berpisah daripada Singapura, maka tentu-lah tidak akan menjadi kesulitan bagi kita. Jadi, saya suka-lah merojokkan kapada satu statement yang telah di-buat oleh Perdana Menteri Singapura sa-masa beliau berada di-London. Dalam statement itu dia menegaskan sa-kira-nya, jika perlu, maka dia akan menggunakan pilot² daripada Sharikat M.S.A. dan bagitu juga kapal² terbang M.S.A. untok faedah Singapura. Maka ini ada-lah satu kenyataan yang telah di-buat oleh ketua bagi sa-sabuah negara. Saya tahu, kita bersama tahu, bahawa memang mereka boleh buat ia-itu masa kechemasan. Jadi, pada ketika itu apa-kah yang akan jadi kapada kita yang telah bagitu banyak menchurahkan modal² yang bagitu besar terhadap Sharikat M.S.A. Jadi, saya minta-lah kapada Yang Berhormat Menteri supaya mengkaji dengan sa-halus²-nya, dan kalau boleh biar-lah kita berpisah daripada Singapura dengan kita mengadakan sharikat penerbangan kita yang bersendiri, kerana ini akan memberi, dapat banyak untong dan banyak faedah kapada negara kita Malaysia.

Tuan Pengerusi, kemudian saya sentoh lagi perkara yang telah di-uchapkan oleh Menteri Yang Berhormat berkenaan dengan kemajuan² pelabohan. Saya suka-lah menarek perhatian Menteri yang berkenaan kapada Penang Port Commission, ia-itu Perkhidmatan Ferry Service di-Pulau Pinang. Tuan Pengerusi, di-masa yang telah lalu Perkhidmatan Ferry Service di-Pulau Pinang mengambil tambang di-kedua belah pehak, kalau orang daripada sini hendak pergi ka-Pulau Pinang terpaksa membayar di-sebelah Butterworth dan bagitu juga kalau orang² daripada Pulau Pinang hendak datang ka-tanah besar dia membayar di-Pulau Pinang. Pada hari ini kita bayar di-Pulau Pinang sahaja pada ketika pergi kita tidak kena apa² bayaran sama ada motokar atau pun orang, mana-kala kita balek daripada Pulau Pinang, maka di-situ-lah di-ambil segala tambang²-nya dengan dua belah. Sunggoh pun keadaan itu menguntongkan, tetapi saya minta Menteri yang berkenaan menimbangkan balek chara² itu, kerana saya lihat sa-masa orang haji baharu² ini ada beribu² orang yang terpaksa dudok di-tengah panas kerana hendak mendapatkan tiket. Jalan untok mengambil tiket itu sempit dan melaluï beberapa gate dan mereka kena berpusing², kalau sa-saorang itu bawa barang barangkali kena junjong barang itu, Tuan Pengerusi, kemudian kalau dia ada anak, ada pula lorong untok

anak itu lalu, tetapi kanak² kechil ta' kan mahu dia sa-orang sahaja, dia tentu mengikut bapa dia, dia tersepit, terlekat pula. Salah siapa, salah tempat pusing itu. Kalau orang perut besar tidak lepas (*Ketawa*). Ini, Tuan Pengerusi, ada-lah menyusahkan.

**Tuan Tajudin bin Ali (Larut Utara):** Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan. Saya sa-orang Ahli Penasehat Lembaga Pelabohan Pulau Pinang. Hal ini, Tuan Pengerusi, kita telah kaji berpanjang²an, bukan sa-mata² hari orang naik haji, Hari Thaipusam, Hari Raya Haji dan Hari Raya Puasa, tetapi ke-selurohan-nya, Tuan Pengerusi. Perkara ini menguntongkan ra'ayat, menyenangkan ra'ayat dan melichinkan pentadbiran Lembaga Pelabohan. Kita tidak ambil tindakan tergesa². Terima kaseh.

**Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail:** Tuan Pengerusi, keputusan itu hanya di-buat di-atas meja, tidak pada amalan-nya, tetapi saya minta-lah siapa yang menjadi Pesurohjaya sekarang ini pergi di-sana dan lihat—saya satu jam melihat-nya, Tuan Pengerusi. Bukan saya buat keputusan di-atas meja, dengan mata kepala saya sendiri yang melihat-nya. Jadi dengan sebab itu-lah, Tuan Pengerusi, saya merayu kapada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya menyiasat kembali chara² kita ambil tiket yang menyusahkan ra'ayat itu kerana tujuan kita mengadakan ferry service itu ia-lah hendak menyenangkan ra'ayat. Kita tidak boleh ikut negara yang maju, orang bawa satu beg berjalan—kita tidak, Tuan Pengerusi. Kita orang Melayu satu orang hendak lalu, sa-tengah²-nya itu ada empat orang anak, sa-tengah dia dukong, yang pegang baju lagi, Tuan Pengerusi, ikut belakang. Jadi, saya berharap dan merayu kapada Menteri yang berkenaan supaya mengkaji sa-mula berkenaan dengan perkhidmatan ferry di-Pulau Pinang.

**Tuan Geh Chong Keat (Penang Utara):** (*bangun*).

**Tuan Pengerusi:** Berapa lama hendak chakap?

**Tuan Geh Chong Keat:** Saya ingat lima minit.

**Tuan Pengerusi:** Kalau lima minit, saya benarkan.

**Tuan Geh Chong Keat** (*dengan izin*): Mr Chairman, Sir, I would like to compliment the Minister or the progress made. I would actually like to say "thank you" and sit down, but I feel that it is not customary for me to stand up and say "thank you" and sit down. Therefore, I ask for your tolerence to allow me to say a few words.

Mr Chairman, Sir, I would like to touch on the subject of Civil Aviation, Head 147, in respect of the Penang Airport. I am actually much enlightened and happy to say that much consideration has been given to us, and it is due time that we should have the Airport extended. However, I would like to draw the Minister's attention to the act that we need larger accommodation for the passengers, the visitors, and all those who would like to bid farewell and send off members of their families and friends, by the provision of a big gallery. As we all know, Penang is now becoming a centre of attraction and, as I have said before, it is becoming the gateway to Malaysia—"the San Francisco of Malaysia". So. I would like to draw the Minister's attention to this matter.

Sir, I now would like to speak on Heads 145 and 146, i.e. the Malayan Railways and the Port of Penang. The Railway Station and the passage way have been extended, and for the convenience of passengers, I would like to make a request for the provisions of luggage carriers, or luggage conveyors, or that more porters be provided. We have a lot of youths, who are unemployed, and the Minister could arrange to have more porters by giving employment to our local youths; of course, their number indicators must be there, otherwise the passengers will be chasing after the porters instead of chasing after their luggage. So, I would like to draw the Minister's attention to this.

Sir, speaking on the Port of Penang, the Minister thanked the consultants,

but I disagree with him. I feel that he must thank the staff, because in the previous session of Parliament, I pointed out to the Minister that there was a drain on the Port Commission's funds. I am sure the Minister will realise that through the effort of the staff and their suggestions the daily takings or collections, since the Minister took action following my parliamentary speech, have increased by $200—after that I think it has now exceeded, $500. I might say that through these efforts, perhaps, the takings should now have been increased by $1,000. Therefore, it can be seen that every day there is an increase—and little drops of water make the ocean; and that, Sir, is the profit that the Minister has made for his Ministry through this Port Commission. However, I am still not happy. I have found out that while there were two gates previously, now there is only one gate. I am sure our intelligent boys at the Port Commission might have recommended that idea to the Minister too. Therefore, if the Minister has closer relation with, and pay more attention to, the intelligent staff that he has on such improvements to the services of the Penang Port Commission, he would have known that he could save a few hundred thousand dollars. I understand that through the advice of consultants buoys costing a few hundred thousands dollars were constructed but this scheme has now been abandoned. Therefore, I say, train the local staff, train your local Penang Port Commission staff. I, as the man on the spot staying on the Island, know and I pay great tribute to the Port Commission's staff from the labourer right up to the administrator. By saying "Thank you" to the consultants to whom we have paid enormous amounts, I feel the senior staff are not very happy about it. They feel that they could have done a better job, we have got to pay compliments to the professionals.

Mr Chairman, Sir, I think the Minister could enlighten this House as to how much he has collected since that day. But nevertheless, I still say that there is room for improvement. I am sure if the Minister tightens up a bit, see the boys, have a good talk with them, talk on the pride and prestige and loyalty to service, I am sure that everyday he can make another hundred dollars extra. However, Sir, in appreciation for that, give them a good salary, give them a good bonus, give them a fair deal in the service. That is all I ask for the staff of the Penang Port Commission. Even though I am not their good friend, even though I know that some of the staff are not very happy about me, still I have done my duty and have contributed my share to the improvement of the financial position of the Penang Port Commission.

Sir, I would like to touch on Head 149—*Jabatan Laut*. I notice that in this Marine Section we have a lot of pilots. There are pilot boats to guide steamers in and out of the harbour, but I am surprised to see very few Malaysians in that Section. Why is it so difficult to get Malaysians? Is it because of the training? Is it because of the examination? Sir, I notice one thing that we have not changed. We still stick to the old system of having our Pilot Examinations set by the British in London and the pilots must pass the examination before they can be given a licence to pilot these boats. Therefore, I would ask, is it not time for us to set up training schools, or is it because we have no competent candidates? I am sure, Sir, that if the Minister pays more attention to this Department we will have the material. We have thousands of students who have passed the H.S.C. and the School Certificate Examination and I am sure we have the material. Therefore, let us tap all these materials and give the students training and, if possible, set the examination locally in Malaysia and our boys will have a better chance; otherwise, we will not be given room for improvement and our boys will not be given a fair chance to have the licence to pilot those boats. I am sure that is the only Department which the Minister has overlooked and, therefore, I request the Minister to study that Department. Terima kaseh.

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Tuan Pengerusi, saya menjawab dengan rengkas-nya sahaja.

Ahli Yang Berhormat Wakil dari Pasir Mas Hulu telah memberikan pandangan² berkenaan dengan meng-adakan Jawatan-kuasa. Yang sa-benar-nya pehak Kerajaan dan pehak M.S.A. memang telah menyelideki dari satu masa ka-satu masa dan bagi pehak kita, kita tidak-lah dudok diam sahaja berkenaan dengan M.S.A. yang mana kita mempunyaï banyak bilangan saham-nya. Tetapi sa-bagaimana yang saya telah terangkan di-dalam jawapan² saya dahulu bahawa sa-bagai Menteri, saya tidak tahu menjawab sa-chara melanchong² bagitu, saya tidak tahu berchakap sa-macham itu. Saya suka terangkan kapada Rumah yang ber-bahagia ini bahawa Menteri hanya bertanggong-jawab atas dasar²—tidak lain daripada itu—straight sahaja mahu pergi ka-Singapura, tidak ada singgah ka-mana² lagi. Oleh kerana Ahli Yang Berhormat tidak dapat jawapan yang barangkali ia fikir bahawa orang yang menerangkan kapada beliau itu betul, boleh jadi penerangan yang di-berikan kapada Ahli Yang Berhormat itu sa-paroh betul, maka dengan sebab itu, apabila kita mendapat penerangan dan penjelasan dengan angka² dan ke-terangan-nya, selalu-nya di-dapati soalan² tidak tepat. Saya minta kapada Ahli Yang Berhormat ini pada masa ka-hadapan kelak sa-kira-nya hendak menyentoh berkenaan dengan M.S.A. ini, ia-itu satu sharikat perdagangan, sunggoh pun Kerajaan Malaysia dan Singapura ada mempunyaï banyak modal di-dalam-nya, perkara² detail hendak lah di-salorkan kapada Penge-rusi Sharikat M.S.A. ini—Sharikat M.S.A. bukan-lah satu Pejabat Kera-jaan. Jikalau Pejabat Kerajaan pun tidak-lah bertalu² membangkitkan soalan² berkenaan dengan rumah-tangga, atau pun berkenaan dengan perkhidmatan yang kita tidak boleh mengganggu berkenaan dengan naik pangkat pegawai²-nya, tanggong-jawab itu ada-lah biasa-nya, kalau ia sa-buah pejabat Kerajaan, terserah kapada Surohanjaya Perkhidmatan Awam, dan kita tidak dapat hendak mengganggu atas perkara ini.

Dan lagi berkenaan dengan MARA mengadakan catering, itu memang-lah saya hendak tolong, kalau dapat MARA lekas mengadakan catering² yang baik dan dengan harga yang murah, maka tentu-lah pehak² kapal terbang, sama ada M.S.A. dan lain² kapal terbang yang singgah di-Kuala Lumpur, ini boleh menentukan dan boleh menggunakan makanan² yang baik daripada masakkan makanan orang² kita di-sini. Itu terpulang-lah kapada MARA; saya tidak tahu-lah sama ada Ahli Yang Berhormat itu telah berunding dengan MARA atau tidak, dan saya akan hubongkan dengan Pengerusi MARA nanti.

Berkenaan dengan fasal apa kita beli 707 tidak beli VC 10, kata-nya tentu-lah orang ramai suka kapada VC 10, sebab barangkali memuaskan hati penumpang², soal itu ada-lah soal kesukaan masing². Penumpang² yang hendak menaiki kapal terbang di kawasan ini yang mana lebeh murah perbelanjaan hari², dan harga-nya boleh jadi sama, tetapi kalau perbelanjaan-nya tiap² hari itu lebeh bagaimana yang kita telah selideki daripada pehak² yang tertentu dan sudah di-bandingkan dengan VC 10 dan DC 8 segala²-nya. Tetapi mengikut dalam kawasan ini sa-bagaimana QANTAS yang meng-gunakan 707 dan B.O.A.C. sendiri menggunakan 707, dan kita telah selideki bahawa perkara itu ada-lah lebeh ekonomik; kerana kita hendak menyelamatkan perbelanjaan, hendak menguntongkan banyak kapada pehak² Kerajaan yang mempunyaï modal yang besar di-dalam-nya, dan bukan-lah hendak dudok sedap sahaja. Insha' Allah Ahli Yang Berhormat itu boleh naik 707 dan VC 10 dan barangkali boleh jadi 707 lebeh sedap dan lebeh moden lagi, dan itu terpulang-lah kapada pendapat masing².

Ahli Yang Berhormat dari Perlis Selatan tadi telah berchakap supaya di-siasat dengan halus-nya berkenaan dengan M.S.A. ini. Kita telah selideki dengan sa-habis² halus-nya. Perpisahan antara kita dengan Singapura ini baharu masok tahun yang ketiga, dan dalam dua tahun yang sudah telah di-pereksa dan di-dapati tidak ada lain yang lebeh utama buat sementara ini yang saya kata atas perhubongan Malaysia dan Singapura ini bersama²

menjalankan M.S.A., kerana sa-lama ini pun sharikat kapal terbang itu berjalan keadaan sa-macham itu juga, tetapi ini kita akan selideki-lah daripada satu masa ka-satu masa. Ini berma'ana bukan-lah kita puas hati dengan keadaan yang ada hari ini.

Ahli Yang Berhormat itu membawa cherita Perdana Menteri Singapura konon-nya kalau ada dzarurat, kita ambil sahaja pilot², atau pun pemandu² kapal terbang Jet Comet itu, bawa kapal terbang—fighter. Tetapi Ahli Yang Berhormat itu tidak tahu diantara pemandu² itu ada juga pemandu² yang terdiri daripada warganegara Malaysia. Dia tidak boleh paksa bukan warganegara, dan kita pun hendak lateh lagi banyak daripada pilot² warganegara Malaysia kita ini; kalau dia boleh pakai, kita pun boleh pakai; sama² boleh pakai, sama² ada kita punya pemandu². Jangan-lah kita hanya memandang kapada sa-belah. Kami tahu apa yang ada persiapan pada hari ini, tetapi kalau ada chara² yang prektik, tidak usah-lah berchakap di-Dewan yang mulia sa-macham ini, kerana tidak dapat di-rahsiakan. Saya minta supaya Ahli Yang Berhormat itu berhubong dengan saya dan kita akan perbaiki chara²-nya ini yang mana banyak rahsia² ada di-dalam-nya dan kita tidak boleh-lah berchakap dengan melulu bagitu sahaja.

Berkenaan dengan kapal haji berthabit dengan feri kalau betul cherita itu, tentu-lah saya bersama² juga menumpang sedeh. Perkara yang sa-macham ini, saya harap sa-orang daripada Wakil Jawatan-kuasa Penasihat Bakal² Haji ini akan dudok bersama² dengan Jawatan Lembaga Pelabohan yang akan menguruskan perkara ini, kerana kami mengadakan sa-kali bayar untok dua kali jalan. Ini berma'ana menyelamatkan waktu, menyelamatkan belanja dan kerja dapat di-kurangkan. Ada tiket chap bulan juga. Dan dari segi itu sudah di-semak dengan sahalus²-nya, dan Ahli Yang Berhormat dari Larut Utara pun menjadi sa-orang daripada Ahli Jawatan-kuasa Penasihat-nya. Kami akan semak dengan sa-halus²-nya apa yang terjadi pada tiap² hari.

Berkenaan dengan waktu² Thaipusam, Hari Raya, Kapal² Haji; ini perkara istimewa yang tentu kami akan ikhtiar dan perbaiki, boleh jadi di-beli tiket itu terlebeh dahulu, siang lagi telah di-beli, tetapi walau macham mana pun kita akan perbaiki—tidak usah-lah susah atas perkara itu.

Ahli Yang Berhormat dari Pulau Pinang Utara menguchapkan terima kaseh kapada Kementerian ini atas kerja²-nya itu, dan bagi pehak Kementerian saya pun uchapkan berbanyak terima kaseh atas pandangan²-nya itu, dan bagi Kementerian Pengangkutan kalau berthabit dengan Pulau Pinang ini, peruntokan akan di-beri dengan sa-banyak²-nya. Kita lihat peruntokan bagi pelabohan sudah dekat $60 juta. Lapangan kapal terbang dahulu-nya peruntokan $2 juta, sekarang lebeh $1 juta bagi sudah lebeh $3 juta. Bagaimana pun kita tidak puas hati juga, feri di-tambah lagi, berapa banyak wang Kerajaan Pusat dichurahkan kapada Pulau Pinang dan Butterworth, kerana membaiki perhubongan bagi menguntongkan ra'ayat, tetapi kalau pehak Ahli Yang Berhormat ini belum puas lagi, saya fikir tidak ada manusia yang puas dengan segala²-nya, tetapi beri-lah timbangan, kapada Kementerian dan kaki-tangannya yang telah berikhtiar dengan sachara apa juga bagi membaiki keadaan yang ada di-Pulau Pinang itu dan ditanah besar-nya. Dan saya uchapkan berbanyak terima kaseh kapada mereka² yang menjalankan kewajipan mereka di-sana.

Berkenaan dengan lorong yang menghubongkan steshen keretapi dengan feri itu, saya tahu memang jauh dan perkara itu mesti-lah di-adakan banyak lagi porter², perkara² ini sedang diselideki dengan halus-nya, kerana ada dua buah persatuan² buroh di-sana: Harbour Board Union dan RUM; ini yang kita hendak uruskan, insha' Allah kita akan dapatkan lagi banyak porter² bagi menyenangkan orang² yang hendak menggunakan keretapi dan pergi ka-feri-bot² itu.

Berkenaan dengan pepereksaan hendak menjadi pilot yang saya dengar

tadi barangkali Ahli Yang Berhormat ini pada satu waktu nanti saya akan lantek beliau untok dudok dalam Jawatan-kuasa yang juga memereksa orang² kita Malaysian—walau apa bangsa—itu tidak menjadi soal pokok; yang telah ada kelulusan berkenaan dengan pilot kapal² yang mana pepereksaan di-adakan pada tiap² tiga bulan, dan ramai di-antara-nya sudah pun di-luluskan untok menjadi pilot², tetapi saya setuju apa perkara yang kita akan adakan tentu-lah kita akan meneliti lebeh dahulu dengan mengikut keadaan yang ada di-negara kita.

Berkenaan dengan menjadi pilot kapal mereka ini, akan memandukan kapal² daripada seluroh dunia sa-kiranya pemandu² atau pilot² ini tidak tahu berkenaan dengan atoran peratoran international, kalau terlanggar sa-sabuah kapal itu, berpuloh² boleh jadi dan beratus juta ringgit harga-nya. Maka dengan sebab itu kita kena-lah berhati², tetapi ini bukan-lah berma'ana yang pekerjaan² ini dimonopoli oleh bangsa Eropa sahaja bahkan sekarang ini pun telah banyak ada warganegara Malaysia yang menjadi pemandu² itu. Saya harap kapada Ahli Yang Berhormat itu kalau datang ka-Pejabat saya, saya boleh terangkan list berapa banyak ada daripada orang² kita yang menjadi pilot selain daripada orang² Malaysia yang bukan bumiputra. Saya ingat itu-lah sahaja dengan rengkas-nya yang dapat saya terangkan kerana waktu pun sudah pukul 8.12 minit dan saya uchapkan banyak terima kaseh.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak $2,599,990 untok kepala 145; wang sa-banyak $15,809,560 untok kepala 146; wang sa-banyak $17,800,015 untok kepala 147; wang sa-banyak $359,467 untok kepala 148, dan wang sa-banyak $39,827,209 untok kepala 149 di-setujukan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1968.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Bahawa Dewan ini menetapkan ia-itu wang berjumlah tidak lebeh daripada $887,981,619 di-belanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan dalam tahun 1968, dan untok melaksanakan tujuan² Kepala² dan Pechahan²-kepala yang terchatet di-ruangan pertama dan kedua dalam Anggaran Pembangunan, 1968 yang di-bentangkan sa-bagai Kertas Perentah Bil. 55 tahun 1967, maka jumlah² wang yang bertentangan dengan Kepala² dan Pechahan²-kepala di-ruangan kelapan dan kesembilan itu ada-lah di-peruntokkan bagi tujuan masing²; dan dengan ini ketetapan yang di-luluskan oleh Dewan ini pada 13hb November, 1967, mengenaï perbelanjaan yang di-bayar daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 1968, ada-lah di-mansokhkan.

*Majlis Meshuarat bersidang sa-mula.*

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mema'alumkan ia-itu Jawatan-kuasa telah menimbangkan usul yang diserahkan kapada-nya dan setujukan dengan urusan itu. Saya sa-terus-nya menchadangkan supaya usul yang telah kita bahathkan pada beberapa hari ini supaya di-setujukan.

**Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa Dewan ini menetapkan ia-itu wang berjumlah tidak lebeh daripada $887,981,619 di-belanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan dalam tahun 1968, dan untok melaksanakan tujuan² Kepala² dan Pechahan²-kepala yang terchatet di-ruangan pertama dan kedua dalam Anggaran Pembangunan, 1968 yang di-bentangkan sa-bagai Kertas Perentah Bil. 55 tahun 1967, maka jumlah² wang yang bertentangan dengan Kepala² dan Pechahan²-kepala di-ruangan kelapan dan kesembilan itu ada-lah di-peruntokkan bagi tujuan masing²; dan dengan ini ketetapan yang di-luluskan oleh Dewan ini pada 13hb November, 1967, mengenaï perbelanjaan yang di-bayar daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 1968, ada-lah di-mansokhkan.

## PENANGGOHAN

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan,

Bahawa perbinchangan sa-lanjut nya mengenaï urusan yang ada di-hadapan Majlis ini di-tempohkan dan Majlis ini ditanggohkan sekarang.

**Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Meshuarat ini di-tanggohkan hingga pukul 10 pagi besok.

*Meshuarat di-tanggohkan pada pukul 8.20 malam.*